

**UNSUR PROPAGANDA MENERUSI CERITA JENAKA  
MELAYU TERPILIH: KAJIAN TERHADAP  
PEMAHAMAN PELAJAR KESUSASTERAAN  
WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**NUR AISYAH BINTI ROSLEE  
C20A1208**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Unsur Propaganda Menerusi Cerita Jenaka Melayu Terpilih:  
Kajian Terhadap Pemahaman Pelajar Kesusasteraan  
Warisan, Universiti Malaysia Kelantan**

**Nur Aisyah binti Roslee  
C20A1208**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda  
Pengajian Warisan dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

Tandatangan

---

Tandatangan Penyelia

Nur Aisyah Binti Roslee  
C20A1208  
Tarikh: / / 2024

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar  
Tarikh: / / 2024

## PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat ilahi dengan izin dan limpah kurniaNya serta segala puji kepada Allah SWT telah dapat pengkaji menyempurnakan projek penyelidikan akhir dengan sempurna dan jayanya. Meskipun menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang menjalankan penyelidikan namun banyak sokongan dan dorongan serta bantuan telah pengkaji peroleh sepanjang proses untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Justeru itu, saya dengan rendah hati ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku pensyarah dan penyelia yang saya hormati bagi projek penyelidikan akhir ini. Saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah banyak memberi sokongan dan tidak jemu dalam memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang tidak kurang sepanjang proses penulisan penyelidikan ini berlangsung sehingga akhirnya. Sesungguhnya, pengorbanan dan kesabaran yang telah diberikan oleh beliau kepada saya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang telah dilakukan beliau.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada ibu saya iaitu Noor Ashikin Binti Ariifin kerana tidak pernah lelah dalam meberikan sokongan dan semangat serta doa yang tak terhingga sepanjang saya menyelesaikan penulisan projek penyelidikan akhir ini. Di samping itu, saya tujukan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang membantu saya dan memberikan bantuan serta kerjasama dalam membantu saya sebagai responden sepanjang saya menyiapkan penulisan projek ini. Oleh itu, segala jasa dan pengorbanan yang telah diberi amat saya hargai dan bersyukur kerana banyak pertolongan yang telah saya peroleh.

Sekian, Terima kasih.

Nur Aisyah Binti Roslee  
Kuala Kubu Bharu,  
Selangor.

## JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	HALAMAN
	<b>PENGESAHAN TESIS</b>	i
	<b>PENGHARGAAN</b>	ii
	<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	v
	<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
	<b>SENARAI CARTA ALIR</b>	ix
	<b>ABSTRAK</b>	x
	<b>ABSTRACT</b>	xi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.2.1 Definisi Konsep	3
	1.3 Permasalahan Kajian	10
	1.4 Persoalan Kajian	12
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Skop Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	15
	1.8 Penutup	17
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Propaganda	19
	2.2.1 Tesis	19
	2.2.2 Artikel Kajian	20
	2.2.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	22
	2.3 Kajian Lepas Mengenai Cerita Jenaka	24
	2.3.1 Tesis	24
	2.3.2 Artikel Jurnal	24
	2.3.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	28
	2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan	30
	2.4.1 Tesis	30
	2.4.2 Artikel Jurnal	31
	2.4.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)	33
	2.5 Penutup	34
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	3.0 Pengenalan	35
	3.1 Reka Bentuk Kajian	36
	3.1.1 Kualitatif	36
	3.1.2 Kuantitatif	36
	3.1.3 Kajian Dokumentasi	37
	3.2 Cara Pengumpulan Data	39
	3.2.1 Kaedah Kepustakaan	39

3.2.2 Kaedah Internet	40
3.2.3 Analisis Dokumen	40
3.2.3.1 Analisis Teks	41
3.2.3.2 Analisis Artikel Jurnal/Buku	42
3.2.4 Instrumen Kajian	43
3.2.4.1 Soal Selidik	43
3.3 Kaedah Penerapan Teori	46
3.3.1 Teori Braginsky	46
3.3.1.1 Teori Sfera Fungsional	47
3.3.2 Kaedah Analisis Teori	50
3.3.3 Kerangka Teori	50
3.4 Penutup	52
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1 Pendahuluan	53
4.2 Konsep Propaganda menerusi cerita jenaka	53
4.2.1 Konsep propaganda dalam sastera lisan	55
4.2.2 Jenis-jenis propaganda	57
4.2.3 Teknik-teknik propaganda	60
4.3 Unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu	68
4.3.1 Kisah Pak Kaduk	68
4.3.2 Kisah Lebai Malang	74
4.3.3 Kisah Pak Pandir	80
4.3.4 Kisah Pak Belalang	86
4.3.5 Kisah Si Luncai	95
4.4 Kesan unsur propaganda dalam watak menerusi cerita jenaka kepada khalayak	102
4.4.1 Demografi responden	102
4.4.2 Pengetahuan dan pemahaman masyarakat	105
4.4.3 Kesan unsur propaganda dalam aspek emosi	112
4.4.4 Kesan unsur propaganda dalam aspek rohani	124
4.4.5 Kesan unsur propaganda dalam aspek jati diri	136
4.5 Penutup	148
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.1 Pendahuluan	149
5.2 Rumusan Kajian	149
5.3 Cadangan	154
5.3.1 Individu	154
5.3.2 Masyarakat	155
5.3.3 Institusi	156
5.4 Penutup	158
<b>Rujukan</b>	159
<b>Lampiran</b>	163

## SENARAI RAJAH

	HALAMAN
3.2.2.1 Teks Cerita Jenaka	41
4.4.1.1 Jantina Responden	102
4.4.1.2 Umur Responden	104
4.4.2.1 Pengetahuan Responden Terhadap Maksud Cerita Jenaka	105
4.4.2.2 Pengetahuan Responden Terhadap Jenis-jenis Cerita Jenaka	106
4.4.2.3 Pengetahuan Responden Terhadap Makna Unsur Propaganda	107
4.4.2.4 Pengetahuan Responden Terhadap Kehadiran Unsur Propaganda Dalam Cerita Jenaka	108
4.4.2.5 Pengetahuan Responden Terhadap Kehadiran Unsur Propaganda Dalam Semua Cerita Jenaka Melayu	109
4.4.2.6 Pengetahuan Responden Terhadap Unsur Propaganda Mencerminkan Kehidupan Masyarakat	110
4.4.2.7 Pengetahuan Responden Terhadap Unsur Propaganda Membawa Kesan Baik dan Buruk	111
4.4.3.1 Peratusan Terhadap Kesan Rasa Empati Dalam Kehidupan Masyarakat	112
4.4.3.2 Peratusan Terhadap Pengukuhan Hubungan Erat dan Saling Menghargai Antara Kalangan Masyarakat	114
4.4.3.3 Peratusan Terhadap Manipulasi pemikiran dan perasaan Masyarakat Terhadap Makna Sebenarnya Dalam Cerita Jenaka	116
4.4.3.4 Peratusan Terhadap Perwatakan Negatif Menerusi Cerita Jenaka Menggambarkan Emosi Dan Sikap Masyarakat Melayu	118
4.4.3.5 Peratusan Terhadap Meningkatkan Kesedaran Dan Perhatian Masyarakat Terhadap Sesuatu Isu Yang Berlaku	120
4.4.3.6 Peratusan Terhadap Keupayaan Pemikiran Masyarakat Dalam Menangani Masalah Dan Konflik Terhadap Isu Politik Dengan Lebih Mendalam	122
4.4.4.1 Peratusan Terhadap Cerita Jenaka Memberikan Pengajaran Kepada Kehidupan Masyarakat	124
4.4.4.2 Peratusan Terhadap Memupuk Nilai Moral Dalam Diri Khalayak	126
4.4.4.3 Peratusan Terhadap Kehidupan Masyarakat Yang Taksu Dan Percaya Dengan Hal-Hal Karut	128
4.4.4.4 Peratusan Terhadap Penyebaran Ideologi Yang Tertentu Dalam Kalangan Masyarakat	130
4.4.4.5 Peratusan Terhadap Memperluaskan Pengetahuan Terhadap Makna Tersirat Yang Disampaikan Menerusi Cerita Jenaka Kepada Khalayak	132
4.4.4.6 Peratusan Terhadap Membina Semangat Dan Mengawal Diri Untuk Lebih Menghargai Setiap Perkara Yang Berlaku Dalam Kehidupan	134

4.4.5.1	Peratusan Terhadap Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Dan Tindakan Masyarakat	136
4.4.5.2	Peratusan Terhadap Membentuk Sikap Murni Dalam Diri Khalayak Sehingga Kini	138
4.4.5.3	Peratusan Terhadap Pengetahuan Kepada Masyarakat Terhadap Nilai Budaya Dan Warisan Tradisional	140
4.4.5.4	Peratusan Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Tidak Berkembang Dan Terlalu Kolot	142
4.4.5.5	Peratusan Terhadap Kelemahan Pemerintah Dalam Mentadbir Negara	144
4.4.5.6	Peratusan Terhadap Lambang Masyarakat Melayu Yang Mempunyai Keberanian Dan Berjiwa Besar	146



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI JADUAL

	HALAMAN
3.2.4 Kaedah Instrumen Kajian	43
3.2.4.1 Saiz Persampelan Morgan & Krejcie (1970)	44
4.2.3 Teknik Propaganda Menerusi Cerita Jenaka Melayu	64
4.4.1.1 Jantina Responden	102
4.4.1.2 Umur Responden	104
4.4.2.1 Pengetahuan Responden Terhadap Maksud Cerita Jenaka	105
4.4.2.2 Pengetahuan Responden Terhadap Jenis-jenis Cerita Jenaka	106
4.4.2.3 Pengetahuan Responden Terhadap Makna Unsur Propaganda	107
4.4.2.4 Pengetahuan Responden Terhadap Kehadiran Unsur Propaganda Dalam Cerita Jenaka	108
4.4.2.5 Pengetahuan Responden Terhadap Kehadiran Unsur Propaganda Dalam Semua Cerita Jenaka Melayu	109
4.4.2.6 Pengetahuan Responden Terhadap Unsur Propaganda Mencerminkan Kehidupan Masyarakat	110
4.4.2.7 Pengetahuan Responden Terhadap Unsur Propaganda Membawa Kesan Baik dan Buruk	111
4.4.3.1 Peratusan Terhadap Kesan Rasa Empati Dalam Kehidupan Masyarakat	112
4.4.3.2 Peratusan Terhadap Pengukuhan Hubungan Erat dan Saling Menghargai Antara Kalangan Masyarakat	114
4.4.3.3 Peratusan Terhadap Manipulasi pemikiran dan perasaan Masyarakat Terhadap Makna Sebenar Dalam Cerita Jenaka	116
4.4.3.4 Peratusan Terhadap Perwatakan Negatif Menerusi Cerita Jenaka Menggambarkan Emosi Dan Sikap Masyarakat Melayu	118
4.4.3.5 Peratusan Terhadap Meningkatkan Kesedaran Dan Perhatian Masyarakat Terhadap Sesuatu Isu Yang Berlaku	120
4.4.3.6 Peratusan Terhadap Keupayaan Pemikiran Masyarakat Dalam Menangani Masalah Dan Konflik Terhadap Isu Politik Dengan Lebih Mendalam	122
4.4.4.1 Peratusan Terhadap Cerita Jenaka Memberikan Pengajaran Kepada Kehidupan Masyarakat	124
4.4.4.2 Peratusan Terhadap Memupuk Nilai Moral Dalam Diri Khalayak	126
4.4.4.3 Peratusan Terhadap Kehidupan Masyarakat Yang Taksud Dan Percaya Dengan Hal-Hal Karut	128
4.4.4.4 Peratusan Terhadap Penyebaran Ideologi Yang Tertentu Dalam Kalangan Masyarakat	130
4.4.4.5 Peratusan Terhadap Memperluaskan Pengetahuan Terhadap Makna Tersirat Yang Disampaikan Menerusi Cerita Jenaka Kepada Khalayak	132
4.4.4.6 Peratusan Terhadap Membina Semangat Dan Mengawal Diri Untuk Lebih Menghargai Setiap Perkara Yang Berlaku Dalam Kehidupan	134
4.4.5.1 Peratusan Terhadap Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Dan Tindakan Masyarakat	136

4.4.5.2	Peratusan Terhadap Membentuk Sikap Murni Dalam Diri Khalayak Sehingga Kini	138
4.4.5.3	Peratusan Terhadap Pengetahuan Kepada Masyarakat Terhadap Nilai Budaya Dan Warisan Tradisional	140
4.4.5.4	Peratusan Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Tidak Berkembang Dan Terlalu Kolot	142
4.4.5.5	Peratusan Terhadap Kelemahan Pemerintah Dalam Mentadbir Negara	144
4.4.5.6	Peratusan Terhadap Lambang Masyarakat Melayu Yang Mempunyai Keberanian Dan Berjiwa Besar	146



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI CARTA ALIR

3.3.3

Kerangka Kajian Teori

HALAMAN


51



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Unsur Propaganda Menerusi Cerita Jenaka Melayu Terpilih: Kajian Terhadap  
Pemahaman Pelajar Kesusasteraan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

**ABSTRAK**

Cerita jenaka merupakan salah satu karya agung dalam sesebuah sastera rakyat dan seringkali dikaitkan dengan unsur humor yang hadir daripada setiap perlakuan watak dalam sesebuah cerita jenaka. Namun demikian, kehadiran unsur humor ini telah menyebabkan masyarakat Melayu kurang memandang kepada aspek-aspek yang dapat mempengaruhi pemikiran dan sifat mereka sehari-hari. Tambahan pula, masyarakat luar turut memandang dan mengkritik akan budaya serta pemikiran masyarakat Melayu yang terlalu kolot sehingga menggambarkan keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Oleh hal yang demikian, hal tersebut telah membawa kepada satu sangkaan yang tidak baik menganggap pandangan tersebut sebagai satu propaganda kepada masyarakat Melayu. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep propaganda yang diperlihatkan menerusi jenis dan teknik dan kehadirannya dalam cerita jenaka Melayu serta kesan kehadirannya yang dibawa menerusi penceritaan cerita jenaka kepada khalayak. Menerusi kajian ini, pengkaji telah membataskan kepada 5 buah kisah dalam cerita jenaka Melayu. Kajian ini telah menggunakan pendekatan gabungan yang merangkumi pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah rujukan teks. Manakala, pendekatan kuantitatif pula menggunakan kaedah soal selidik yang melibatkan seramai 66 orang pelajar dari Kesusasteraan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Sfera Fungsional yang dipelopori oleh V. I. Braginsky bagi memperlihatkan keindahan penceritaan yang dibawa meskipun adanya unsur propaganda di dalamnya. Oleh itu, hasil kajian ini telah memperlihatkan kehadiran unsur-unsur propaganda tersebut yang memaparkan keadaan sosiopolitik, agama dan budaya, masyarakat yang materialistik dan sebagainya.

**Kata kunci:** Cerita Jenaka Melayu, Humor, Propaganda

Elements Of Propaganda Through Selected Malay Humors: A Study On Students'  
Understanding Of Heritage Literature, University Of Malaysia Kelantan

**ABSTRACT**

Malay humor is one of the greatest works in folk literature and is often associated with the element of humor that is present in every character's behavior in Malay humor. Nevertheless, the presence of this element of humor has caused the Malay people to look less at the aspects that can affect their thinking and nature of day to day. In addition, the outside community also looks at and criticizes the culture and thinking of the Malay people who are too colorful to describe the entire life of Malay people in the past. Thus, it has led to an unfavorable assumption of the view as propaganda to the Malay people. Similarly, this study aims to identify the concept of propaganda displayed through the type and technique and its presence in the Malay humor story as well as the effect of the presence brought through the narration of the joke to the audience. As a result of this study, the researchers have been confined to five stories in Malay humor. The study used a combined approach encompassing a qualitative approach involving text reference methods. Meanwhile, the quantitative approach uses a survey method involving 66 students from the Heritage Literature, Malaysian University of Kelantan. The researchers have applied the theory of functional spheres pioneered by V. I. Braginsky to show the beauty of the storytelling carried in despite the propaganda elements in it. Thus, the results of this study have shown the presence of such propaganda elements that exhibit sociopolitical, religious, and cultural conditions, materialistic societies, and so on.

**Keywords:** Malay Humor Story, Humor, Propaganda

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Menurut Harun Mat Piah (2006), perkataan sastera itu telah diambil daripada kata dan bahasa Sanskrit iaitu ‘*castra*’ yang memberi makna kitab yang suci atau kesucian . Sastera rakyat adalah kisah penceritaan yang hadir dalam kalangan masyarakat tradisional sejak dahulu lagi. Harun Mat Piah et al. (2000) (seperti yang dinyatakan dalam Hazrul Mazran Rusli dan Abdul Aziz Zali, 2020) menerusi *Ideology Journal* ada menyatakan bahawa “sastera rakyat sebagai satu bentuk hasilan sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain”. Secara tidak langsung, sastera rakyat ini merupakan sebuah sastera yang dimiliki bersama tanpa ada pemilik asalnya.

Selain itu, berdasarkan pernyataan Waterman dan Bascom (seperti yang dinyatakan dalam Dilah Tuah, 2022) cerita rakyat dalam kalangan masyarakat adalah satu bentuk seni yang pelbagai dari segi cerita, pepatah, mantera, lagu, peribahasa, dan pelbagai lagi jenis yang lain. Justru itu, jika dilihat dengan lebih teliti mengenai sastera rakyat, terdapat dua kategori yang tergolong di dalamnya seperti penyampaiannya secara lisan dan bukan lisan. Menerusi sastera rakyat lisan, genre ini terdiri daripada cerita mitos, cerita legenda dan cerita rakyat. Menurut Abu Bakar Hamid (1976), cerita rakyat

merupakan satu tradisi lisan yang disampaikan dari mulut ke mulut dan diturunkan ke generasi ke generasi dalam masyarakat Melayu. Selain itu, cerita rakyat adalah salah satu bentuk hiburan kepada masyarakat sejak dahulu lagi. Cerita rakyat ini mempunyai pelbagai jenis antaranya cerita jenaka, binatang, penglipur lara dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah memilih cerita jenaka dan bagi penceritaan cerita jenaka telah lama wujud sejak dahulu lagi dan pernah dibukukan oleh R.O Winstedt, ketika beliau mengkaji mengenai kesusasteraan Melayu terutama dalam sastera lisan menerusi cerita jenaka. Perkara ini jelas apabila cerita jenaka dikumpulkan dengan beberapa kisah yang dipaparkan dalam penceritaan tersebut. Antaranya, kisah *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Pak Belalang*, *Si Luncai*, serta *Lebai Malang*.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk meneliti setiap aspek baru yang boleh diperolehi dalam setiap karya cerita rakyat ini terutama menerusi cerita-cerita jenaka yang telah lama berada dalam kehidupan masyarakat Melayu. Aspek atau unsur propaganda ini dipilih sebagai satu bentuk kelainan yang cuba dibawa bagi merungkaikan bagaimana pemikiran masyarakat yang cuba memahami setiap perbuatan atau tingkah laku yang dibawa oleh watak yang terdapat dalam cerita jenaka ini sehingga mampu mengubah pendirian dan tingkah laku masyarakat dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi memperkuat lagi kajian ini, penggunaan teori keindahan oleh Braginsky juga membantu untuk menunjukkan kekuatan masyarakat dahulu dalam menyusun bait-bait kata dan kisah sehingga menjadi satu karya yang membawa makna yang mendalam kehidupan masyarakat sehingga ke hari ini tidak kira secara lisan mahupun bukan lisan.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada bahagian ini pengkaji akan menjelaskan latar belakang kajian ini dan juga definisi serta konsep bagi setiap pengisian dalam kajian ini.

### 1.2.1 Definisi Konsep

Menurut Muhammad Safuan et al. (2018), setiap karya cerita jenaka ini adalah penceritaan yang memberikan gambaran yang lucu melalui perwatakannya kepada setiap pendengar dan pembacanya. Cerita jenaka merupakan cerita yang tergolong dalam genre sastera rakyat lisan dan cerita jenaka ini dilihat sebagai sebuah penceritaan kisah yang mengandungi unsur lucu dan humor dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Oleh hal yang demikian, cerita jenaka boleh dilihat dalam dua kategori iaitu cerita jenaka tempatan dan cerita jenaka pengaruh asing. Antara cerita jenaka tempatan adalah cerita *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Si Luncai*, dan *Pak Belalang*. Manakala, bagi cerita jenaka yang mempunyai pengaruh asing seperti kisah Musang Berjanggut dan kisah Abu Nawas dari Arab dan Parsi. Kebiasaannya, cerita jenaka ini disampaikan bagi memberikan hiburan, sindiran, pengajaran, petunjuk, dan sebagainya.

Harun Mat Piah et al. (seperti yang dinyatakan dalam Hazrul Mazran Rusli dan Muhammad Abdullah, 2022) sekitar tahun 2002 ada menyatakan bahawa cerita jenaka ini terdiri daripada kisah penceritaan bersifat sederhana yang disampaikan dengan cara yang lebih santai. Cerita Jenaka merupakan kisah-kisah rakyat yang mengandungi unsur humor yang membawa fungsi hiburan, sindiran dan sebagainya kepada masyarakat. Penerimaan cerita jenaka dalam masyarakat Melayu sudah lama wujud dan sudah menjadi tradisi masyarakat Melayu untuk mengetahui setiap cerita jenaka yang hadir dalam lingkungan kehidupan mereka. Tamsilnya, cerita jenaka yang terkenal dalam



masyarakat Melayu adalah kisah *Pak Pandir, Pak Kaduk, Pak Belalang, Si Luncai, Lebai Malang* dan beberapa lagi.

Kehadiran cerita jenaka dalam kehidupan masyarakat Melayu telah memberikan peluang dan ruang untuk masyarakat memahami setiap nilai yang hadir dalam cerita jenaka tersebut bukan sahaja sebuah penceritaan yang hanya memberikan hiburan namun penuh dengan pengajaran dan pengaruh dalam kehidupan mereka. Menurut Winstedt dan Sturrock (1941), mereka ada mengkategorikan setiap watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita jenaka ini sebagai tiga jenis watak iaitu watak wira, si bodoh dan penjahat. Oleh hal yang demikian, setiap cerita rakyat seperti cerita jenaka ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam pengetahuan dan kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita jenaka telah dianggap sebagai satu wadah yang penuh dengan nilai moral dan dijadikan wadah untuk mengkritik golongan-golongan yang tertentu serta cerita jenaka ini turut memberikan gambaran akan corak kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu.

Selain itu, menurut Liaw Yock Fang (seperti yang dinyatakan dalam Rahimah Hamdan & Aliah Batrisyia Annuar, 2020) sekitar tahun 1978, cerita jenaka adalah satu bentuk karya sastera yang dikenali oleh masyarakat. Menerusi watak dan tokoh yang ditonjolkan dalam cerita jenaka tersebut adakalanya menimbulkan suatu kesalahpahaman sehingga situasi tersebut memberikan kesusahan kepada orang lain. Selain itu, kisah tersebut juga mampu menunjukkan kecerdikan dan kepandaiannya meskipun watak mereka membawa jenaka kepada khalayak. Melalui kenyataan tersebut menjelaskan bahawa meskipun watak-watak dalam cerita jenaka ini berfungsi untuk menghiburkan menerusi tingkah laku mereka namun tidak dapat dinafikan bahawa perwatakan mereka mampu menjelaskan bahawa mereka juga mempunyai kebijaksanaan dalam menempuh setiap masalah yang muncul.

Menurut Wan Abdul Kadir (seperti yang dinyatakan dalam Muhammad Safuan et. al., 2018) pada tahun 2007 menyatakan cerita jenaka iaitu sebuah tradisi masyarakat Melayu yang mempunyai unsur-unsur daripada budaya luar (proses difusi) seperti pengaruh budaya daripada India dan Islam. Selain itu, perkara ini juga dilihat telah mempengaruhi keseluruhan budaya dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, pemikiran seperti ini telah dianggap sebagai satu usaha untuk memperlihatkan bahawa budaya Melayu ini tidak berkembang dan secara tidak langsung, mereka mempunyai muslihat atau agenda mereka yang tersendiri untuk menaklukkan tanah jajahan pada ketika itu. Oleh hal yang demikian, cerita jenaka telah memberi banyak peluang kepada seseorang pengkaji atau khalayak untuk cuba melihat pelbagai aspek yang boleh diterokai bagi tujuan memberikan kesedaran dan pengajaran di samping memberikan hiburan kepada masyarakat Melayu. Tamsilnya, antara perkara yang boleh dilihat adalah unsur propaganda yang cuba disampaikan dalam penceritaan cerita jenaka kepada masyarakat melalui watak yang terdapat dalam cerita tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan masyarakat tidak sedar akan kehadiran sesuatu unsur seperti unsur propaganda yang hadir dalam sesebuah cerita yang disampaikan terutama penceritaan yang lahir dari mulut ke mulut seperti cerita jenaka.

Propaganda adalah satu tingkah laku yang dilakukan oleh individu dalam menyebarkan fahamannya terhadap masyarakat dalam usaha mempengaruhi dan mendapatkan sokongan dan kepercayaan dari mereka. Menurut Endawi (2014), telah menekankan bahawa propaganda membawa maksud satu medium atau kaedah yang digunakan untuk menyampaikan sebuah idea atau pemikiran yang lahir dari pemikiran seseorang kepada orang lain secara disengajakan untuk tujuan mempengaruhi, atau membantu seseorang, masyarakat, sebuah gerakan, institusi dan sebagainya. Selain itu, propaganda boleh dilihat dalam pelbagai cara dan kaedahnya kerana makna propaganda

ini boleh dinyatakan mengikut pemahaman dan sudut pandangan yang lain-lain. Perkara ini disebabkan oleh setiap perlakuan masyarakat dalam sesebuah kelompok merupakan satu bentuk propaganda yang dilakukan untuk mempengaruhi orang sekeliling.

Setiap bentuk ideologi dalam propaganda ini memberikan satu tujuan yang berbeza dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Hal ini bergantung kepada cara atau kaedah yang diaplikasikan dalam usaha mendapatkan sokongan dari orang lain. Edward L. Bernays (1982), menyatakan bahawa propaganda sebagai satu bentuk atau kaedah dalam usaha untuk memahami tingkah laku sekumpulan masyarakat melalui cara mereka berfikir tanpa disedari oleh mereka. Keadaan ini juga memberikan satu pandangan yang lain terhadap pemahaman propaganda ini diwujudkan. Propaganda sebagai satu bentuk untuk mengatur dan mengawal setiap pendapat melalui simbol-simbol, percakapan atau perbualan secara lebih jelas dan nyata menerusi khabar angin, laporan, cerita dan pelbagai bentuk komunikasi yang lain (Lasswell, 1938, p.9).

Pada umumnya, seseorang yang cuba mempengaruhi orang lain ini akan berhati-hati dan meneliti dengan sebaiknya akan setiap maklumat yang ada sebelum meyakini orang lain untuk mempercayainya. Namun begitu, definisi propaganda ini masih sukar untuk dipastikan kerana terlalu banyak pemikiran dan pemahaman oleh masyarakat akan makna sebenar propaganda tersebut. Pemaknaan bagi propaganda ini adakalanya bergantung kepada keadaan dan situasi yang mempunyai hubungkait dengan cara untuk memanipulasi orang lain dalam mendapatkan sesuatu perkara. Propaganda dilihat sebagai satu usaha yang tersusun dan sistematik dalam rangka untuk membina satu persepsi dan memanipulasi pemikiran masyarakat serta memastikan setiap tingkah laku yang diinginkan oleh pembawa propaganda tercapai (Jowett and O'Donnell, 2012, p. 7). Jelaslah bahawa propaganda yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat telah

memainkan peranannya tersendiri dalam usaha untuk mempengaruhi fikiran mereka tidak kira sama ada secara sedar atau tidak sedar.

Konsep propaganda menurut R. A. Santoso Sastropetro (seperti yang dinyatakan dalam Cipta et al., 2018) propaganda adalah sebuah proses penyebaran maklumat yang dilakukan secara dirancang dan tersusun bagi mengubah setiap pandangan, tingkah laku, tanggapan serta pendirian dalam diri khalayak berdasarkan matlamat yang ditentukan oleh individu yang menyebarkan maklumat. Tujuan propaganda ini juga telah menyebabkan pelbagai kesan yang diperoleh dalam kehidupan masyarakat semakin terlihat tidak kira baik mahupun buruk. Hal ini berlaku kerana kemahiran dan kekuatan penyebaran propaganda ini yang kuat dalam usaha mempengaruhi seseorang itu terhadap penyampaian bagi setiap ideologi atau mesej-mesej tertentu.

Penggunaan unsur propaganda dalam sesebuah penceritaan amat luas jika diteliti sebaik-baiknya kerana unsur sebegini tidak semua masyarakat memahami dan menyedari akan kehadirannya terutama kehadirannya dalam sesebuah karya sastera. Setiap penyampaian sesebuah cerita mempunyai fungsinya masing-masing dan masyarakat harus melihat dan mengetahui akan kehadiran fungsi tersebut dalam kehidupan mereka. Seperti yang kita sedia maklum, sesebuah karya sastera sudah seharusnya memiliki fungsinya masing-masing sama ada sebagai alat untuk hiburan, alat untuk mengkritik, alat untuk mendidik mengenai adat dan pantang larang dan lain-lain lagi. Oleh itu, unsur-unsur seperti propaganda yang hadir dalam sesebuah karya sastera rakyat ini haruslah diketahui dan difahami oleh masyarakat dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana kehadiran unsur sebegini amat penting agar mereka dapat memastikan bahawa setiap penyampaian sesuatu maklumat itu membawa kebaikan atau keburukan dalam memperoleh kesejahteraan hidup.

Unsur propaganda dalam penyampaian cerita jenaka belum lagi diterokai oleh mana-mana pihak kerana kesedaran masyarakat masih kurang terhadap pengaruh yang cuba disampaikan dalam cerita jenaka. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran masyarakat hanyalah tertumpu kepada cerita jenaka hanyalah berfungsi sebagai memberikan hiburan dalam kalangan masyarakat terutama generasi pada masa ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini merupakan sebuah kajian yang memperlihatkan sesuatu aspek yang belum pernah lagi dilihat oleh mana-mana kajian terdahulu. Justeru itu, kajian ini memberi fokus kepada salah satu cerita rakyat iaitu cerita jenaka yang terdiri daripada *Pak Pandir, Pak Kaduk, Lebai Malang, Si Luncai, serta kisah Pak Belalang* bagi melihat sesuatu aspek yang terkandung menerusi penceritaan yang disampaikan kepada masyarakat.

Dalam penelitian ini, bagi melihat kehadiran unsur seperti propaganda dalam setiap gaya penceritaan menerusi cerita jenaka Melayu ini adalah melalui teori Keindahan oleh Braginsky. Fadzilah Amzah (2016) menerusi bukunya "*Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara*" ada menyatakan bahawa terdapat tiga aspek yang telah dikemukakan dalam teori keindahan oleh Braginsky yang terdiri daripada asal-usul keindahan, psikologi persepsi keindahan serta sifat *immanen* keindahan. Selain itu, teori ini juga ada mengemukakan teori sfera fungsional dimana teori ini mengemukakan beberapa sfera yang terdiri daripada Sfera Kerohanian, Sfera Faedah dan Sfera Keindahan. Kesusasteraan Melayu dalam tradisi masyarakat dilihat sebagai satu cerminan kepada kehidupan masyarakat sehingga sastera dijadikan sebagai satu kaedah untuk memperlihatkan setiap budaya yang wujud dalam masyarakat melalui keindahan dalam hasil karya sastera tersebut.

Jelaslah bahawa tujuan kajian ini dilaksanakan bagi melihat pengaruh dan unsur yang hadir dan dianggap sebagai satu propaganda yang wujud dalam setiap cerita jenaka

sehingga mampu memberikan satu pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, pengetahuan masyarakat juga amat penting untuk diketahui terhadap kehadiran unsur propaganda dalam penceritaan cerita jenaka yang disampaikan yang pada awalnya daripada mulut ke mulut sehinggalah cerita jenaka ini boleh diperoleh dalam bentuk naskah serta di laman-laman sesawang yang mudah diperoleh.



### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi memberikan jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan yang wujud terutama melibatkan cerita jenaka. Permasalahan yang dapat dikenal pasti bagi kajian ini adalah ketidakjelasan masyarakat Melayu terhadap pemahaman unsur propaganda itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana pemahaman masyarakat terhadap makna propaganda itu sendiri adalah lemah dan menganggap bahawa propaganda ini hanyalah sesuatu tindakan atau perbuatan negatif yang dilakukan oleh sesebuah organisasi atau individu dalam usaha untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat setempat. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa masyarakat kurang mengambil tahu akan makna sebenar propaganda dan kurang mempercayai unsur propaganda kerana dapat menimbulkan keraguan dan ketidakpuasan hati.

Selain itu, permasalahan lain yang boleh dilihat adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap unsur propaganda yang dibawa dalam cerita jenaka Melayu. Cerita jenaka telah lama meluas dalam kalangan pengetahuan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita jenaka adalah salah satu tradisi lisan yang berfungsi memberikan hiburan dan unsur lucu yang lahir dari perwatakan dalam penceritaan tersebut. Namun begitu, masyarakat terlalu memberi fokus kepada aspek lucu dan tidak masuk akal serta nilai-nilai moral yang ada sehingga kehadiran unsur propaganda ini masih agak samar-samar oleh mereka. Hal ini jelas apabila kehadiran watak dan perwatakan yang dipaparkan itu juga mampu memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan manusia selain daripada hanya berfungsi memberikan hiburan kepada masyarakat.

Pemilihan bagi pengisian kajian ini juga disebabkan hadirnya permasalahan seperti persepsi masyarakat yang menganggap cerita jenaka hanyalah sekadar memberi hiburan semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran masyarakat Melayu terlalu memandang cerita-cerita jenaka ini sebagai sebuah penceritaan yang mencuit hati melalui tingkah laku yang dibawa oleh watak. Pernyataan tersebut disokong menerusi keterangan Mohamed Zubir Ismail (2021) yang menyatakan unsur lucu yang disampaikan melalui cerita jenaka memberikan kegembiraan kepada masyarakat sehingga melupakan permasalahan dalam kehidupan mereka. Hakikatnya, cerita jenaka dalam masyarakat Melayu ini sebenarnya sarat dengan pemikiran kritis dan berat yang membawa kepada pemikiran propaganda. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba untuk memberikan pemahaman kepada masyarakat dengan cara memperhaluskan setiap unsur yang ada dengan lebih teliti.



## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab setiap persoalan yang berkaitan dengan unsur propaganda menerusi cerita jenaka terpilih. Persoalan kajian ini boleh dilihat seperti:

1.4.1 Apakah yang dimaksudkan dengan propaganda yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu?

1.4.2 Bagaimanakah unsur propaganda yang diperoleh menerusi cerita jenaka terpilih?

1.4.3 Bagaimanakah unsur propaganda dalam cerita jenaka memberikan kesan kepada masyarakat Melayu?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan bagi tujuan untuk mengkaji unsur propaganda menerusi cerita jenaka terpilih. Oleh itu, terdapat tiga objektif bagi kajian ini adalah:

1.5.1 Mengenalpasti konsep propaganda melalui jenis dan teknik menerusi cerita jenaka Melayu terpilih

1.5.2 Membincangkan unsur propaganda yang diperoleh menerusi cerita jenaka Melayu terpilih dengan pengaplikasian teori Sfera Fungsional oleh V. I. Braginsky.

1.5.2 Menganalisis kesan unsur propaganda dalam watak menerusi cerita jenaka Melayu kepada khalayak.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Pada bahagian skop kajian ini menerangkan limitasi yang akan digunakan dalam kajian. Justeru itu, skop kajian bagi penelitian ini adalah sastera rakyat dan fokus kajian ini adalah pada cerita jenaka. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memberi fokus dengan melakukan penelitian dan pembacaan teks terhadap cerita jenaka Melayu terpilih yang terdiri daripada kisah Pak Pandir, Pak Kaduk, Lebai Malang, Si Luncai, dan Pak Belalang bagi mengkaji unsur propaganda yang wujud dalam cerita jenaka terpilih. Kajian ini memberi fokus untuk melihat kehadiran unsur propaganda yang dibawa dalam penceritaan cerita jenaka Melayu dan melakukan analisis terhadap kesan daripada unsur propaganda yang digunakan dalam watak menerusi cerita jenaka kepada khalayak pembaca.

Kajian ini juga akan menggunakan teori dalam memberikan pengukuhan terhadap analisis yang diperoleh menerusi cerita jenaka. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah memilih teori keindahan yang dikemukakan oleh Braginsky. Menerusi teori Keindahan ini terdapat beberapa aspek keindahan yang boleh diperolehi dalam sastera Melayu dan kajian ini memilih aspek Sfera Keindahan dalam teori Keindahan sebagai skop kajian ini agar dapat menunjukkan ciri-ciri keindahan melalui unsur propaganda yang dibawa oleh watak dalam cerita jenaka. Hal ini dikatakan demikian kerana gaya penyampaian cerita jenaka dalam masyarakat Melayu ada menunjukkan kehadiran unsur luar biasa, lucu dan harmoni sehingga mampu memberikan satu keindahan dan pengaruh kepada masyarakat untuk menghayati cerita jenaka tersebut.

Bagi penganalisan kesan unsur propaganda kepada khalayak melalui watak menerusi cerita jenaka adalah memberi fokus kepada responden yang terdiri daripada pelajar Kesusasteraan Melayu semester 6 tahun 2023/2024 iaitu seramai 81 orang bagi

melihat kesan akan kehadiran propaganda yang terdapat pada cerita jenaka Melayu terpilih. Hal ini disebabkan oleh cerita jenaka ini adalah merupakan salah satu subjek yang dipelajari sepanjang semester 6 dan pengkaji mengambil peluang untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka terhadap kesan pengaruh unsur propaganda menerusi cerita jenaka dalam kehidupan mereka sebagai pembaca.



## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu terpilih ini dilaksanakan bagi memberikan pengetahuan yang luas kepada setiap individu mengenai unsur propaganda yang wujud dalam setiap cerita jenaka Melayu yang cuba ditonjolkan menerusi penceritaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaannya mereka yang mengetahui cerita jenaka sama ada melalui lisan atau secara pembacaan ini hanyalah berfungsi sebagai satu penceritaan bersifat hiburan yang dapat memberikan mesej moral dan pengajaran kepada setiap individu yang membacanya.

Selain itu, kajian ini turut memberi pendedahan kepada masyarakat Melayu mengenai kesan dan pengaruh yang cuba disampaikan dalam penceritaan Cerita Jenaka Melayu ini. Menerusi Cerita Jenaka, unsur propaganda adalah satu unsur yang wujud untuk mempengaruhi sikap masyarakat menerusi watak dan perwatakan yang terdapat menerusi cerita jenaka tersebut. Hal ini disebabkan oleh setiap perwatakan yang ditonjolkan melalui setiap cerita tersebut mempunyai pemikiran dan ideologi tersendiri dalam memberi pengaruh kepada khalayak untuk mengikuti setiap perlakuan dan sikap mereka. Secara tidak langsung, watak yang terdapat dalam cerita jenaka masing-masing mempunyai sifat mereka yang tersendiri sehingga mampu mempengaruhi sikap masyarakat sama ada secara sedar atau tidak sedar.

Akhir sekali, penelitian yang dilakukan daripada kajian ini juga mampu memberi kelebihan yang besar kepada institusi-institusi dengan membuka peluang kepada pengkaji-pengkaji baru untuk mencuba meneroka pelbagai aspek yang ada dalam setiap cerita jenaka Melayu yang ada dalam pengetahuan masyarakat Melayu. Kajian penerokaan dan penelitian yang dilakukan dalam cerita jenaka Melayu ini dilihat hanyalah terlalu memberi fokus kepada aspek moral dan pengajaran mahupun nilai positif

yang ada pada setiap perwatakan cerita jenaka tersebut. Oleh itu jelaslah bahawa kajian ini merupakan sebuah kajian yang memperlihatkan sesuatu aspek yang belum pernah lagi dilihat oleh mana-mana kajian terdahulu dan kajian ini mencuba untuk melihat kepada unsur-unsur lain seperti unsur propaganda bagi melihat ideologi yang cuba disampaikan oleh pengarang atau penceritaan menerusi watak kepada khalayak dalam penceritaan tersebut. Secara tidak langsung, adanya kajian ini akan membantu untuk mengisi setiap kepongkolan dalam kajian-kajian lepas yang melibatkan cerita jenaka dan membantu dalam memperbanyakkan lagi dokumentasi kajian yang berkaitan dengan cerita jenaka.



## 1.8 PENUTUP

Kesimpulannya, sastera rakyat yang disampaikan secara lisan iaitu seperti cerita jenaka ini merupakan satu bentuk kesusasteraan Melayu yang telah lama hadir dalam kehidupan masyarakat Melayu. Cerita jenaka ini mempunyai pelbagai makna dan tafsiran yang boleh difahami oleh setiap individu itu mengikut daya pemikiran mereka tersendiri. Perkara ini juga turut melibatkan propaganda yang cuba dibawa dalam setiap penceritaan kisah-kisah jenaka kepada masyarakat kerana menerusi cerita jenaka ini tanggapan yang memperlihatkan budaya dan tingkah laku masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Oleh hal yang demikian, segala pelaksanaan kajian ini dilakukan bagi melihat bukti dan kejelasan terhadap kehadiran propaganda yang benar dalam penceritaan cerita jenaka ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Pada bab ini adalah meninjau dan melihat setiap kajian lepas yang berkaitan dengan setiap cerita jenaka dan kehadiran unsur propaganda dalam setiap penulisan dan penghasilan karya oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Setiap penyelidikan, sorotan kajian ini adalah suatu perkara yang penting bagi membantu pengkaji untuk melihat perbezaan ke atas kajian-kajian yang telah dilakukan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Justeru itu, pada bahagian sorotan kajian ini, pengkaji telah mendapatkan beberapa sorotan kajian lepas yang terdiri daripada Tesis, Artikel Jurnal, Buku, Akhbar dan beberapa lagi sorotan yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

## 2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Propaganda

### 2.2.1 Tesis

Nurmala Setyowati (2016) dalam kajiannya “Semiotika Karya-Karya Stensil Propaganda Digie Sigit” membincangkan makna-makna yang terdapat dalam karya-karya Stensil Propaganda Digie Sigit. Karya-karya ini dilihat mempunyai maknanya yang tersendiri yang antaranya terdiri daripada visual yang jelas, tegas dan sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana karya yang dilakukan oleh Digie Sigit ini mempunyai unsur propagandanya membawa kepada isu seperti politik, realisme dalam sosial dan ekonomi. Justeru itu, karya-karya Digie Sigit ini sering mengangkat tema-tema yang berkaitan dengan propaganda. Hasilnya, menerusi penelitian dalam karya Stensil Propaganda oleh Digie Sigit menunjukkan teknik stensil yang telah digunakan olehnya dalam usaha untuk menyebarkan maklumat dan pesanan kepada khalayak dengan lebih mudah dan pantas.

Anastasia Lema Anak Endawi (2014) menerusi kajian tesis nya “Propaganda Dalam Dokumentari” membincangkan mengenai propaganda yang wujud dalam setiap dokumentari yang dihasilkan setelah berada pada zaman teknologi yang canggih. Kajian ini bertujuan memperlihatkan keadaan pemikiran masyarakat dalam menerima setiap maklumat yang diberikan kepada mereka kerana pemahaman mereka yang hanya melihat propaganda ini hanyalah berfungsi sebagai satu kaedah dalam mempengaruhi masyarakat melalui maklumat yang negatif. Kajian ini telah berjaya meneliti pelbagai aspek dari bahan ilmiah serta menemu bual masyarakat bagi memperolehi maklumat mengenai kehadiran dan pemahaman propaganda kepada mereka. Justeru itu, kajian ini berjaya untuk memperlihatkan keadaan seseorang yang terpaksa berdepan dengan isu propaganda dalam kehidupannya. Oleh hal yang demikian, propaganda telah dianggap sebagai satu



kaedah yang dilakukan dalam usaha untuk mengawal atau mempengaruhi orang sekeliling terhadap pemikiran yang disebarkan.

### 2.2.2 Artikel Jurnal

Rety Palupi (2019) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Penyalahgunaan Media Sosial Sebagai Alat Propaganda” meneliti perkara yang media sosial yang telah menjadi satu wadah untuk masyarakat mendapatkan dan menyebarkan sesuatu maklumat itu dengan pantas. Namun begitu, masyarakat kini menyalahgunakan media sosial sehingga boleh menyebabkan banyak berita-berita dan maklumat yang tidak sahih. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti permasalahan penyalahgunaan media sosial dalam kalangan masyarakat. Kaedah kualitatif telah digunakan dengan memilih pendekatan deskriptif dan kemudiannya dibantu dengan teori propaganda. Teori propaganda ini dipilih dan diadaptasi daripada teori freudianisme dan teori behaviorisme. Oleh itu, hasil kajian telah menunjukkan antara penyalahgunaan media sosial sehingga teknik yang dianggap sebagai satu propaganda adalah memberikan nama julukan kepada seseorang, melalui pengakuan, pengalihan dan beberapa lagi.

Oemi Hartati (2017) menerusi artikel jurnal yang mana kajiannya bertajuk “Propaganda dalam Mars Perindo (Kajian Semiotika Iklan Politik)” membincangkan perihal agenda-agenda yang cuba dikeluarkan dan disebarkan kepada khalayak melalui pengiklanan yang dilakukan oleh golongan politik. Penelitian ini telah merujuk kepada sebuah pengiklanan iaitu melalui lagu oleh Parti Perindo. Hal ini dikatakan demikian kerana kefungsiannya dilihat bertujuan agar dapat memberikan pesanan kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa melalui lagu-lagu yang menjadi identiti golongan parti politik ini terdiri daripada pelbagai makna

dan agendanya sehingga mampu memberi kesan kepada khalayak mengenai pesanan dan matlamat yang tersendiri.

Seterusnya, Aflahal Misbah (2016) kajiannya “Propaganda Kiai Sholih Darat Dalam Upaya Mewujudkan Harmoni Di Nusantara: Telaah Kitab Minhaj Al-Atqiya” adalah propaganda yang cuba dibawa oleh Kiai Sholih menerusi kitabnya kepada masyarakat. Tujuan penelitian ini dilakukan adalah melihat teknik-teknik yang digunakan oleh Kiai Sholih. Penganalisisan data telah menggunakan kaedah penterjemahan, interpretasi dan memberi pemaknaan pada setiap kata yang ada kitab Minhaj Al-Atqiya. Oleh hal yang demikian, kajian ini berjaya merungkai propaganda Kiai Sholih ini iaitu propaganda anti kolonial dan propaganda Ukhuwah Islamiyah. Hal ini disebabkan oleh keadaan sosial masyarakat yang pada ketika itu mengalami kemiskinan dan penindasan oleh orang kolonial sehingga mewujudkan satu usaha perlawanan oleh masyarakat terhadap penindasan yang berlaku.

Eka Nada Shofa Alkhajar, Firdastin Ruthnia Yudiningrum dan Agus Sofyan (2013) dalam artikel “Film Sebagai Propaganda Di Indonesia” memerihalkan mengenai filem yang dilihat sebagai salah satu media yang berfungsi sebagai penyebaran propaganda. Filem propaganda ini yang pada ketika itu merupakan satu teknik untuk menunjukkan keadaan semasa yang berlaku pada ketika itu. Kajian ini dilakukan bagi meneliti fungsi filem dan kaedah kualitatif telah diaplikasikan dengan menggunakan teks dan dokumen untuk memperoleh data analisis. Akhir kajian telah menunjukkan filem digunakan sebagai penunjuk waktu pada zaman-zaman tertentu yang boleh memberi pengaruh terhadap pemahaman masyarakat seperti filem pada zaman kolonial Belanda, Jepun, pemerintahan lama dan pemerintahan baru.

Cantril (1938) melalui kajiannya “*Propaganda Analysis*” menjelaskan bahawa propaganda adalah sekumpulan atau individu yang menyatakan pendapat atau melakukan

sesuatu tindakan yang disengajakan untuk mempengaruhi pendapat atau tindakan orang lain agar mencapai matlamat yang ditetapkan oleh mereka. Jelas disini apabila propaganda ini telah menjadi satu cara dalam memastikan bahawa setiap maklumat yang disebarkan oleh seseorang kepada orang lain mampu menarik minat dan persetujuan mereka terhadap maklumat yang disampaikan tanpa adanya bantahan atau penolakan. Oleh itu, berdasarkan definisi yang dinyatakan tersebut mendapati bahawa propaganda ini boleh dilihat daripada pelbagai sudut sama ad baik mahupun buruk mengikut sudut pandang setiap individu itu. Pada umumnya, unsur propaganda boleh dilihat dalam pelbagai bentuk seperti unsur propaganda dalam filem, dokumentasi, akhbar, televisyen, karya sastera dan sebagainya.

### 2.2.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)

Akhbar atas talian Utusan Borneo yang bertajuk “Kerajaan Tidak Ambil Pendekatan Propaganda Dalam Menyampaikan Maklumat” membincangkan mengenai pendekatan propaganda tidak diambil peduli dalam usaha untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat dalam membanteras sesuatu perkara. Isu ini disebabkan oleh penggunaan pihak media yang mempunyai strategi yang tersendiri dalam menyampaikan maklumat mereka. Justeru itu, strategi propaganda tidak digunakan oleh pihak-pihak tertentu dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat. Hal ini dilakukan bagi memastikan masyarakat menerima maklumat yang benar dan separuh benar. (Bernama, 2021)

Seterusnya, akhbar Malaysia Kini yang ditulis oleh M Fakhrull Halim (2021) iaitu “Buku teks sekolah bukan alat propaganda, kata pakar” membicarakan mengenai buku teks Sejarah pada peringkat sekolah bukanlah sebuah buku yang berkaitan dengan propaganda. Hal ini disebabkan oleh kesalahfahaman yang mengatakan buku teks Sejarah

tersebut membawa fakta yang telah dimanipulasi sehingga dianggap sebagai satu propaganda yang telah dirancang. Namun bagaimanapun, penulisan yang terdapat pada bab-bab dalam teks Sejarah tersebut mahu memberikan kesedaran kepada pelajar agar mengetahui mengenai perkara yang berlaku sehingga dapat menanamkan sifat nasionalisme.

Selain itu, menerusi akhbar Berita Harian yang ditulis oleh Prof Madya Dr Sara Chinnasamy (2020) yang bertajuk “Tepis propaganda, laporan melencong media asing” membicarakan mengenai maklumat yang disebar tanpa pengetahuan melalui media sehingga menyebabkan munculnya isu-isu yang tidak benar. Perlakuan penyebaran maklumat tanpa soal selidik dilihat semakin berleluasa dan berita yang dibawa oleh media-media asing perlu disemak dan tidak boleh dibiarkan semakin merebak dalam kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan bagi mengelakkan segala agenda yang dibawa oleh mereka dapat dibanteras dan demi menjaga kemakmuran dan keamanan negara. Antara perbincangan yang dilakukan adalah kaedah yang boleh digunakan dalam usaha memastikan isu-isu dan maklumat yang tidak benar tersebut dapat dielakkan dan antaranya adalah ideologi propaganda melalui media-media luar perlu dilihat dengan lebih teliti dan pihak media perdana hendaklah memainkan peranan mereka yang tersendiri agar segala fakta yang dikeluarkan dapat ditapis.

## **2.3 Kajian Lepas Mengenai Cerita Jenaka**

### **2.3.1 Tesis**

Mohammad Nor Fahmi Adaha (2022) dalam kajiannya “Kearifan Lokal Dalam Seloka Pak Kaduk & Pak Pandir: Aspek Sindiran dan Kenyataan” membincangkan budaya dalam seloka yang ada dalam masyarakat yang telah menjadi turun-temurun dari generasi ke generasi berikutnya. Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui akan fungsi seloka yang dilihat menjadi hiburan kepada masyarakat Melayu dan aspek sindiran telah menjadi satu kaedah dalam mengawal sosial masyarakat. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memperincikan setiap nilai pengajaran yang lahir daripada seloka. Kaedah Kualitatif telah digunakan dalam kajian ini yang memfokuskan sumber-sumber rujukan seperti kajian terdahulu, artikel jurnal, buku, akhbar dan lain-lain lagi. Justeru itu, penelitian kajian ini telah membuktikan bahawa seloka dalam kisah Pak Kaduk dan Pak Pandir ini penuh dengan pengajaran di samping memberikan hiburan dalam budaya masyarakat Melayu meskipun melalui sindiran serta kearifan lokal yang ada dalam seloka tersebut sehingga mampu menjadi satu medium dalam memberi kesedaran yang positif kepada pembaca dalam kehidupan.

### **2.3.2 Artikel Jurnal**

Nordiana Ab Jabar dan Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021) dalam artikel yang bertajuk “Komunikasi Bahasa Sindiran Dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk” telah meneliti seloka Pak Pandir dan Seloka Pak Kaduk sebagai satu bahasa atau medium sindiran kepada khalayak. Hal ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan peluang kepada khalayak untuk berfikir akan setiap perkara yang wujud dalam seloka tersebut. Hal ini di mana penelitian ini berjaya mengeluarkan sindiran yang terdapat dalam kedua-

dua seloka tersebut seperti sindiran yang lahir daripada tingkah laku dan sindiran yang disampaikan melalui gaya bahasa yang ada. Secara tidak langsung, seloka telah dinilai sebagai satu kaedah dalam menyampaikan sindiran terhadap setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Disamping itu, Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet, dan Awang Azman Awang Pawi (2021) melakukan penelitian mengenai kritikan dalam kajiannya yang bertajuk “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai” Sebagai Manifestasi Kritikan Dalam Kancuh Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. Kajian ini memperlihatkan bahawa setiap baris yang terdapat dalam seloka Pak Kaduk itu memberi gambaran kepada politik yang ada. Justeru itu, kajian ini mampu merungkaikan setiap sindiran pada baris-baris seloka tersebut seperti kritikan kepada sikap manusia yang melakukan tindakan melulu, sikap yang tidak berfikir dalam melakukan tindakan dan juga sikap orang-orang atasan yang salah menggunakan kuasanya. Oleh itu, melalui penelitian dalam aspek sindiran ini telah membuktikan bahawa seloka ini telah menjadi satu panduan untuk melihat mengenai politik yang ada pada masa ini.

Selain itu, Hazrul Mazran Rusli, Abdul Aziz Zali (2020) melalui artikel jurnal yang bertajuk “Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan” membincangkan mengenai karya sastera Melayu iaitu Cerita Si Luncai yang diadaptasi ke dalam karya seni visual. Pengadaptasian ini dilakukan bagi melihat akan unsur-unsur pengajaran dan unsur didaktik yang terdapat dalam cerita Si Luncai. Objektif bagi kajian ini adalah pengkaji ingin melihat seseorang pelukis itu dapat melakukan tafsiran dan mengupas karya sastera dalam bentuk imej visual. Kajian ini memilih teori adaptasi yang dikemukakan oleh Desmond dan Hawkes pada tahun 2006 dan pengaplikasian kaedah eksplorasi visual oleh O’Grady J. dan K pada tahun 2009. Hasil

dapatan bagi kajian ini berjaya menghasilkan beberapa karya seni visual mengenai karya sastera itu. Hal ini dikatakan demikian kerana karya kesusasteraan ini boleh diaplikasikan dan mempunyai potensi untuk diterjemahkan dalam bentuk karya visual dan boleh dijadikan sebagai satu subjek dalam pembelajaran seni visual.

Pengkaji lain seperti Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar (2020) ada membincangkan menerusi kajian “Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu” mengenai kebenaran terhadap anggapan orang Barat terhadap masyarakat Melayu menerusi cerita jenaka. Menerusi kajian ini, objektif yang telah dikemukakan adalah melihat perspektif orang Barat terhadap ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ dan kebenaran terhadap perspektif tersebut melalui cerita jenaka. Metodologi bagi kajian ini adalah kaedah penganalisan teks berdasarkan kisah cerita jenaka Melayu iaitu Pak Pandir, Pak Belalang, Si Luncai, dan Pak Kaduk. Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap kebenaran akan tanggapan orang Barat mengenai masyarakat Melayu ini adalah tidak benar sepertimana kisah Pak Kaduk yang gemar akan aktiviti menyambung ayam, kisah Si Luncai yang suka meniaga kayu api dan menjemur padi. Buktinya, melalui penelitian yang menunjukkan bahawa anggapan Barat terhadap masyarakat Melayu adalah tidak benar kerana setiap perkara yang disampaikan dalam cerita jenaka bagi setiap perwatakan tersebut adalah benar.

Nordiana Ab Jabar (2019) dalam kajiannya “Keunggulan Ikon Membawa Teladan Dalam Seloka Melayu” membincangkan mengenai watak yang terdapat dalam seloka Melayu yang mampu untuk menjadi sebagai ikon kepada masyarakat. Tujuan kajian ini dilakukan adalah melihat seloka berfungsi untuk memberikan nilai baik kepada masyarakat. Penggunaan teori sastera faedah telah diaplikasikan bagi membuktikan bahawa watak pada seloka mampu memberikan sudut pandang yang positif kepada kehidupan seharian. Oleh itu, hasil bagi penelitian yang dilakukan ini membuktikan

bahawa hadirnya nilai bijaksana, kesabaran dan ketabahan, kebaikan budi bahkan memberikan nilai pengajaran terhadap orang yang mudah mempercayai orang lain berbanding keluarga.

Seterusnya, Muhammad Safuan, Roslina dan Nik Rafidah (2018) menerusi kajiannya “Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif” ada membincangkan mengenai setiap watak yang wujud dalam cerita jenaka yang menyampaikan unsur-unsur atau sifat-sifat yang positif. Oleh itu, berdasarkan artikel ini juga turut memperlihatkan sudut yang positif melalui perwatakan seperti dinyatakan dalam kisah jenaka Melayu kerana wujudnya tanggapan sesetengah individu terhadap watak penceritaan ini yang diketahui hanya mempunyai perwatakan atau tingkah laku yang negatif atau yang tidak baik seperti perwatakan yang bodoh, lemah, berserah dan sebagainya. Cerita jenaka merupakan satu kisah rakyat yang telah menjadi tradisi masyarakat Melayu sejak zaman dahulu bagi mencari hiburan dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman dahulu, kisah-kisah rakyat seperti cerita jenaka ini telah disampaikan secara lisan iaitu dari mulut ke mulut sebelum berlakunya perubahan zaman dan kewujudan teknologi yang merubah gaya penyampaian cerita jenaka ini secara bertulis. Fungsi cerita jenaka ini adalah memberikan satu kesedaran moral dan nasihat kepada masyarakat serta juga memberikan berfungsi sebagai memberikan kritikan kepada golongan atasan. Perkara ini jelas apabila cerita jenaka ini mengandungi nilai-nilai murni serta menjadi pedoman kepada masyarakat dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Siti Salasiah Tamam dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2013) yang bertajuk “Jurang Digital Dalam Cerita Jenaka Internet: Satu Perbincangan Folklor Urban” membincangkan mengenai pengetahuan mengenai penggunaan komputer dalam kalangan masyarakat yang semakin dilihat memberi jarak



disebabkan oleh perbezaan gaya hidup masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian ini menunjukkan sikap yang ada pada pengguna komputer yang kurang mahir dan tidak memiliki pengetahuan mengenai sistem dalam komputer membuktikan persamaan antara sikap dan perwatakan dalam cerita jenaka. Antara hasil kajian adalah Bodoh Mengaku Pandai, Bodoh yang jahil dan pertentangan antara pandai dan bodoh. Secara tidak langsung, perwatakan yang dimiliki oleh watak menerusi cerita jenaka ini masih boleh dilihat dalam masyarakat sehingga hari ini.

### 2.3.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)

Muhammad Firdaus Hassan (2021) menerusi akhbar Kosmo secara atas talian yang bertajuk “Pak Kadok, Lebai Malang moden” menyatakan mengenai sindiran dalam kisah Pak Kaduk yang mempunyai sifat dan perwatakan yang lurus bendul dan sikap Lebai Malang yang tamak dan serakah. Hal ini disebabkan oleh adanya sikap pihak dan golongan atasan pada masa ini yang amat mementingkan kuasa sehingga tidak mengambil berat mengenai kesan yang menimpa. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan sikap mereka tidak lari dari perwatakan Pak Kaduk dan Lebai Malang yang sesuka hati mengambil keputusan tanpa memikirkan orang lain.

Norriah Baharudin (2016) menerusi akhbar Berita Harian secara atas talian yang bertajuk “Pak Pandir, Kluang Man Dipopularkan Dalam Kursus Ukir Figura” membicarakan mengenai pembuatan figura bagi watak animasi seperti watak Si Luncai dan Kluang Man. Kursus ini memberikan tunjuk ajar kepada pelajar mengenai sejarah, latar belakang penceritaan dan mempunyai daya pemikiran yang unik dalam menghasilkan lukisan dan ukiran. Oleh hal yang demikian, penghasilan karya figura dalam teknik ukiran ini menunjukkan satu kelainan dalam karya kesusasteraan dalam


cerita jenaka kerana khalayak dapat mengetahui karya-karya Melayu dalam pelbagai cara dan kaedah bukan dari pembacaan semata-mata.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## **2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Keindahan Braginsky**

### **2.4.1 Tesis**

Kajian mengenai teori keindahan telah dilaksanakan oleh Dina Rizka Faidhani, Rakhmat Soleh, S.S. dan M.Hum (2018) menerusi kajian tesis yang bertajuk “Keindahan Dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky” yang membincangkan mengenai teori keindahan yang dibawa oleh Braginsky. Menerusi kajian ini, pengkaji menumpukan kepada teks penglipur lara bagi melihat akan keindahan dalam penceritaannya di samping memberikan nilai pengajaran. Justeru itu, kajian ini memilih teks Hikayat Syah Mandewa dan penelitian disokong oleh teori estetika yang dibawa oleh Braginsky. Pemilihan teks ini bertujuan untuk meneliti konsep keindahan yang terdapat dalam teks penglipur lara tersebut sama ada secara tersirat mahupun tersurat. Hasil daripada kajian ini menunjukkan keindahan yang diperoleh menerusi penelitian teks tersebut dalam dua kategori iaitu dalaman dan luaran. Oleh itu, antara keindahan dalaman yang ditunjukkan adalah hubungan manusia dan penciptanya manakala dari segi luaran pula adalah daripada peristiwa yang berlaku.

Walaupun bagaimanapun. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai teori Keindahan oleh Braginsky dalam kajian tesis tidak banyak dilakukan. Hal ini turut memberikan satu pandangan apabila kajian terhadap teori Keindahan ini masih belum dilakukan dan meluas terutama terhadap bahan-bahan teks kesusasteraan. Oleh hal yang demikian, kajian yang bakal dilaksanakan ini memberi ruang yang baru kepada pengkaji-pengkaji lain untuk melihat aspek-aspek keindahan yang ada tidak kira dalam apa jua bahan yang boleh diteliti.

#### 2.4.2 Artikel Jurnal

Aisyah Humaira Mustapha Faidzul (2022) melalui artikel jurnal yang bertajuk “Keindahan Perlambangan Alam Dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky” membincangkan mengenai keindahan alam semulajadi yang dapat menjadi perlambangan dalam ungkapan-ungkapan seperti perumpamaan, bidalan, pepatah, simpulan bahasa dan sebagainya sehingga menunjukkan kebijaksanaan masyarakat pada ketika itu yang penuh dengan keperibadian yang sopan dan halus. Justeru itu, kajian ini meneliti simbol alam semula jadi dan seterusnya melihat keindahan pada simbol alam yang terdapat dalam peribahasa Melayu dengan pengaplikasian teori Keindahan oleh Braginsky. Kajian ini telah memilih pendekatan keindahan dalaman yang melihat kepada aspek asal-usul keindahan tersebut dan keindahan luaran pula melihat pada sifat-sifat *immanen* serta psikologi persepsi keindahan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa keindahan perlambangan bagi alam semulajadi ini mampu menunjukkan keindahan dan kebesaran Allah SWT yang boleh memberikan manfaat kepada manusia tidak kira dalam pelbagai bentuk termasuk penggunaannya dalam peribahasa Melayu.

Selain daripada penelitian di atas, Uniawati (2021) dalam artikel yang bertajuk “Elong Ugi: Kajian Estetika Dalam Pandangan Vladimir Braginsky” membicarakan mengenai karya Elong Ugi yang mempunyai nilai keindahan dan nasihatnya untuk disampaikan kepada khalayak. Antara unsur keindahan yang hadir dalam karya tersebut boleh dilihat menerusi bahasa, budaya yang dinyatakan, pemahaman dan kehidupan masyarakat pada ketika itu yang sudah lama hidup dalam budaya kaum tersebut. Pengkaji mendapati bahawa budaya yang sedia ada itu menjadi satu sebab akan kehadiran unsur keindahan oleh Braginsky dalam setiap penulisannya. Buktinya, menerusi sajak Elong Ugi ini menunjukkan keindahannya dalam bait-bait kata yang disusun.

Seterusnya, Rini Yuli Astuti (2020) dalam kajian artikel jurnal yang bertajuk “Keindahan Dalam Hikayat Indra Laksana: Kajian Estetika Melayu Braginsky” meneliti keindahan dalaman dan keindahan luaran yang terdapat dalam teks Hikayat Indra Laksana. Hal ini dikatakan demikian kerana hikayat ini dilihat memberikan hiburan dan memupuk sifat saling memahami dan melakukan kebaikan. Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis nilai keindahan dalam Hikayat Indra Laksana. Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah pengumpulan data dan analisis data dan penggunaan Teori Estetika Melayu oleh Braginsky telah dipilih oleh pengkaji. Hasil penelitian kajian ini memperoleh keindahan dalaman dan keindahan luaran. Keindahan dalaman merupakan keindahan yang dapat dilihat menggunakan mata manakala keindahan luaran merujuk kepada gambaran yang indah dan sarat dengan nilai pengajaran.

Dalam pada itu, Nor Huda Ahmad Razali dan Bazrul Bahaman (2018) dalam kajian artikel yang bertajuk Kesan Keindahan Unsur Fantasi Dalam Syair Bongsu Pinang Peribut dan Susu Ganda (SBPPSG) Dan Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP) membincangkan mengenai unsur fantasi yang hadir dalam Syair Bongsu Pinang Peribut dan Susu Ganda (SBPPSG) Dan Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP). Hal ini dikatakan demikian kerana teks penglipur lara ini dinilai dengan kehadiran unsur magis, imaginasi dan ajaib sehingga meninggalkan kesan keindahan dalam kehidupan khalayak. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan setiap aspek atau unsur fantasi melalui kesan keindahan luaran yang hadir dalam Syair Bongsu Pinang Peribut dan Susu Ganda (SBPPSG) Dan Cherita Bongsu Pinang Peribut (CBPP) menggunakan pendekatan sfera keindahan oleh V.I Braginsky. Kaedah kajian ini telah menggunakan analisis kandungan teks dan kaedah kepustakaan dimana kedua-dua kandungan teks tersebut akan dilakukan perbandingan bagi melihat akan kehadiran unsur fantasi tersebut. Teori keindahan iaitu sfera keindahan oleh V.I Braginsky telah dipilih bagi membantu

untuk menganalisis data yang diperoleh bagi menunjukkan kesan keindahan dalam teks-teks itu. Hasil kajian ini mendapati bahawa kesan keindahan yang hadir daripada unsur fantasi itu seperti kecantikan rupa paras dan pakaian, kekayaan raja, latar tempat dunia sekunder dan motif manusia kayangan.

Akhir sekali, Abdul Halim Ali (2011) menerusi kajian artikel jurnal iaitu “konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu Tradisional” menyatakan bahawa menerusi definisi kepada keindahan dalam dunia kesusasteraan Melayu ini telah menganggap semua karya seni yang ada serta karya sastera merupakan sesuatu seni yang dapat memberikan unsur-unsur keindahan kepada masyarakat. Teori keindahan adalah salah satu pendekatan yang membincangkan mengenai aspek-aspek keindahan yang boleh diperoleh menerusi setiap karya sastera Sastera Melayu dalam kehidupan masyarakat kerana masyarakat Melayu pada ketika itu mementingkan keindahan dalam setiap karya yang dibawa. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan pandangan oleh Braginsky yang menerangkan bahawa beliau telah melihat adanya aspek keindahan yang telah lama berada dalam kehidupan masyarakat Melayu terutama dalam dunia kesusasteraan.

#### 2.4.3 Lain-lain (Buku/Majalah/Akhbar)

Nilai keindahan dalam sesebuah karya membawa satu kebaikan dalam menunjukkan kemahiran seorang pengkarya itu dalam sesebuah penghasilannya. Berdasarkan akhbar atas talian iaitu Sinar Harian yang bertajuk “Estetika Dalam Karya Sastera” memperihalkan mengenai keindahan dalam setiap karya-karya ini memiliki prinsip dan konsepnya yang tersendiri. Hal ini berlaku apabila pengarang memasukkan nilai-nilai yang baik, berfaedah dan bermoral dalam karyanya sehingga menunjukkan keindahan yang tersendiri. Keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh pengarang melalui pengalamannya yang menghasilkan keindahan dan estetika dalam sesebuah karya.

## 2.5 PENUTUP

Keseluruhannya, bab 2 ini membincangkan dan melihat sorotan-sorotan kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji yang terdahulu. Segala sorotan ini terdiri daripada kajian-kajian yang bersangkutan dengan tajuk kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji dan kajian-kajian terdahulu ini menjadi sebagai satu penanda aras yang memberikan perbezaan terhadap kajian ini. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kajian mengenai cerita jenaka masih belum dilakukan secara meluas dan masih banyak aspek yang boleh disentuh termasuk unsur propaganda. Oleh itu, unsur propaganda menerusi cerita jenaka ini akan dikaji oleh pengkaji bagi membuktikan bahawa kehadiran propaganda dalam cerita jenaka juga masih boleh dilihat di samping membuktikan kesan keindahan yang hadir dalam cerita jenaka yang disebabkan oleh unsur propaganda itu.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bab ini merupakan bahagian yang menerangkan mengenai metodologi atau kaedah yang digunakan dalam kajian. Metodologi adalah sebuah kaedah yang akan diguna pakai bagi menentukan cara bagi melaksanakan kajian ke atas sesuatu perkara yang tertentu dan memenuhi objektif kajian. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, Metodologi adalah satu sistem yang terdiri daripada kaedah dan prinsip yang digunakan untuk sesuatu kegiatan dan juga disiplin. Tujuan metodologi ini adalah bagi menghasilkan dan menyediakan sebuah kajian yang terbaik. Selain itu, Mohd Najib Abdul Ghafar, (1999) ada menyatakan metodologi kajian ini diaplikasikan bagi memastikan bahawa setiap objektif yang dinyatakan dapat dicapai dengan data-data yang diperoleh dan dipercayai. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan cuba sebaik mungkin untuk memanfaatkan setiap teori penyelidikan yang ada dalam menghasilkan kajian ini. Oleh itu, menerusi bahagian ini pengkaji akan membincangkan kaedah, sampel, instrumen kajian dan prosedur untuk menganalisis data bagi menjawab setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal dahulu. Metodologi juga digunakan untuk memastikan setiap objektif kajian dapat dicapai dengan baik dan jelas berdasarkan pengumpulan data yang sahih dan dipercayai.



### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Wiersma (2000), reka bentuk kajian adalah satu panduan mengenai cara yang digunakan bagi mendapatkan data dan sebuah proses bagi memenuhi objektif dalam kajian. Kajian ini adalah berbentuk gabungan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif atau turut dikenali sebagai gabungan (*mixed-method*) iaitu dengan mengaplikasikan pendekatan atau kaedah dokumentasi. Kaedah ini merupakan satu cara untuk mengumpul maklumat dengan melalui pembacaan analisis teks dan menyediakan setiap satu set soalan untuk diberikan kepada setiap sampel individu yang telah dipilih daripada 81 orang sampel khalayak yang hendak dikaji. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesan unsur propaganda dalam watak menerusi Cerita Jenaka kepada khalayak.

#### 3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ini adalah satu kaedah penyelidikan kepustakaan dan juga pembacaan kritis serta penelitian daripada teks karya cerita jenaka Melayu serta bahan-bahan ilmiah lain yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan ini. Selain itu, kajian ini juga memperoleh setiap maklumat dalam membantu melakukan penelitian kajian daripada kaedah rujukan internet. Sumber rujukan laman sesawang ini dipilih sebagai satu rujukan bagi memperluaskan lagi analisis kajian terhadap cerita jenaka Melayu ini.

#### 3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif pula adalah kaedah yang melibatkan data yang mengandungi nombor dan ketepatan serta boleh diukur. Istilah kuantiti itu merujuk kepada bilangan yang dapat dinyatakan dengan jelas dan tepat. John W. Creswell (2008), kaedah kuantitatif merupakan sebuah penyelidikan yang membantu para pengkaji untuk menentukan kajiannya, soalan yang diinginkan,

menentukan skop soalan kajian dan juga mengumpul setiap data termasuk menganalisis data tersebut dengan menggunakan kaedah yang betul. Antara kaedah kuantitatif yang boleh dilihat adalah seperti kajian deskriptif, kajian eksperimen dan kajian korelasi. Setiap penyelidikan yang mengaplikasikan kaedah ini akan melihat data yang dapat diukur dan bersifat nombor. Misalnya, penggunaan borang soal selidik dan temu bual. Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih borang soal selidik dalam kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data bagi menjawab objektif kajian dalam penyelidikan ini.

### 3.1.3 Kajian Dokumentasi


Kamus Dewan Edisi Keempat, dokumentasi merupakan satu himpunan atau kumpulan dokumen yang menjadi satu perkara asas untuk sesuatu kajian atau penghasilan sesuatu terbitan. Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2009), dokumentasi ini dilihat sebagai sebuah dokumen yang memainkan satu peranan yang penting dalam menyimpan data dan sumber serta digunakan untuk mendapatkan dan mengukuhkan kesahihan data. Menerusi dokumentasi, perkara yang akan dilihat adalah melalui bahan-bahan bertulis seperti teks yang telah dipilih dan yang berkaitan dengan kajian serta pengaplikasian teori yang membantu dalam menganalisis hasil data yang diperoleh. Teks yang dipilih dalam kajian ini adalah teks Cerita Jenaka manakala bagi teori pula adalah teori Sfera Fungsional oleh I. V. Braginsky.

Kajian dokumentasi ini dapat memberikan kebaikan dalam penyelidikan yang dilaksanakan oleh pengkaji. Antara kebaikan dokumentasi ini adalah kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam menguatkan setiap data dan hujahan yang dilakukan oleh pengkaji terutama perkara yang memerlukan hujahan yang tepat agar memastikan maklumat yang dinyatakan tersebut tidak diragui. Oleh hal yang


demikian, bagi mencapai penyelidikan yang lebih baik dan kajian yang berilmiah, pengkaji telah menentukan cara dan sumber yang jelas dan tepat agar dapat memastikan bahawa kajian yang dilakukan ini adalah asli dan benar.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## 3.2 CARA PENGUMPULAN DATA

Terdapat beberapa cara yang akan digunakan dalam kajian bagi mendapatkan data dan maklumat bagi menyelesaikan penelitian kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk diedarkan kepada beberapa responden sasaran, di mana pengkaji boleh mengumpulkan maklumat dan menganalisis data dengan lebih tepat dan telus manakala data kualitatif pula adalah melalui kaedah kepustakaan dan analisis dokumen seperti teks cerita jenaka, bahan-bahan ilmiah dan teori bagi membantu untuk menjawab setiap persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini.

### 3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Kaedah membawa maksud satu cara atau sekumpulan peraturan yang diterapkan dalam melaksanakan sesuatu perkara mengikut prinsip yang ditetapkan manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan kepustakaan pula membawa maksud himpunan buku-buku atau hasil karya mengenai bidang ilmu dan pengetahuan. Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan adalah sebuah kaedah yang diaplikasikan oleh penyelidik atau seseorang penulis untuk memperoleh data daripada kajian atau dokumen yang sedia ada. Kajian ini telah memilih kaedah kepustakaan bagi mendapatkan data-data yang diinginkan. Kaedah kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan yang dirujuk bagi mendapatkan maklumat seperti teks cerita jenaka Melayu, akhbar, buku ilmiah dan kepustakaan. Hal ini dimana pengkaji memberikan fokus terhadap setiap bahan-bahan dan dokumen yang dilihat bertepatan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan ini. Selain itu, pengkaji telah menggunakan sumber lain yang terdiri daripada bahan-bahan kajian lepas yang telah dilakukan oleh para

pengkaji terdahulu terhadap cerita jenaka dan unsur propaganda. Antara contohnya adalah merangkumi artikel jurnal, tesis, buku, dan juga sumber-sumber lain yang mudah didapati oleh pengkaji. Perpustakaan yang telah menjadi tempat untuk memperoleh data oleh pengkaji adalah perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

### 3.2.2 Kaedah Internet


Kaedah Internet pula merujuk kepada kaedah yang menggunakan laman sesawang untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang dijalankan. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa sumber sebagai bantuan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan. Misalnya, pengkaji telah menggunakan *Google Scholar*, *MyThesis Online* dan juga *UMK Discol*. Sumber yang berkaitan dengan kajian ini amat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih luas dan setiap maklumat yang diperolehi akan digunakan dalam kajian penyelidikan ini.

### 3.2.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan satu penganalisan terhadap bahan-bahan seperti buku dan teks bagi melaksanakan penyelidikan. Peringkat penganalisan bagi kajian ini, semua maklumat dan data yang diperolehi akan mula dianalisis untuk menghasilkan dapatan kajian. Data yang menggunakan kaedah kuantitatif akan dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratusan bagi membentuk dapatan kajian. Hasil dapatan ini juga dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta pai yang sesuai untuk menyokong analisis data kajian ini. Bagi hasil data daripada kualitatif pula akan dianalisis bagi menyokong setiap analisis

yang diperolehi dan seterusnya melakukan analisis keseluruhan melalui kedua-dua data tersebut bagi memastikan setiap persoalan yang dinyatakan dalam kajian ini terjawab dengan baik termasuk penggunaan teori Keindahan oleh Braginsky juga bagi membantu memperkukuhkan lagi data-data yang telah diperolehi.

### 3.2.3.1 Analisis Teks



Rajah 3.2.2.1: Teks Cerita Jenaka

Analisis teks dalam setiap penghasilan kajian ini merupakan satu perkara utama yang harus yang dilakukan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, menerusi kajian yang dilakukan ini pemilihan teks di atas adalah bertujuan untuk meneliti dan memahami bahan pembacaan tersebut yang dilihat berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Pemilihan teks ini amat penting dan pengkaji telah memastikan bahawa teks tersebut dapat diteliti dan membolehkan pengkaji untuk melihat perkaitan antara pengisian teks dengan kehadiran unsur propaganda dan menjawab segala fokus dalam kajian yang dilaksanakan ini. Oleh hal yang demikian, pemilihan teks yang berkaitan juga

melibatkan ketelitian dalam pemilihan teks karya yang bersesuaian dan tepat berdasarkan tajuk penyelidikan agar dapat memudahkan proses pelaksanaan kajian ini berdasarkan penceritaan Cerita Jenaka yang terpilih. Justeru itu, kajian ini telah membataskan kepada penggunaan teks karya iaitu Cerita Jenaka Melayu yang mempunyai kehadiran unsur propaganda yang dianggap sesuai dengan tajuk penyelidikan bagi memenuhi objektif kajian ini. Karya teks Cerita Jenaka ini merupakan sebuah kumpulan cerita yang telah ditulis dan disusun semula oleh R.O Windstedt dan telah diterbitkan semula oleh Oxford University Press dalam bentuk dan edisi yang terbaru. Teks ini mengandungi sebanyak 96 halaman bercetak yang mengandungi kisah Pak Kaduk, Pak Pandir, Pak Belalang, Si Luncai dan Lebai Malang. Jika diteliti dengan lebih mendalam, teks karya yang dipilih ini dianggap sesuai dan mampu untuk melihat bagaimana unsur propaganda tersebut boleh diperoleh daripada gaya penceritaan yang disampaikan menerusi Cerita Jenaka tersebut.

#### 3.2.3.2 Artikel Jurnal/Buku

Kajian ini juga memperoleh bahan-bahan dan data melalui penelitian dan pembacaan daripada artikel jurnal yang diperoleh. Artikel Jurnal adalah bahan dan artikel kajian yang dihasilkan oleh seseorang yang mahir dan mengetahui sesuatu bidang itu dengan baik. Artikel Jurnal ini digunakan bagi membantu dan melihat akan kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pengumpulan bahan artikel jurnal dan bahan-bahan yang lain ini telah dilakukan bagi menunjukkan satu perbezaan terhadap kajian ini dengan

kajian yang lain dan artikel kajian ini juga akan membantu dalam menganalisis dan menjadi bahan hujahan dalam kajian ini.

#### 3.2.4 Instrumen Kajian

Berdasarkan kajian ini, instrumen yang akan digunakan bagi mendapatkan data adalah menerusi kaedah borang soal selidik dan kaedah penganalisan teks karya.

<b>KAEDAH</b>	<b>INSTRUMEN KAJIAN</b>
Kuantitatif	Borang Soal Selidik
Kualitatif	Analisis Teks Karya

Jadual 3.2.4: Kaedah Instrumen Kajian

##### 3.2.4.1 Soal Selidik

Penggunaan borang soal selidik telah diaplikasikan ke dalam kajian ini bagi menjawab salah satu objektif kajian. Tujuan soal selidik ini dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data mengenai tahap kefahaman dan juga kesan yang diperolehi oleh mereka menerusi pembacaan cerita jenaka ini. Hal ini juga melihat kepada borang soal selidik ini sebagai satu alat kajian yang mempunyai beberapa set soalan yang disusun untuk mendapat tindak balas daripada khalayak yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Soal selidik ini merangkumi sample kajian dan menerusi sampel kajian dilakukan dengan adanya pemilihan beberapa responden bagi kajian ini dan responden telah dipilih secara rawak tersebut melibatkan 81 orang pelajar Kesusasteraan Melayu di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Bilangan responden ini adalah bersesuaian dengan kajian kuantitatif dimana kajian ini memerlukan bilangan responden yang ramai bagi mewakili setiap



persoalan yang ingin dikaji. Kaedah soal selidik ini bertujuan menepati salah satu objektif kajian dan dapat mengumpulkan maklumat secepat mungkin dengan soalan yang berbentuk ringkas dan mudah difahami dan dijawab oleh responden. Borang soal selidik ini akan merangkumi beberapa bahagian yang merangkumi bahagian maklumat peribadi responden dan bahagian seterusnya adalah mengenai data yang berkaitan dengan kajian.

Pengaplikasian teknik Morgan akan digunakan bagi melaksanakan soal selidik ini bagi membantu untuk mendapatkan bilangan data yang bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan ini. Teknik Morgan ini adalah merujuk kepada cara untuk menentukan saiz sampel yang akan digunakan dan teknik ini telah digunakan dalam pelbagai jenis kajian yang melibatkan soal selidik.

**TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION**

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
"S" is sample size.

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement, 1970.

#### Jadual 3.2.4.1: Saiz Persampelan Morgan & Krejcie (1970)

Menerusi kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 81 orang pelajar daripada Kesusasteraan Warisan dan seramai 66 orang telah

dijadikan sebagai saiz sampel untuk kajian ini secara menyeluruh berdasarkan penentuan saiz sampel yang telah ditetapkan oleh Morgan & Krejcie (1970) seperti mana yang dinyatakan dalam jadual 3.2.4.1. Pemilihan sampel kajian ini juga akan dilakukan secara rawak mengikut ketetapan bagi kajian ini.

Penggunaan borang soal selidik ini akan dilaksanakan secara atas talian yang diberi melalui media '*Whatsapp*' dan '*Telegram*' kepada para responden. Penghasilan soalan dalam soal selidik ini akan diaplikasikan melalui '*Google Form*' dan pengkaji menghasilkan soal selidik ini secara atas talian ini bertujuan agar memudahkan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat dan menganalisis data dengan tepat dan mudah.

### 3.3 KAEDAH PENERAPAN TEORI

Penerapan teori merupakan satu kaedah yang digunakan dalam sesebuah penyelidikan. Hal ini kerana penggunaan sesebuah teori dalam kajian dapat membantu pengkaji dalam memperkuatkan setiap data dan hujahan yang dilaksanakan. Justeru itu, penerapan teori inilah yang harus diguna pakai oleh pengkaji terhadap kajian penyelidikan agar dapat memastikan kajian yang dilaksanakan itu berada pada landasan yang benar dan menguatkan setiap hasil dapatan kajian penyelidikan.

#### 3.3.1 Teori Braginsky

Teori ini telah dikemukakan oleh V. I. Braginsky. Teori Keindahan merupakan sebuah teori yang dibina dan dikemukakan oleh Braginsky dan terdapat juga teori yang lain iaitu teori Sfera Fungsional. Kedua-dua teori ini merupakan teori yang dikemukakan oleh V. I. Braginsky dalam membuktikan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu lagi mempunyai pemikiran dan kefahaman mereka sendiri terhadap sesuatu perkara yang mempunyai keindahannya tersendiri. Keindahan itu sendiri dilihat dalam dua keadaan iaitu keindahan luaran dan keindahan dalaman. Lantaran itu, konsep keindahan ini, Braginsky telah mengambil pendefinisian lain bagi makna keindahan ini daripada beberapa tokoh Islam seperti Imam Ghazali yang menerangkan mengenai keindahan terbahagi kepada dua iaitu keindahan dalaman yang bermaksud mujarad manakala keindahan luaran adalah maujud. Keindahan mujarad ini adalah sesuatu yang terlindung dan hanya dapat diterima oleh akal manakala bagi keindahan maujud pula adalah sebuah keindahan yang dapat dilihat melalui penglihatan dan diterima oleh pancaindera yang lain.

Teori Keindahan adalah sebuah teori yang telah dibahagi kepada beberapa aspek yang mana tiga aspek tersebut mempunyai kepentingannya dalam sastera Melayu tradisional. Antara aspeknya adalah aspek asal usul keindahan, sifat-sifat *immanen* keindahan dan juga psikologi persepsi keindahan. Menurut Fadzilah Amzah dalam bukunya yang bertajuk *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara* menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada abad pertengahan ketika itu amat menikmati dan memahami hikmah yang ada dalam kesusasteraan dari dua sudut yang berbeza iaitu sudut keindahan dan juga sudut manfaatnya kepada masyarakat. Teori lain yang diasaskan oleh I. V. Braginsky adalah teori Sfera Fungsional. Teori Sfera Fungsional adalah teori yang telah terbahagi kepada tiga bahagian yang lain yang terdiri daripada Sfera Kerohanian, Sfera Faedah dan Sfera Keindahan.

#### 3.3.1.1 Teori Sfera Fungsional

Menerusi teori yang dikemukakan oleh I. V. Braginsky ini juga terdapat teori Sfera Fungsional. Menerusi buku *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara*, adanya teori ini dilihat apabila hadirnya kesedaran diri dalam masyarakat Melayu pada ketika mengenai sastera. Pada ketika ini, kesedaran adalah satu perkara penting bagi memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk membuat penilaian mereka sendiri terhadap genre sastera dan korpus sastera Melayu. Teori ini telah mengandungi sfera Kerohanian, sfera Faedah dan sfera Keindahan. Setiap sfera ini mempunyai manfaatnya yang tersendiri kepada sastera Melayu.

i) Sfera Kerohanian

Sfera Kerohanian adalah bertujuan untuk memberikan satu sifat kesempurnaan kepada rohani para pembaca. Sfera ini berada pada kedudukan yang tertinggi dalam sistem sastra Melayu klasik. Menerusi sfera ini, seorang pengarang membuat penulisannya dengan meletakkan kesedaran dan kenyataan bahawa penghasilan kreativiti yang dilakukannya itu adalah datang daripada tuhan. Selain itu, pengarang juga percaya apabila bakat dalam menulis itu adalah satu ilham yang diberikan kepadanya daripada Ilahi. Oleh hal yang demikian, menerusi sfera kerohanian ini, pengarang hendaklah bijak dalam usahanya untuk tidak terlalu jatuh ke dalam keindahan yang dilakukan kerana keberhasilan penulisannya itu adalah datang daripada proses yang kreatif dan bukanlah daripada satu emosi dan ego yang tinggi semata-mata. Hal ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan yang terdapat dalam buku *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara* iaitu pada tahap kerohanian ini, rahmat Allah ini telah dilimpahkan kepada mereka yang terpilih dan membuka hati manusia sehingga dia mampu untuk memandang dan bermeditasi atau bermusyahadah (Braginsky, 1994:63).

ii) Sfera Faedah

Teori Sfera Fungsional ini juga terdiri daripada sfera faedah. Sfera faedah pula berada pada peringkat kedua dalam sistem hierarki sastra Melayu tradisional. Sfera ini telah terbahagi

kepada dua jenis genre iaitu merangkumi karya-karya cermin atau karya adab dan juga karya-karya sejarah. Justeru itu, sfera faedah digunakan sebagai fungsi untuk menjadi pengajar kepada manusia terhadap tingkah laku dan sifat manusia itu. Hal ini dikatakan demikian kerana pembacaan terhadap karya-karya sebegini memerlukan ketajaman dan kefahaman yang tinggi terhadap setiap makna yang disampaikan agar manusia dapat memahami dan membuat penafsiran karya tersebut terutama terhadap makna tersirat.

### iii) Sfera Kerohanian

Sfera Kerohanian iaitu sfera yang berada pada peringkat paling rendah dalam sistem sastera Melayu klasik. Menerusi Sfera Keindahan ini dapat dilihat karya-karya yang memberikan keseimbangan jiwa dan memberikan satu rasa harmoni dan sfera ini wujud dalam tiga bentuk iaitu dalam bentuk bertulis, lisan mahupun persembahan. Setiap karya yang dihasilkan mementingkan unsur deskriptif dapat merangsang dan mempengaruhi emosi para pembaca dan sekaligus mencetuskan satu perasaan serta empati dalam diri khalayak dan pembaca dengan lebih baik dan semula jadi.

Oleh hal yang demikian, kajian ini telah memfokuskan kepada Sfera Keindahan yang dibawa oleh Braginsky. Sfera Keindahan ini adalah peringkat terendah yang terdapat dalam

sistem sastera Melayu klasik dan teori ini boleh dilihat dalam tiga bentuk sama ada bertulis, lisan mahupun persembahan.


### 3.3.2 Kaedah Analisis Teori

Berdasarkan teori Sfera Fungsional yang dibawa oleh Braginsky, kajian ini telah memilih dan memfokuskan kepada sfera keindahan yang ada bagi membantu dalam menghuraikan setiap makna yang diperoleh daripada penelitian terhadap unsur propaganda dan menunjukkan keindahan yang diselitkan dalam teks kajian. Rentetan daripada itu, menerusi penelitian yang dilakukan, kajian ini mementingkan teknik penulisan yang dilakukan oleh pengarang yang memandangkan kepada unsur-unsur deskriptif yang terperinci dan berulang-ulang. Hal ini dikatakan demikian kerana deskripsi yang ada ini bersifat emotif dan mudah untuk mempengaruhi emosi pembaca atau masyarakat Melayu sehingga kehadiran ini dapat menimbulkan satu kesan dan emosi yang lebih nyata dan lebih asli.

Menerusi buku *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara*, penulis ada menyatakan apabila sesebuah karya itu dibina melalui emosi dan nafsu, maka sastera juga berfungsi untuk memberikan hiburan, propaganda dan memberikan keseronokkan. Justeru itu, kajian ini akan mengaplikasikan teori Sfera Keindahan bagi menghuraikan setiap penceritaan yang disampaikan dan membuktikan akan kehadiran unsur propaganda yang dalam setiap kisah menerusi teks Cerita Jenaka tersebut.

### 3.3.3 Kerangka Kajian Teori

Kajian ini telah memilih untuk menggunakan teori Sfera Fungsional dengan memfokuskan kepada Sfera Keindahan bagi menjelaskan hubungan antara unsur propaganda dan juga gaya penceritaan kisah Cerita Jenaka seperti yang dinyatakan menerusi carta alir 3.3.3 berikut:



Carta Alir 3.3.3: Kerangka Kajian Teori



### **3.4 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bab 3 ini sangat penting bagi menjelaskan metodologi atau kaedah yang akan digunakan dalam membantu pengkaji untuk mengumpulkan data dan menganalisis setiap hasil dapatan bagi kajian ini. Pada bahagian ini, pengkaji telah menjelaskan setiap kaedah dan juga sumber yang digunakan dalam penyelidikan kajian ni terutama bagi mendapatkan maklumat dan data mengenai unsur propaganda dalam setiap Cerita Jenaka dan juga pemahaman para pelajar kesusasteraan warisan terhadap Cerita Jenaka.

## BAB 4

### HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pendahuluan

Pada bahagian bab ini, pengkaji akan membincangkan segala hasil kajian yang merangkumi kesemua objektif yang telah dinyatakan dalam kajian ini. Perbincangan ini dilakukan bagi menjawab setiap persoalan yang telah dikemukakan pada awal penelitian ini. Menerusi hasil dan perbincangan ini, kajian ini telah melakukan penelitian terhadap kehadiran unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu. Pemilihan cerita jenaka Melayu ini telah mengambil sebanyak 5 jenis kisah yang sering menjadi bualan dalam kehidupan masyarakat. Cerita jenaka tersebut terdiri daripada kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*. Kehadiran cerita jenaka ini telah lama wujud dalam lingkungan masyarakat Melayu dan cerita ini telah dibawa dari mulut ke mulut oleh generasi dahulu sehingga generasi masa ini.

Pemahaman masyarakat terhadap cerita jenaka ini adakalanya terhad dan hanya tertumpu kepada hal-hal yang lucu sahaja tanpa memikirkan secara mendalam akan kepentingan dan moral yang cuba disampaikan oleh pengarang ketika itu. Hal ini menyebabkan masyarakat kurang menyedari intipati dan perkara-perkara yang boleh membawa pengaruh ke dalam kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, melalui hasil perbincangan ini akan memperlihatkan konsep propaganda itu sendiri melalui jenis dan teknik propaganda dalam cerita jenaka kepada khalayak termasuk menjelaskan kehadiran

unsur propaganda yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu serta kesan kehadiran unsur propaganda tersebut dalam cerita jenaka Melayu kepada khalayak. Penelitian ini juga dilakukan dengan mengaplikasikan sfera keindahan daripada teori Sfera Fungsional yang diasaskan oleh V.I Braginsky bagi membantu dalam memperlihatkan keindahan yang dibawa melalui kehadiran unsur propaganda ke dalam cerita jenaka Melayu tersebut.



## **4.2 Konsep propaganda melalui jenis dan teknik menerusi sastera cerita jenaka Melayu**

### **4.2.1 Konsep propaganda dalam cerita jenaka Melayu**

Menerusi dunia sastera yang diketahui oleh masyarakat sejak dahulu lagi, karya sastera merupakan satu medium yang banyak memberikan manfaat dalam kehidupan manusia sehari-hari. Kehadiran karya sastera dalam kehidupan masyarakat ini dilihat sebagai satu hasil daripada pemahaman dan gambaran serta imaginasi seseorang pengarang itu terhadap setiap hal yang berlaku di sekelilingnya terutama apabila melibatkan hal-hal sosial masyarakat. Kelebihan yang boleh dilihat dalam karya sastera ini bergantung dengan gaya pemikiran dan pemahaman masyarakat dalam kehidupan mereka. Hal ini boleh dikenalpasti apabila sastera ini mampu memberikan pengajaran, nilai moral, nilai murni termasuklah dengan unsur yang boleh mempengaruhi masyarakat seperti unsur propaganda yang dibawa dalam penceritaan sesebuah karya sastera.

Menurut Amany (dalam Rusydi M. Yusuf dan Bambang Trisno Adi, 2023), perkataan propaganda itu sendiri sering merujuk kepada perkara yang berunsurkan keburukan atau mengarahkan kepada hal-hal yang negatif. Hal ini yang menyebabkan lahirnya satu sangkaan mahupun pemikiran yang buruk dalam diri khalayak terhadap sesuatu perkara yang diterima oleh mereka. Pada masa ini, pengetahuan masyarakat terhadap makna propaganda itu sendiri hanyalah mengarahkan kepada satu aspek yang mampu membawa keburukan dan mereka kurang pula memandangkan kepada aspek yang mampu membawa kepada kebaikannya. Pemahaman mereka ini dilihat kurang jelas apabila propaganda dianggap hanya mampu memberi keuntungan kepada mereka yang menyebarkan propaganda sahaja dengan tujuan yang tertentu tetapi tidak bagi orang yang menerima pengaruh itu. Hal ini telah mengelabui minda mereka terhadap konsep lain

propaganda jika mereka mengetahui kebaikan juga boleh diperoleh daripada unsur propaganda itu sendiri.

William Albig (dalam Nurdiana, 2009) menyatakan bahawa propaganda ini adalah satu daya upaya yang dilakukan dengan tersusun dan dilaksanakan dengan cara yang berulang kali untuk memastikan motif dan tujuan mereka dapat disampaikan kepada individu atau khalayak serta mempengaruhi mereka terhadap pandangan dan tingkah laku untuk melakukan sesuatu perkara dengan cara sukarela. Berdasarkan kenyataan diatas, dapat menyimpulkan beberapa perkara dimana propaganda ini dapat hadir dalam pelbagai bentuk tidak kira dalam bentuk lisan mahupun bentuk tulisan sehingga menyebabkan seseorang itu berkemungkinan untuk melakukan sesuatu hal itu dengan kesedarannya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana usaha ini adalah satu kegiatan yang disengajakan agar seseorang itu menerima setiap maklumat dan pendapat yang dibawa dan seterusnya dipraktikkan ke dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Kebenaran akan kewujudan perkara ini turut boleh dilihat dalam setiap karya sastera yang mempunyai tujuan untuk menarik perhatian para pembaca agar berusaha untuk memahami makna di sebalik kisah yang disampaikan itu. Hal ini juga memberi satu usaha untuk mengubah pemikiran masyarakat melalui karya-karya yang dihasilkan dengan tujuan untuk memberi kesedaran. Misalnya, Sastera lisan dan tulisan telah menjadi bukti akan hadirnya agenda mahupun gagasan ini dilakukan dan mampu untuk disebarluaskan kerana propaganda ini pada awalnya disebarkan dalam bentuk komunikasi sehingga penggunaannya menerusi media massa dan media tulisan seperti karya sastera menjadi medium yang lebih luas untuk melakukan penyebaran terhadap pelbagai jenis agenda. Kehadiran propaganda ini juga boleh dikesan melalui plot cerita yang disampaikan, perwatakan, bahasa dan juga penggunaan simbol. Oleh hal yang demikian,

tanpa disadari para pengkarya telah banyak memasuki elemen-elemen seperti unsur propaganda dalam penghasilan karya mereka tidak kira secara lisan mahupun tulisan.

Karya sastera seperti cerita jenaka ini merupakan salah satu medium yang telah digunakan oleh masyarakat dahulu untuk menunjukkan bahawa mereka tahu cara yang terbaik dalam menyampaikan sesuatu kebaikan mahupun kesedaran antara satu sama lain dengan kaedah yang lebih menarik dan mudah diterima dalam diri masyarakat Melayu di samping menyampaikan hiburan kepada masyarakat. Justeru itu, pelbagai jenis karya telah dilahirkan yang mempunyai gaya dan cara penyampaiannya yang mengandungi nilai-nilai pengajaran dan moral yang tinggi termasuk dengan usaha untuk mempengaruhi pemikiran khalayak dan membuka peluang kepada khalayak untuk berfikiran lebih terbuka terhadap sesuatu perkara yang disampaikan kepada mereka. Oleh hal yang demikian, bagi melihat kehadiran propaganda dalam karya sastera, cerita jenaka Melayu menerusi kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan kisah *Si Luncai* telah dipilih dalam usaha untuk menyampaikan sesuatu moral dan mesej kepada khalayak. Walaubagaimanapun, unsur propaganda ini kelihatan tidak terlalu difokuskan kerana cerita jenaka lebih mengutamakan hiburan kepada masyarakat Melayu. Tambahan lagi, jenis propaganda dan teknik yang telah digunakan dalam cerita jenaka ini mempunyai beberapa perbezaan meskipun cara penyampaiannya adalah sama iaitu melalui medium lisan ke dalam medium tulisan.

#### **4.2.2 Jenis-jenis propaganda**

Propaganda seringkali menjadi satu cara yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu dalam menyampaikan ideologi mereka dan usaha ini dilakukan agar segala intipati dapat diresapi sebaik-baiknya oleh masyarakat. Herbert Blumer (dalam Winda Kustiawan et al., 2022) ada menyatakan propaganda dilihat sebagai satu bentuk kempen dalam politik dengan tujuan yang disengajakan melalui

bimbingan untuk mempengaruhi dan meminta masyarakat majmuk untuk menerima segala pandangan dan fahaman yang dibawa. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa jenis propaganda yang wujud dan memainkan peranannya masing-masing. Santoso Sastropetro telah mengemukakan beberapa jenis propaganda yang antaranya adalah propaganda hitam, propaganda putih dan propaganda kelabu. Kesemua propaganda ini adalah telah dilakukan dengan tujuannya yang tersendiri termasuk pengaplikasiannya dalam segala perkara termasuk sastera seperti cerita rakyat.

#### **4.2.2.1 Propaganda hitam**

Propaganda hitam ini membawa makna sebuah propaganda yang melibatkan sesuatu perkara tanpa menyatakan asal sumber utamanya dan kejelasan terhadap kehadiran propaganda. Propaganda ini turut dikenali dengan nama propaganda yang tersembunyi. Propaganda ini dapat dilihat melalui beberapa ciri seperti sumber utama disembunyikan, maklumat palsu, mempengaruhi sikap dan emosi individu bahkan kumpulan masyarakat dan sebagainya. Propaganda ini kebiasaannya akan membawa kepada keburukan dengan memberikan segala maklumat yang tidak benar dan mampu menimbulkan kesalahfahaman kepada orang lain.

#### **4.2.2.2 Propaganda Putih**

Propaganda putih pula menggambarkan satu penyebaran pemahaman kepada orang lain yang dilakukan secara terang dan diketahui asal sumbernya dengan jelas. Propaganda putih ini kebiasaannya dilakukan oleh pihak-pihak yang ingin menyampaikan pesanan yang

membawa kepada kebaikan melalui media massa. Justeru itu, propaganda putih ini juga mampu dikenalpasti melalui beberapa ciri khasnya seperti khalayak dapat mengetahui sumber maklumat, tujuan utama propaganda itu dilaksanakan, menimbulkan kesan yang positif dalam kalangan khalayak dan sebagainya. Oleh itu, propaganda putih ini dilihat mampu memberikan maklumat yang penting kepada khalayak mengenai sesuatu perkara, memberikan kesedaran, kepercayaan termasuk memberi pengaruh kepada khalayak untuk mengambil keputusan terhadap sesuatu perkara.

#### **4.2.2.3 Propaganda Kelabu**

Propaganda kelabu mengarahkan kepada satu tindakan penyebaran ideologi yang mampu menimbulkan keraguan terhadap setiap maklumat yang disampaikan. Propaganda ini dilihat lebih kurang sama dengan propaganda hitam namun propaganda kelabu ini adakalanya dapat menimbulkan kekeliruan kepada khalayak kerana maklumat yang disebarkan tersebut diperoleh daripada sumber yang boleh dipercayai atau tidak diketahui dari mana sumber itu datang. Ciri-ciri khas bagi propaganda kelabu ini adalah seperti tujuan penyebaran maklumat itu agak kabur, mempengaruhi emosi khalayak dan propaganda ini berkemungkinan adalah sebahagian daripada propaganda yang lain. Propaganda ini boleh disebarkan dalam pelbagai bentuk terutama dalam media sosial dan sumber-sumber yang lain. Justeru itu, khalayak hendaklah berhati-hati dalam menerima dan memahami sesetengah maklumat yang diperoleh agar tidak membawa kepada masalah yang lain.



Propaganda hitam, putih dan kelabu ini telah dibina agar menjadi alat untuk apa jua keadaan termasuk dalam membina sosiologi kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana jika melihat kepada propaganda itu sendiri, ia dapat wujud dalam segala keadaan yang membentuk kehidupan masyarakat tanpa disedari. Walaubagaimanapun, jenis propaganda ini dalam penyampaian sastera lisan seperti cerita jenaka ini dilihat agak kabur kerana propaganda tidak terlalu difokuskan namun boleh dilihat melalui teknik-teknik penyampaiannya kepada khalayak dalam bentuk moral dan pengajaran. Oleh hal yang demikian, propaganda tersebut masih memerlukan beberapa teknik dalam membuktikan keberkesanan terhadap setiap perkara yang dilakukan dan maklumat yang disampaikan dan kebiasaannya segala pengajaran yang disampaikan dalam cerita jenaka ini dianggap sebagai jenis propaganda yang tidak kuat dan terlihat lebih ringan. Justeru itu, setiap masyarakat haruslah mengenalpasti setiap isu yang berlaku di sekeliling mereka agar sentiasa peka dan waspada terhadap perkara yang berada dalam lingkungan persekitaran.

#### **4.2.3 Teknik-teknik propaganda**

Kewujudan teknik-teknik propaganda ini amat membantu dalam mengenalpasti setiap perkara yang ingin dibawa kepada khalayak umum terutama apabila melibatkan maklumat yang mampu menarik sentimen masyarakat. Oleh yang demikian, terdapat beberapa teknik yang digunakan dalam menyebarkan propaganda seperti *Plain Folks*, *Name-Calling*, *Transfer*, *Card Stacking* dan lain-lain lagi.

#### **4.2.3.1 Plain Folks**

Propaganda yang menggunakan teknik *Plain Folks* ini merupakan satu usaha yang menggunakan kaedah yang melibatkan seseorang dalam kerja mereka untuk membantu mereka dalam menyampaikan buah fikiran dan idea. Teknik ini juga turut menunjukkan perkaitannya dengan kehidupan sehari-hari dan keberhasilannya. Teknik ini lebih melihat seseorang itu meletakkan dirinya bersama-sama dengan khalayak bagi memastikan khalayak memahami dan merasai dengan lebih dekat terhadap sesebuah maklumat itu. Tujuan teknik ini digunakan agar khalayak tertarik dengan segala maklumat yang dibawa dan membina satu kepercayaan antara satu sama lain terutama apabila melibatkan emosi.

#### **4.2.3.2 Name-Calling**

Teknik *Name-Calling* adalah satu teknik yang menggunakan sesuatu nama dalam usaha untuk menarik kepercayaan khalayak agar mempercayai sesuatu agenda yang dibawa tanpa mencari kebenaran disebalik motif yang dibawa itu. Rousydiy (1989), teknik ini adalah salah satu cara propaganda dengan memberi nama samaran yang baik mahupun buruk untuk menjatuhkan orang lain. Walaubagaimanapun, teknik ini telah menggunakan istilah atau gelaran yang lebih kepada untuk menjatuhkan atau merendah-rendahkan seseorang atau kumpulan masyarakat. Gaya teknik ini telah digunakan dengan memberikan satu label atau nama kepada agenda tersebut dan teknik boleh dilihat dalam pelbagai bentuk hingga ke hari ini. Oleh itu, seseorang itu hendaklah sentiasa berfikir secara mendalam terhadap maklumat yang diterima dan mengetahui sumber utama maklumat tersebut kerana kebiasaannya teknik

ini akan menyebabkan sesuatu konflik itu berlaku dan mempengaruhi emosi khalayak.

#### **4.2.3.3 *Transfer***

Teknik *transfer* ini merujuk kepada satu kaedah yang melibatkan satu perasaan atau emosi dari khalayak yang sebelumnya telah dipengaruhi dengan sesuatu hal yang lain. Rousydiy (dalam Ahmad Zakiyuddin, 2018) menyatakan teknik *transfer* ini salah satu teknik propaganda yang memanfaatkan sesuatu perkara yang amat penting dan mengandungi nilai-nilai tinggi namun dialihkan kepada perkara lain dengan tujuan khalayak memahami dan beroleh kepercayaan. Kaedah ini telah menggunakan simbol sebagai satu cara untuk menghubungkan emosi seseorang dengan sesuatu idea yang dibawa oleh sekumpulan individu. Teknik ini penyampaian adalah lebih sama dengan teknik-teknik yang lain namun memanipulasi seseorang itu melalui simbol dan tokoh-tokoh penting.

#### **4.2.3.4 *Card Stacking***

Teknik *card stacking* pula merupakan satu teknik yang membicarakan mengenai maklumat yang mampu mendapatkan maklum balas atau jawapan daripada khalayak. Kebiasaannya, tindak balas yang diperoleh daripada teknik ini terdiri daripada pelbagai bentuk emosi. Teknik ini akan berusaha untuk tidak memastikan segala maklumat yang tidak baik diberikan kepada khalayak agar khalayak tidak memikirkan maklumat yang lain. Namun begitu, teknik ini tidak akan memberikan maklumat yang tidak benar agar khalayak tidak terpengaruh dengan hal-hal yang salah. Justeru itu, menerusi teknik ini khalayak akan mula

menghubungkan sesuatu perkara itu dengan emosi dan perasaan mereka pada ketika itu agar mendapatkan maklumat yang benar.

#### **4.2.3.5 *Storytelling***

Teknik *storytelling* adalah kaedah dalam menyampaikan mesej dan maklumat melalui gaya penceritaan yang menarik dalam usaha untuk menarik perhatian khalayak. Teknik ini dapat dilihat dengan mengaplikasikan penggunaan cerita yang penuh dengan mesej dan moral. Selain itu, teknik juga melibatkan pengenalan kepada watak-watak, tema, plot dan sebagainya agar maklumat yang disampaikan kepada khalayak itu mampu difahami dan memicu perasaan khalayak.

#### **4.2.3.6 *Glittering Generalities***

Menerusi teknik *Glittering Generalities*, penggunaan perkataan atau kata-kata (frasa) yang mampu mempengaruhi emosi khalayak amat memainkan peranannya terutama dalam menarik emosi yang positif. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik ini dapat mendapatkan pendirian yang teguh daripada khalayak terutama apabila teknik ini mempunyai slogannya yang tersendiri. Sastropeotro (1991), teknik ini merujuk kepada teknik yang digunakan seseorang untuk menonjolkan gagasannya kepada khalayak. Selain itu, teknik ini juga akan melibatkan sesuatu frasa umum yang memberikan nilai positif kepada khalayak namun tidak akan menerangkannya secara mendalam agar khalayak dapat berfikir secara mendalam. Walaubagaimanapun, teknik ini juga dapat menyebabkan khalayak berwaspada terhadap maklumat yang diberikan kerana agak kabur dan mampu menimbulkan kesalahfahaman.

Propaganda mempunyai sasarannya yang tersendiri dalam usaha untuk mencapai matlamatnya. Buktinya, telah banyak agenda yang dibawa oleh seseorang itu dengan menggunakan teknik-teknik yang terdapat dalam propaganda. Kepelbagaian teknik propaganda ini telah dilakukan mengikut cara-cara yang diinginkan bagi mendapat maklumat dan hasil yang lebih baik terhadap sasaran mereka. Tambahan lagi, teknik propaganda ini juga dapat membina satu perubahan dan jenama sendiri jika mampu diterima dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, propaganda ini juga haruslah diteliti dengan sebaiknya dan memiliki pemahaman yang tinggi sebelum menerima unsur propaganda tersebut agar tidak mendatangkan kesan negatif ke dalam kehidupan. Justeru itu, bagi melihat kehadiran teknik-teknik propaganda dalam cerita jenaka Melayu ini telah dapat dikenalpasti melalui cerita-cerita jenaka Melayu yang merangkumi 5 buah cerita iaitu kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*. Pengkelasan teknik propaganda dalam cerita jenaka Melayu boleh dilihat seperti jadual dibawah berikut:

Jadual 4.2.3: Teknik Propaganda menerusi cerita jenaka Melayu

<b>Teknik Propaganda</b>	Kisah Pak Kaduk	Kisah Lebai Malang	Kisah Pak Pandir	Kisah Pak Belalang	Kisah Si Luncai
Plain folks	✓	✓	✓	✓	✓
Name-calling		✓	✓		
Transfer		✓	✓		
Card Stacking			✓		✓
Storytelling	✓	✓	✓	✓	✓

Berdasarkan jadual di atas telah memperlihatkan bahawa kisah-kisah jenaka tersebut dapat mengesan beberapa teknik propaganda yang cuba diperlihatkan dan cara mereka untuk mempengaruhi masyarakat terhadap makna melalui gaya penyampaiannya.

Teknik propaganda dalam cerita jenaka ini dapat dilihat dalam setiap kisah jenaka tersebut dengan tujuan yang berbeza. Teknik-teknik yang digunakan dalam penyampaian cerita jenaka ini membawa kepentingannya yang tersendiri agar setiap agenda dan mesej dapat disampaikan kepada khalayak. Perkara ini terlihat dalam cerita jenaka kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan kisah *Si Luncai* yang diperlihatkan mempunyai teknik *Plain Folks* dalam usaha menarik perhatian dan meyakinkan mereka akan setiap propaganda yang hadir dalam cerita jenaka ini mampu menguasai pemikiran dan sikap masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik plain folks ini mampu memberikan kesan terhadap pandangan seseorang kepada orang lain melalui perwatakan watak dan latar yang digunakan termasuk juga kehadiran bahasa yang digunakan dalam kehidupan masyarakat tersebut. Berikutan daripada itu, cerita jenaka yang mempunyai teknik ini memperlihatkan keadaan watak yang hidup seperti masyarakat biasa namun memiliki sikap dan perwatakannya yang tersendiri.

Selain itu, teknik *Name-Calling* juga diperoleh dalam cerita jenaka kisah *Lebai Malang* dan *Pak Pandir* dimana dalam cerita jenaka tersebut telah menggunakan nama atau panggilan dalam usaha untuk menunjukkan sikap masyarakat tersebut. Perkara ini merupakan salah satu taktik mereka untuk menunjukkan sikap masyarakat Melayu dalam menghadapi sesuatu perkara sehingga mampu memberi kesan dalam kehidupannya seperti mana watak Pak Lebai yang dikatakan seorang yang malang. Secara tidak langsung, teknik ini cuba untuk mewujudkan satu pemikiran yang negatif dan memanipulasi daya berfikir masyarakat. Penggunaan kata-kata yang menggambarkan watak dan perwatakan dalam sesebuah cerita jenaka juga dilihat sebagai satu strategi dan dapat memberikan kesan yang tertentu dalam usaha untuk menarik minat dan pandangan masyarakat termasuk memberikan hiburan kepada masyarakat.

Seterusnya, teknik *transfer* turut diperoleh dalam cerita jenaka kisah *Pak Pandir* dan *Lebai Malang* apabila menggambarkan sosok seorang yang berilmu agama yang kuat namun mampu menghadirkan kelucuan kepada masyarakat terhadap perwatakannya. Teknik ini mampu menghubungkan satu perkara kepada satu perkara yang lain agar dapat menarik pandangan dan emosi seseorang itu agar menerima atau menolak perkara yang dibawa oleh mereka. Sebagai contoh, dalam teknik ini terdapat kaedah yang membantu mereka seperti menggunakan sesuatu lambang yang dapat menyampaikan sebuah perasaan atau emosi yang dibawa oleh mereka. Selain itu, penggunaan bahasa atau slogan juga memainkan peranan agar dapat memicu perasaan masyarakat terhadap gagasan mereka. Jelaslah bahawa teknik transfer ini antara salah satu teknik yang mampu memanfaatkan setiap pengaruh dan emosi masyarakat agar menyetujui maklumat yang disampaikan.

Teknik *card stacking* juga boleh dilihat dalam penyampaian cerita jenaka Melayu namun kebiasaannya teknik ini tidak terlalu menonjol kerana cerita jenaka memberi perhatian kepada unsur humor dan bersifat hiburan namun menerusi cerita jenaka Melayu, teknik ini tidak terlalu mengarahkan kepada unsur propaganda. Contohnya, teknik ini dilihat secara tidak meluas melalui kisah *Pak Pandir* dan *Si Luncai* dimana dalam penceritaan cerita jenaka seperti kisah *Pak Pandir* memperlihatkan idea dan mesej melalui kebijaksanaan watak dalam menghadapi sesuatu perkara sehingga mampu menjadikan perwatakan bagi watak tersebut lebih menarik.

Selanjutnya, teknik *storytelling* pula merupakan teknik yang paling mendapat perhatian pengarang dalam usaha untuk menyampaikan agenda mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik ini mampu menyampaikan kisah dan cerita dengan cara yang

menarik dan mampu menyampaikan pengajaran disamping memberikan hiburan kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, teknik ini dapat dikenalpasti kedalam semua cerita jenaka Melayu seperti kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*. Menerusi teknik ini lah yang akan membuka minda dan fikiran khalayak terhadap segala pemikiran dan pengajaran yang terkandung di dalam cerita jenaka tersebut di samping menikmati gaya penceritaan yang penuh dengan unsur humor dalam setiap plot yang dibawa oleh pengarang.

Oleh hal yang demikian, meskipun kehadiran propaganda dalam cerita jenaka Melayu ini mempunyai kepentingannya masing-masing. Namun begitu, kehadiran propaganda inilah yang mampu membantu masyarakat untuk sentiasa berfikir dan meneliti setiap makna dan mesej yang disampaikan kepada mereka sama ada dalam bentuk kebaikan mahupun keburukan meskipun cerita jenaka tidak terlalu memberikan fokus terhadap unsur propaganda tersebut. Menerusi pendapat daripada Liaw Yock Fang (dalam Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar, 2020), Perkara ini dinyatakan sebegitu kerana cerita jenaka ini adalah karya sastera yang sangat terkenal dan tokoh-tokoh yang digunakan dalam cerita jenaka itu adakalanya boleh menimbulkan kekeliruan hingga memberi kesan buruk kepada orang lain. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa tokoh dalam cerita jenaka ini juga mampu memperlihatkan kebijakan mereka meskipun sifat mereka penuh dengan jenaka. Justeru itu, adanya propaganda ini telah memberi ruang untuk memperlihatkan cara penerimaan masyarakat terhadap isu-isu yang ada dalam cerita-cerita jenaka ke dalam kehidupan mereka.



### **4.3 Unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu**

Kisah-kisah yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu telah menjadi satu budaya dalam kalangan masyarakat sejak dahulu lagi. Kehidupan yang dahulu telah menjadi satu cerminan bagi masyarakat untuk menjadikan cerita jenaka ini sebagai satu medium dalam menyalurkan makna-makna yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Justeru itu, penyampaian cerita jenaka ini seringkali dikaitkan dengan tujuan sebagai hiburan, moral, pengajaran, propaganda termasuk sindiran terhadap pihak-pihak yang mempunyai peranan yang sangat penting kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, menerusi cerita jenaka ini terdapat unsur-unsur propaganda yang boleh dikenalpasti yang cuba disampaikan kepada khalayak dalam usaha untuk mempengaruhi segala tindakan mereka secara sengaja dan mempunyai matlamatnya tersendiri. Oleh itu, unsur-unsur propaganda ini dapat diperoleh menerusi 5 buah cerita jenaka iaitu kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*.

#### **4.3.1 Kisah *Pak Kaduk***

Cerita *Pak Kaduk* ini merupakan kisah yang memaparkan kehidupan seorang lelaki iaitu Pak Kaduk dan isterinya yang terpaksa berhadapan dengan beberapa situasi sehingga berlaku pelbagai masalah dalam hidup mereka. Oleh hal yang demikian, menerusi beberapa peristiwa yang berlaku dalam cerita *Pak Kaduk* dapat memaparkan realiti kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi sehingga dapat mempengaruhi tindakan dan kehidupan masyarakat sehingga hari ini. Justeru itu, keadaan ini dapat dikaitkan dengan kehadiran unsur propaganda yang dibawa melalui watak *Pak Kaduk* itu sendiri.

#### 4.3.1.1 Masyarakat yang materialistik

Kehadiran propaganda dalam penceritaan ini menggambarkan kehidupan masyarakat yang materialistik atau menginginkan taraf hidup yang lebih baik. Lailatul Fitriyah (2016), materialisme merupakan sebuah aliran atau landasan yang mementingkan sesuatu kepemilikan atau kebendaan termasuk wang ringgit demi kebahagiaan individu dan juga perkembangan sosial masyarakat. Pemikiran masyarakat dahulu sering memikirkan cara untuk mendapatkan kesenangan dan kemudahan dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana setiap masyarakat menginginkan kehidupan yang senang dan mampu memenuhi setiap keperluan termasuk kehendak mereka pada ketika itu. Jika dilihat dalam konteks ini, kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu telah digambarkan sebagai satu kelompok masyarakat yang gemar melakukan sesuatu perkara agar mendapatkan keuntungan tanpa memikirkan kesannya.

Menerusi akhbar Sinar Harian dalam talian, Mohd Yusof Shafie (2021) berpendapat bahawa amalan atau sifat materialistik yang diamalkan oleh masyarakat dalam kehidupan mereka mampu menyebabkan masyarakat 'gelap mata' terhadap benda yang berharga. Pernyataan tersebut secara tidak langsung menyatakan bahawa masyarakat Melayu ini golongan yang mudah hanyut dalam hal-hal kebendaan sehingga mudah terpengaruh dengan setiap hal yang diberikan kepada mereka. Isu ini telah menimbulkan satu anggapan kepada masyarakat Melayu yang mempunyai sifat materialistik yang tinggi dalam kehidupan mereka dan tidak dapat dinafikan hal ini telah disebarluaskan

kepada masyarakat luar mengenai sifat masyarakat Melayu yang ada sehingga hari ini.

Lantaran itu, jika diteliti dengan lebih mendalam tingkah laku yang seperti itu boleh diperoleh melalui cerita-cerita rakyat yang sudah lama memaparkan sifat yang sebegitu termasuk melalui cerita jenaka Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, meskipun cerita jenaka Melayu ini lebih mengarahkan hal-hal yang lucu namun tidak dapat menyangkal lagi ada makna-makna yang tersirat yang cuba digambarkan melalui perwatakan yang terdapat dalam setiap cerita jenaka Melayu tersebut.

Menerusi cerita jenaka *Pak Kaduk* ini dapat dilihat perwatakannya yang mudah dipengaruhi dan sanggup melakukan apa sahaja agar memperoleh keuntungan pada dirinya dan dianggap sebagai seorang yang materialistik untuk meraih sesuatu yang berharga. Tingkah laku materialistik dalam perwatakan Pak Kaduk ini boleh dilihat menerusi petikan daripada cerita jenaka iaitu;

“Maka ada-lah kepada suatu hari Pak Kaduk berkata kepada isteri-nya, ‘Aku ini, Mak Siti, ingin pula rasa-nya hendak pergi menyabong ka-gelangan baginda itu, karena terlalu-lah suka pula kau melihatkan orang yang menyabong beramai-ramai di-situ. Mari kita sabong ayam biring Si-Kunani kita itu, karena ayam itu pada petua-nya terlalu bertuah. Boleh kita tarohkan kampong kita ini kepada baginda. Kalau menang kita, tentu-lah kita mendapat duit baginda itu.’”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:1)

Berdasarkan petikan diatas telah memaparkan perwatakan Pak Kaduk yang telah mencuba untuk mendapatkan harta dengan menyertai satu permainan yang sering diadakan di kampungnya itu dan sanggup

menggadaikan harta bendanya demi mendapatkan keuntungan yang lumayan. Hal ini jelas apabila watak Pak Kaduk itu sendiri telah menunjukkan sikap segelintir masyarakat Melayu yang sanggup melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak baik demi mendapatkan hasil yang lumayan untuk kepentingan sendiri. Kehidupan yang dipaparkan melalui tingkah laku Pak Kaduk ini juga menjadi gambaran kepada kehidupan masyarakat dahulu yang sering melibatkan diri mereka dengan hal-hal yang berkaitan dengan judi atau permainan haram. Hal ini kerana permainan yang dimainkan oleh Pak Kaduk itu dianggap sebagai salah satu permainan judi apabila Pak Kaduk sanggup menggadaikan hartanya termasuk rumah pusaka yang dimilikinya asalkan dia beroleh kemenangan. Tingkah laku ini telah menandakan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu lagi telah melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak baik ini sehingga perkara ini masih diteruskan oleh segelintir masyarakat pada masa ini.

Berdasarkan konteks sfera keindahan, cerita jenaka Melayu ini telah membawa nilai-nilai keindahannya melalui teknik yang digunakan oleh pengarang. Unsur atau teknik yang diperoleh dalam cerita jenaka ini adalah pengarang menekankan unsur deskriptif dalam alur penceritaannya. Unsur deskriptif ini adalah sesuatu perkara yang dapat mempengaruhi emosi pembaca terhadap kisah yang disampaikan. Kehadiran unsur deskriptif telah menarik atau mencetus satu emosi dan perasaan dalam diri pembaca terhadap peristiwa yang telah berlaku secara nyata. Jika melihat perkaitannya dengan cerita jenaka kisah *Pak Kaduk* ini, unsur deskriptif ini memperjelaskan mengenai cerita yang

mengandung watak Pak Kaduk yang menggambarkan kenyataan kehidupan masyarakat dahulu yang mempunyai perwatakan yang seperti mana yang digambarkan oleh Pak Kaduk. Perwatakan Pak Kaduk yang materialistik itu memberi ruang kepada pembaca untuk menggerakkan minda mereka untuk berfikir mengenai tingkah laku, rupa termasuk cara berpakaian masyarakat Melayu pada ketika itu.

#### 4.3.1.2 Keadaan sosiopolitik orang Melayu

Sosiopolitik memberi makna kepada satu sistem yang berkaitan dengan sosial atau masyarakat dan juga politik. Sosiopolitik ini amat penting dalam memastikan sesebuah tempat itu dapat dibangunkan dengan baik dan membawa kepada satu perubahan yang baik antara golongan pemerintah dengan masyarakat. Menerusi data dalam Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 juga ada menyatakan nilai terasnya terhadap kestabilan Sosio-politik adalah sesuatu hal yang penting bagi mewujudkan suasana yang aman dan harmoni dalam kalangan rakyat. Namun begitu, jika pemerintah itu sendiri tidak menjalankan tanggungjawab dan amanahnya sebaik mungkin maka, akan berlakunya ketidaktenteraman, jenayah termasuk berlakunya pergolakan antara pemerintah dan juga rakyat.

Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu atau rakyat itu mampu menafsirkan keadaan sosial itu sendiri dan juga struktur kuasa politik yang berlaku sehingga mampu untuk memperlihatkan keadaan politik pada ketika itu. Oleh hal yang demikian, menerusi cerita jenaka ini, propaganda yang cuba diperlihatkan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu adalah berkaitan dengan sikap

pemerintah yang bertindak sesuka hati tanpa menggalas tanggung jawab yang benar terhadap masyarakat. Perkara ini jelas amat mempengaruhi bentuk pemerintahan dan pentadbiran sehingga hari ini.

Menerusi cerita jenaka *Pak Kaduk*, menunjukkan keadaan pentadbiran ketika itu di mana pemerintah mempunyai sikap yang boleh menyebabkan berlakunya penindasan dan ketidakadilan sosial dalam kalangan rakyat. Keadaan ini boleh dikenalpasti melalui petikan cerita jenaka Pak Kaduk seperti berikut;

“... Di-ketahui-lah oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kadok itu. Maka titah baginda, ‘Hai Pak Kadok, mari kita bertukar ayam. Ambil-lah ayam beta ini, elok, coba lihat roman-nya jalak puteh mata, dan ayam Pak Kadok biring Si-Kunani sahaja tiada berapa tuah-nya.’”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:1-2)

Berdasarkan petikan diatas telah menunjukkan sikap seorang pemerintah yang cuba untuk membuat keputusan tanpa berbincang dan memberi tahu sebab akan sesuatu tindakan yang diambilnya. Menerusi kisah ini, dapat dilihat apabila seseorang pemerintah itu cuba untuk mengaburi mata orang lain dengan tipu dayanya demi keuntungannya sendiri agar orang tersebut mempercayainya. Tindakan inilah yang dianggap sebagai satu tindakan yang tidak baik sehingga akan menyebabkan masalah-masalah yang lain akan berlaku terutama berkaitan dengan hal-hal rakyat.

Keadaan ini turut memperlihatkan kehadiran unsur propaganda tersebut apabila sikap segelintir pemerintah itu sanggup menutup mata sendiri demi kepentingannya. Menerusi konteks unsur propaganda itu sendiri, sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang itu dalam usaha

untuk mendapatkan persetujuan dari pihak lain yang dikehendakinya. Hal ini dapat dikenalpasti melalui watak pemerintah yang cuba untuk meyakini pihak bawahan dalam melakukan perkara yang diinginkan. Oleh hal yang demikian, kejadian ini telah menyebabkan munculnya tanggapan yang tidak baik ini berterusan dari masa dahulu sehingga kini tanpa melihat secara mendalam mengenai sifat masyarakat Melayu termasuk pemerintahan yang sebenar.

Seiring dengan hal-hal yang muncul dalam kisah *Pak Kaduk* di atas memberikan satu bentuk kelainan dan keindahan yang cuba dibawa oleh pengarang melalui gaya penulisannya itu. Hal ini boleh dikaitkan dengan nilai sfera keindahan dalam teori Sfera Fungsional oleh V. I. Braginsky. Menerusi cerita jenaka kisah *Pak Kaduk*, unsur deskriptif masih diperlihatkan dalam plot yang dibawa kepada khalayak. Pengarang menjelaskan dengan baik peristiwa yang berlaku kepada pembaca dan memberikan gambaran yang terperinci mengenai tingkah laku pemimpin yang berkuasa pada ketika itu. Hal ini memberikan satu keupayaan yang besar kepada khalayak agar mampu merangsang pemikiran mereka dan seterusnya mampu bertindak dengan baik apabila menghadapi situasi yang berlaku setelah memahami dan mendalami makna yang terdapat dalam kisah penceritaan tersebut.

#### **4.3.2 Kisah *Lebai Malang***

Kisah *Lebai Malang* merupakan sebuah kisah seorang lebai yang hidup bersama isterinya di sebuah desa. Pak lebai ini dikenali sebagai seorang yang amat menjaga agamanya sebagai seorang muslim yang pandai mengaji, taat beribadah dan sifatnya sangat beradab serta bersopan santun. Namun begitu, sikap Pak Lebai

ini adakalanya disifatkan sebagai seorang yang lurus bendul sehingga menimbulkan kesan jenaka kepada khalayak. Menerusi watak *Lebai Malang*, masyarakat menyatakan bahawa watak Pak Lebai ini adalah gambaran masyarakat dahulu yang amat mementingkan ajaran agama dalam kehidupan mereka. Justeru itu, melalui kisah *Lebai Malang* ini dikatakan telah membawa latar kehidupan masyarakat Melayu terdahulu yang sentiasa mendalami ilmu agama melalui peristiwa yang terdapat di dalam kisah tersebut walaupun mempunyai tingkah laku yang tidak dapat dijangka oleh orang lain. Peristiwa-peristiwa tersebut juga dilihat sebagai salah satu bentuk propaganda kecil yang dapat memberi pengaruh kepada pemikiran dan tingkah laku masyarakat pada hari ini meskipun dihiasi dengan jenaka daripada perwatakan Pak Lebai itu.

#### 4.3.2.1 Agama dan budaya masyarakat Melayu

Kepentingan dalam memelihara agama dan budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu amatlah penting demi menjaga kesejahteraan sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana agama dan budaya ini melambangkan satu identiti dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Menurut kamus dewan edisi keempat, budaya membawa makna kepada kemajuan fikiran atau akal budi (cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya). Jika dilihat dengan lebih mendalam, adanya budaya dalam kalangan masyarakat dapat memberikan nilai-nilai sosial yang tinggi dan mampu memupuk sifat-sifat yang baik.

Kehidupan beragama amat dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kehidupan beragama ini dimaksudkan dengan masyarakat yang mengamalkan semua ajaran Islam termasuk mempunyai



akhlak yang baik. Menurut Ahmad Raba (2001), kehidupan yang beragama ini secara tidak langsung akan memberi pengaruh dan kesan yang besar kepada tingkah laku manusia termasuk personaliti seseorang. Budaya juga amat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu yang meliputi kepada budi, kepercayaan, nilai masyarakat, dan juga tingkah laku. John. J. Macionis (1987) menyatakan budaya adalah suatu kepercayaan, tingkah laku sosial, nilai masyarakat termasuk hal-hal kebendaan yang diamalkan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa budaya adalah suatu hal yang penting dalam membentuk jati diri sesebuah kumpulan manusia yang dilakukan secara bersama sehingga membentuk satu kumpulan sosial yang bergantung antara satu sama lain.

Oleh hal yang demikian, agama dan budaya dalam masyarakat Melayu adalah hal yang penting dan saling berkait bagi membentuk personaliti dan jati diri yang lebih baik. Namun, ada juga hal yang tidak dapat dielakkan jika berlakunya permasalahan dalam diri individu sehingga boleh menimbulkan kesalahfahaman. Justeru itu, menerusi cerita lisan seperti cerita jenaka sememangnya jika diteliti dengan mendalam mampu menyedarkan masyarakat Melayu akan kesedaran yang cuba disampaikan melalui cerita jenaka ini. Terdapat pelbagai pengaruh yang boleh dianggap sebagai satu propaganda yang telah diperlihatkan dalam setiap cerita jenaka, antara salah satunya kisah *Lebai Malang*. Kisah *Lebai Malang* ini adalah merupakan kisah seorang Pak Lebai yang amat mementingkan agama dalam kehidupannya. Namun begitu, terdapat juga beberapa sikap dan tingkah laku yang diperlihatkan melalui watak Pak

Lebai yang agak jauh dari perwatakan seorang yang beragama tinggi dan sentiasa bernasib malang. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun dirinya mementingkan hukum agama namun disebabkan oleh pemikirannya, dia telah menghadapi beberapa masalah yang mendatangkan kerugian kepada dirinya. Kisah ini boleh dilihat melalui petikan berikut;

“ Maka di-dalam rantau itu ada-lah sa-orang lebai pandai mengaji dan taat ibadatnya kepada Allah ta’ala, istimewa pula perangai-nya tersangat adab dan santun...”

“ Sa-kali peristiwa, datang-lah sa-orang laki-laki ka-rumahnya mengajak akan dia melawat orang mati. Mkaa kata Pak Lebai, baik-lah, kembali-lah tuan dahulu.’ Dan sa-ketika lagi datang pula sa-orang kanak-kanak menjemput Pak Lebai kerana hendak kenduri berkhatam pengajian. Maka jawab Pak Lebai. ‘Ya-lah, balek-lah engkau dahulu.’ Ada sa-kejap pula datang sa-orang lagi mempersilakan Pak Lebai ka-terataknya. Maka ketiga-tiga mereka itu pun pulang-lah ka rumah masing-masing berhadirkan sekalian alat-nya kerana harapkan Pak Lebai akan datang ka-rumahnya.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:49)

Berdasarkan petikan-petikan diatas telah memperlihatkan bukti *Lebai Malang* seorang yang tinggi agamanya dan mempunyai satu sifat yang sentiasa mengamalkan sikap saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain. Hal ini menunjukkan sikap seorang yang amat mementingkan agama dan menerapkan segala ajaran Islam dalam hidupnya termasuk mengamalkan budaya masyarakat. Budaya masyarakat yang diperlihatkan dalam peristiwa tersebut adalah budaya ziarah-menziarahi dan saling menghormati. Namun begitu sikap Lebai Malang ini juga mempunyai kontra yang tersendiri yang hadir daripada setiap

perlakuannya itu. Hal ini dapat dilihat dalam seloka Lebai Malang seperti berikut:

‘Ayohai nasib fakir miskin,  
Dapat sedekah sa-bungkus lempeng,  
Habis hilang baju dan kain,  
Penganan habis di-baham anjing,  
Penat berkejar tidak terkira,  
Ka-sana ka-mari tersera-sera,  
Punah golok bersama nira,  
Pulang ka-rumah mendapat mara,’

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:52)

Berdasarkan seloka *Lebai Malang* di atas, sudah terang menyatakan keadaan Pak Lebai yang pada akhirnya telah mengalami kemalangan sehingga dia menghadapi akibat daripada semua perbuatannya itu. Secara tidak langsung, kisah *Lebai Malang* ini memberikan satu pandangan terhadap budaya masyarakat Melayu dan sikap masyarakat Melayu pada masa dahulu yang gemar dalam menerima setiap undangan yang diberikan kepada mereka. Namun begitu, jika seseorang itu tidak pandai dalam mengatur masa untuk setiap undangan yang diterima oleh mereka maka mereka akan menghadapi beberapa masalah seperti mana yang berlaku kepada Pak Lebai. Kisah yang berlaku dalam penceritaan *Lebai Malang* ini sememangnya adalah sebuah cerita yang menggambarkan kehidupan masyarakat yang sebenar-benarnya sehingga kisah ini dilakukan bagi membuka minda dan memberikan

pengajaran kepada masyarakat sehingga ke hari ini agar sentiasa berhati-hati dalam menentukan sesuatu yang hendak dilakukannya.

Di sebalik itu, setiap penyampaian cerita ini sebenarnya cuba untuk menunjukkan makna yang mendalam terhadap perwatakan yang dibawa oleh *Lebai Malang* oleh pengarang. Menerusi perwatakan Pak Lebai ini telah memaparkan seseorang lelaki yang alim dan warak akan dipandang tinggi oleh anggota masyarakat namun kisah *Lebai Malang* ini menunjukkan keterbalikannya apabila watak Pak Lebai ini telah dipermalukan dan dibuka aibnya yang tak seharusnya ditunjukkan kepada masyarakat Melayu sehingga mampu menimbulkan kesalahfahaman. Secara tidak langsung, melalui kisah yang dipaparkan telah memperlihatkan serba sedikit unsur propaganda dengan cubaan mempersendakan watak yang beragama atau agamawan kepada khalayak luar. Perkara ini dinyatakan sedemikian kerana tidak seharusnya adanya isu atau masalah mempersendakan ahli agama dalam penceritaan cerita jenaka kerana hal tersebut bukanlah bahan jenaka yang harus diberikan kepada khalayak.

Oleh hal yang demikian, pengkaji cuba melihat kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang yang dalam usaha untuk memberikan pengajaran kepada orang yang mempunyai perwatakan yang alim namun masih mengamalkan sikap tamak dan mementingkan diri sendiri. Rentetan dari permasalahan itu, kita seharusnya membentuk satu adat budaya yang lebih baik lagi agar watak orang agamawan ini haruslah dilindungi dan hormati dan memandang serius hal-hal yang berkaitan dengan ilmu agama.

Jika melihat dari sudut teori pula, menerusi teori Sfera Fungsional iaitu pada Sfera Keindahan. Pengarang cuba untuk memberikan nilai moral kepada masyarakat kini dengan memberikan pengajaran dan kesedaran kepada khalayak melalui puisi tradisional seperti seloka, gurindam, syair dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kehadiran puisi lama tersebut dalam cerita jenaka dapat menyampaikan nilai pengajaran dengan gaya yang lebih menarik disamping dengan adanya hiburan dalam gaya penyampaian oleh pengarang. Keindahan daripada puisi seperti seloka *Lebai Malang* telah mewujudkan satu teknik yang lebih terperinci untuk dijadikan sebagai pemerian kepada sebuah cerita. Hal ini sepertimana yang telah dilakukan oleh pengarang yang menjadikan seloka *Lebai Malang* sebagai alat untuk menyampaikan makna dalam seluruh cerita dengan lebih indah dan menarik.

#### **4.3.3 Kisah Pak Pandir**

Kisah *Pak Pandir* ini sudah lama menjadi perbualan dalam kalangan masyarakat sejak dahulu lagi. Pak Pandir yang berperwatakan seperti seorang yang lurus bendul dan melakukan apa sahaja dengan tindakan yang melulu. Watak Pak Pandir ini juga dilihat sebagai seorang yang tidak mampu memahami arahan yang diberi oleh isterinya, Mak Andeh sehingga menimbulkan kemarahan dan pergaduhan antara mereka berdua. Kebiasaannya, jika dilihat dalam masyarakat dahulu, mereka juga sering memperlakukan sesuatu perkara mengikut hati dan nafsu mereka tanpa memikirkan kesan kepada tindakan tersebut. Perkara ini menjelaskan akan wujudnya pemikiran terhadap masyarakat Melayu yang tidak baik sehingga boleh mendatangkan kesalahfahaman kepada orang luar mengenai

daya fikir dan tindakan masyarakat Melayu. Hal ini boleh dianggap sebagai adanya unsur propaganda terhadap pemikiran masyarakat Melayu termasuk tindakan mereka ketika berhadapan dengan sesuatu perkara.

#### 4.3.3.1 Daya fikir masyarakat Melayu yang bijaksana

Bijaksana membawa makna seseorang yang mampu dalam melakukan keputusan dalam menghadapi masalah yang berlaku. Menurut Macdonald (dalam Nidya Ulfa Riyani, 2022) kebijaksanaan ini merangkumi tindakan yang mampu memikirkan kesejahteraan dan menghadapi segala situasi dengan fikiran dan hati yang tenang. Masyarakat yang bijak mampu berdepan dengan pelbagai situasi jika mereka mampu untuk mencari segala penyelesaian dengan baik. Rentetan itu, kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi mampu melahirkan pemikiran yang luas terhadap sesuatu perkara sehingga dapat mendatangkan kebaikan kepada mereka. Oleh hal yang demikian, perkara ini jelas menggambarkan serba sedikit mengenai masyarakat Melayu yang penuh dengan pengetahuan dan kemahiran dalam berdepan dengan cabaran.

Menjurus kepada nilai bijaksana dalam kalangan masyarakat Melayu yang terdapat pada cerita jenaka Melayu ini seringkali menunjukkan masyarakat yang bijak mencari penyelesaian kepada setiap perkara yang ditimpakan kepada mereka tidak kira jalan penyelesaian mereka itu baik ataupun sebaliknya. Antara contohnya adalah menerusi cerita jenaka kisah *Pak Pandir*. Kehidupan Pak Pandir yang dikenali sebagai seorang yang tidak berhati-hati dan kelihatan naif. Menurut

Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), Naif bermaksud bersahaja dan terlalu mudah. Sifat naif yang dipertunjukkan oleh watak Pak Pandir ini membuktikan bahawa ada perwatakan dalam kalangan masyarakat Melayu yang bersifat naif dalam berdepan dengan situasi yang ada namun sikap naif yang ditunjukkan itu juga mampu menghadirkan sifat jenaka. Sehubungan dengan itu, bagi melihat perwatakan bijaksana yang hadir dalam diri Pak Pandir boleh dilihat menerusi petikan dibawah berikut;

“Maka gergasi itu pun hendak terjun ka-dalam sungai. Kata Pak Pandir, ‘Jangan nenek hendak menyeberang ka-sini. Pergi-lah ambil tempayan yang besar di-rumah chuchu itu sa-biji sa-orang, boleh nenek buat perahu menyeberang ka-mari.’ Demi di-dengar oleh gergasi akan kata Pak Pandir itu, keduanya pun berlari-lari-lah pula naik ka-rumah Pak Pandir mengambil tempayan dua buah, di-bawanya turun ka-sungai itu. Maka kata Pak Pandir, ‘Masok-lah nenek sa orang sa-biji ka-dalam tempayan itu. Kemudian tudong dengan daun birah supaya jangan masok ayer.’ Sa-telah di-lihat oleh Pak Pandir, maka kata-nya, ‘oleng, nenek, oleng kuat2! Maka kedua gergasi itu pun mengoleng-lah akan tempayan itu. Kemudian kata Pak Pandir ‘Tumbok, nenek tumbok!’ Maka di-tumbok-lah oleh gergasi kedua akan daun birah tudong tempayan itu. Sa-telah daun itu sudah pechah, maka ayer pun masok-lah ka-dalam tempayan itu. Maka gergasi itu pun segera-lah hendak keluar dari dalam tempayan itu, tetapi tiada sempat oleh hidongnya sudah penuh dengan ayer. Ia pun lemas dan tempayan itu pun berdebok-debok masok ayer langsung tenggelam pada lubang yang dalam itu. Maka gergasi kedua pun mati-lah.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:27)

Berdasarkan petikan diatas telah menunjukkan situasi yang dialami oleh Pak Pandir ketika berhadapan dengan masalah. Situasi pada ketika itu membuatkan Pak Pandir berusaha untuk berfikir melepaskan dirinya daripada masalah yang bakal berlaku kepada dirinya. Lantaran daripada peristiwa tersebut telah memaparkan Pak Pandir yang bijak

dalam mengatasi kemarahan dari dua gergasi tersebut dengan mengusulkan beberapa cadangan kepada gergasi tersebut. Justeru itu, menerusi idea yang diberikan oleh Pak Pandir tersebut telah membantu Pak Pandir untuk menyelamatkan dirinya daripada serangan gergasi tersebut. Oleh hal yang demikian, meskipun watak Pak Pandir ini dikatakan seorang yang lurus bendul namun Pak Pandir masih memaparkan kepintarannya ketika menghadapi sebarang masalah sehingga membawa keuntungan kepada dirinya.

Jika dilihat dalam konteks teori iaitu Sfera Fungsional pula, sesebuah karya seperti cerita jenaka Melayu ini digunakan oleh pengarang sebagai satu medium untuk menyebarkan pengetahuan mengenai tingkah laku yang dibawa oleh watak seperti Pak Pandir kepada masyarakat agar difahami dan diambil sebagai iktibar dalam usaha membentuk peribadi yang lebih baik sekaligus membuktikan karya ini dapat dilihat mengandungi keunggulan pengarang dalam menghasilkan kisah yang bermutu. Selain daripada itu, pengarang juga ada menyelitkan keindahan dengan memasukkan unsur mitos bagi memberikan peluang kepada pembaca untuk menggerakkan imaginasi terhadap perkara yang berlaku. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh pengarang dengan menyelitkan kewujudan gergasi dalam kisah Pak Pandir disamping dijadikan sebagai hiburan. Unsur-unsur sebegitu secara tidak langsung merangsang imaginasi dan daya pemikiran pembaca dalam memahami keadaan yang berlaku di samping menjadi hiburan dan gaya keindahan yang telah dibawa oleh pengarang.



#### 4.3.3.2 Masyarakat yang bertindak melulu

Unsur propaganda dalam cerita Pak Pandir juga ada juga menunjukkan sikap atau tingkah laku masyarakat dahulu yang dikatakan mudah bertindak melulu. Perbuatan bertindak melulu merupakan satu perbuatan yang tidak harus diterapkan dalam diri masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perbuatan bertindak melulu ini dapat memberikan kesan dan akibat kepada diri individu tersebut. Perbuatan bertindak melulu ini dilihat sebenarnya dapat menjelaskan sesuatu perbuatan yang kurang bijak atau kurang baik terutama dalam menentukan suatu tindakan yang harus diambil. Corak pemikiran masyarakat sejak dahulu lagi dikuasai oleh nafsu dan emosi sehingga memberi pengaruh kepada setiap tindakan yang dibuat sehingga berakibat kepada kesan yang tidak baik. Secara tidak langsung, keadaan tersebut boleh menimbulkan sangkaan dan kesalahfahaman dalam kehidupan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan konteks dalam cerita jenaka Melayu, sikap bertindak melulu ini seringkali diperoleh dalam kisah-kisah yang diceritakan kepada masyarakat sehingga kini. Lantaran itu, pengkaji berusaha untuk melihat antara tingkah laku atau sikap bertindak melulu ini menerusi cerita jenaka Pak Pandir yang ada memaparkan bentuk tingkah laku masyarakat yang suka bertindak melulu tanpa berfikir. Bagi melihat perwatakan tersebut boleh ditemui menerusi petikan dalam peristiwa yang berikut;

“Sa-telah sudah Mak Andeh menghidupkan api lalu ia bertanak dan di-sambil-nya juga membakar pisang Pak Pandir. Telah masak, di-unjokkan kepada Pak pandir pisang itu, sedang panas2 lagi dua tiga butir. Maka di-sambut oleh Pak

Pandir lalu di-makan dengan ta'sempat berkupas kulit-nya lagi di-telan-nya bulat2. Sa-telah pisang itu sampai ka-dalam perut Pak Pandir, maka ia pun menggelupor-lah hempas pulas ka-sana ka-mari tiada berketahuan lagi. Ada sa-ketika Pak Pandir pun kembali-lah ka-negeri yang kekal, lalu di-tanamkan oleh Mak Andeh di-bawah lesong penumbok padi.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:47)

Menerusi petikan diatas menjelaskan bahawa sikap Pak Pandir yang bertindak melulu atau terburu-buru ini telah jelas memberikan kesan yang buruk kepada hidupnya sehingga mengakibatkan kematian. Akibat yang diperoleh Pak Pandir ini jelas adalah satu kesalahan yang tidak difikirkan secara logik dan dianggap sebagai satu yang berlebihan namun jika difikirkan dengan baik, hikmah yang boleh diambil oleh masyarakat adalah untuk berfikiran waras dan menentukan sesuatu hal dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana bukti bahawa masyarakat pada masa dahulu sehingga masyarakat kini seringkali melakukan sesuatu yang melulu sehingga adakalanya memberi kesan kepada orang lain yang tidak bersalah. Justeru itu, cerita jenaka Pak Pandir ini haruslah dijadikan sebagai medium untuk masyarakat jadikan sebagai pengajaran dan iktibar dalam kehidupan.

Oleh hal yang demikian, menerusi konteks teori Sfera Keindahan yang dibawa oleh V. I. Braginsky, unsur deskriptif yang disampaikan oleh pengarang amat memainkan peranan yang penting bagi menjelaskan keadaan yang berlaku terutama dalam melibatkan emosi dan tindakan khalayak terhadap kisah yang dibawa. Kehidupan masyarakat dahulu yang adakalanya bersikap melulu sering memberi kesan kepada diri sendiri tanpa memikirkan nasib orang di sekeliling. Maka daripada kesan tersebut,

khalayak mampu membentuk satu kesedaran dalam diri dan karya tersebut mampu dijadikan sebagai salah satu bentuk hasil karya yang terunggul.

#### **4.3.4 Kisah *Pak Belalang***

Cerita jenaka Pak Belalang mengisahkan mengenai seorang lelaki iaitu Pak Belalang bersama isteri dan anaknya di sebuah pinggir negeri. Kehidupannya sebagai seorang peladang tidaklah terlalu menguntungkan sehingga mereka berusaha untuk mencari buah fikiran untuk memenuhi keperluan mereka termasuk makanan. Menerusi kisah Pak Belalang ini, mereka telah mengambil keputusan untuk mendapatkan sumber keperluan harian dengan melakukan sesuatu perkara yang sudah menjadi amalan masyarakat sejak dahulu lagi iaitu kemahiran ilmu menilik sehingga menjadikan ilmu menilik tersebut sebagai satu pekerjaan untuk sara kehidupan. Ilmu menilik adalah satu ilmu yang digunakan untuk melihat sesuatu perkara pada masa hadapan dan ilmu ini juga mampu untuk mencari barang yang hilang seperti mana yang dilakukan oleh orang yang digelar sebagai nujum.

Ilmu menilik ini telah lama dilakukan dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Namun begitu, ilmu menilik ini dilihat tidak lagi diamalkan oleh masyarakat pada hari ini kerana perbuatan tersebut adalah salah dalam agama namun tidak menolak lagi bahawa masih ada segelintir masyarakat yang menggunakan ilmu ini dalam membantu sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka. Menerusi pernyataan siaran al-Afkar dalam Harian Metro secara dalam talian menyatakan bahawa hukum kepada perbuatan menilik nasib atau tenung nasib termasuk apa jua perbuatan yang serupa dengan perbuatan yang dinyatakan itu adalah haram di sisi Allah SWT. Oleh hal yang demikian, perbuatan ini juga

dilihat sebagai satu fenomena yang membawa kepada unsur propaganda apabila menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sejak dahulu lagi telah mengamalkan perbuatan menilik ini sehingga ke generasi seterusnya. Oleh itu, melalui kisah *Pak Belalang* ini, pengkaji berusaha untuk menunjukkan unsur propaganda melalui tindakan masyarakat Melayu yang mengamalkan ilmu ini sehingga memberikan kesan dalam kehidupannya.

#### 4.3.4.1 Masyarakat Melayu berfikiran kritis dan penuh tipu helah

Pemikiran yang kritis membawa makna kemahiran yang ada pada individu itu sehingga mampu untuk membuat keputusan dengan bijak dan mampu membawa kepada perubahan yang besar dalam kehidupannya. John Dewey (1966) ada menyatakan pemikiran kritis ini adalah satu usaha memperlihatkan keupayaan untuk berfikir dengan lebih kritis sekaligus menjadi aras yang tertinggi dalam proses berfikir untuk menyelesaikan masalah. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan seseorang itu akan berkembang dengan baik jika mampu mencapai tahap pemikiran yang lebih tinggi dan mempunyai pemikiran yang reflektif berdasarkan pengalaman dan kepercayaannya. Keupayaan pemikiran kritis ini amat penting dalam kehidupan masyarakat tidak kira pada masa dahulu mahupun sekarang. Perkara ini amat penting untuk dititikberatkan dalam kehidupan namun begitu setiap masyarakat haruslah menggunakan akal dan fikirannya untuk membawa kearah kebaikan.

Di samping itu, masyarakat yang mempunyai akal fikiran yang terlalu tinggi ini adakalanya mampu berfikir untuk melakukan sesuatu yang dapat membawa tingkah laku yang tidak wajar dengan cara mampu merancang sesuatu hal di luar jangkannya seperti sifat yang penuh tipu

helah. Sifat tipu helah ini adalah salah satu perbuatan yang penuh dengan tipu daya dan muslihat. Menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), tipu adalah perbuatan menipu manakala helah pula membawa makna kepada akal yang penuh muslihat atau tipu daya. Justeru itu, seseorang yang mempunyai perwatakan sebegitu seringkali mempunyai peribadi yang suka meyakinkan orang lain untuk mempercayai setiap kata yang dibawa. Jika melihat dalam konteks sastera rakyat seperti cerita jenaka, perwatakan yang dibawa dalam setiap cerita jenaka Melayu tersebut juga terdiri daripada watak-watak yang mempunyai pemikiran yang kritis dan juga peribadi yang penuh dengan tipu helah. Oleh hal yang demikian, bagi melihat kehadiran perwatakan yang seperti itu dalam cerita jenaka Melayu, pengkaji telah peroleh melalui kisah Pak Belalang dan peristiwa tersebut boleh dilihat menerusi petikan berikut;

“Wahai anak-ku, apa-lah sudah untong kita demikian ini. Tiada-lah dapat apa-apa yang dijadikan makanan kita anak beranak?” Maka jawab anak-nya ‘Apa-kah pikiran aki?’ Maka kata Pak Belalang. ‘Pada pikiran-ku pergi-lah anakku sembunyikan kerbau orang yang menenggala di-bendang itu barang dua ekor, taroh di-dalam semak-semak itu. Jikalau orang itu gempar kehilangan kerbau-nya, katakan aku tahu bertenong menentukan di-mana-mana tempat kerbau itu.’”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:54)

Selain daripada teks petikan diatas, sikap yang dibawa oleh watak Pak Belalang yang penuh dengan tipu helah dan muslihat juga boleh dilihat menerusi teks petikan dibawah seperti berikut;

“Hatta, perjanjian dengan baginda itu pun sampai-lah dua hari sudah. Maka sangat-lah dukachita Pak Belalang akan perkara yang disanggupi-nya itu. Sa-telah sampai ka-pada malam ketiga-nya, maka dengan takdir Allah subhanahu

wata'ala di-bukakan hati-nya pikiran yang baik. 'Baik-lah aku pergi bersampan berkayoh dekat-dekat kapal mendengar perkabaran itek itu.'

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:63)

Berdasarkan petikan diatas, watak Pak Belalang yang menunjukkan muslihatnya untuk mendapatkan jawapan yang benar dengan mencari peluang menyelip ke dalam sampan dan mengikuti kapal yang membawa para pemerintah dari negeri lain untuk mendapatkan jawapan atas persoalan yang diberikan kepadanya. Pada peristiwa ini, Pak Belalang berjaya mendapatkan jawapan yang dikehendaknya dan seterusnya, dia hanya menunggu hari untuk memberikan jawapannya kepada raja. Oleh hal yang demikian, sikap Pak Belalang ini dianggap sebagai seorang yang berfikiran kritis namun penuh dengan tipu helah dalam usaha untuk mendapatkan kepercayaan raja terhadap dirinya. Keadaan ini menjadi lambang kepada tingkah laku Pak Belalang yang penuh dengan muslihat namun tanpa disedari akan membawa padah kepada dirinya. Jika dilihat, perbuatan ini sebenarnya bertolak belakang dengan pemikiran orang luar yang mengatakan watak cerita jenaka hanyalah menggambarkan masyarakat yang bodoh, lurus dan sebagainya. Justeru, sikap Pak Belalang ini telah berjaya menunjukkan caranya dalam menyelesaikan masalah meskipun menggunakan tipu helahnya.

Oleh hal yang demikian, menerusi Sfera Keindahan oleh V. I. Braginsky ada menyatakan mengenai unsur-unsur keindahan melalui gaya dalam bentuk bahasa yang telah dimasukkan ke dalam penceritaan. Pengarang ada menyelitkan unsur keindahan dalam bentuk bahasa seperti bahasa arab dalam dialog watak. Hal ini memberikan makna bahawa

meskipun watak yang dinyatakan tersebut menunjukkan tindakan yang kurang baik namun segala tindakannya dibantu oleh Allah SWT bagi memudahkan urusannya. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa sebagai seorang mukmin, kita haruslah bergantung kepada Allah dalam melakukan sesuatu tindakan itu meskipun diri banyak dengan salah dan silap.

#### 4.3.4.2 Golongan pemimpin yang mudah diperdaya

Pemimpin merupakan seseorang yang bertanggungjawab dalam menjaga kemakmuran serta dapat memberikan pengaruh kepada orang lain dalam sesebuah kumpulan atau organisasi. Sifat seorang pemimpin itu hendaklah mempunyai daya pemikiran yang tinggi agar dapat membantu setiap ahli dalam kumpulannya. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang pemimpin itu hendaklah mempunyai sifat kepemimpinan yang tinggi agar setiap matlamat yang diinginkan tercapai. Kepemimpinan menurut Robbins (dalam Fuadiputra, 2014), adalah seseorang yang mempunyai kemampuan dalam usaha mempengaruhi sesebuah organisasi bagi mencapai tujuan yang telah ditetapkan. Justeru itu, setiap pemimpin haruslah bijak dan mempunyai gaya kepemimpinannya yang tersendiri serta haruslah mengelakkan diri daripada mudah diperdaya oleh bawahannya. Hal ini dikatakan demikian kerana jika melihat kepada kisah-kisah rakyat terdahulu banyak memaparkan keadaan pemimpin mahupun pemerintah yang mudah diperdaya dan lemah dalam mentadbir negaranya. Secara tidak langsung, ada unsur propaganda yang telah melibatkan kelemahan dalam institusi pemerintahan dalam kalangan

masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Oleh hal yang demikian, bagi melihat keadaan yang dinyatakan tersebut, menerusi cerita jenaka Melayu kisah Pak Belalang ada memaparkan isu golongan pemerintah yang mudah diperdaya oleh rakyatnya sendiri. Antaranya adalah melalui petikan berikut;

“...Maka kedengaran-lah kepada baginda bunyi suara orang berteriak meminta tolong itu. Baginda pun berangkat turun dengan gopoh-gapah-nya menerkam Ahlun-nujum yang terkena kemalangan itu, seraya bertitah, ‘Apa pasal-nya Ahlun-nujum?’ Maka sembah Pak Belalang, ‘Kemalangan yang besar telah berlaku di-atas diri patek, sa-hingga habis-lah peti-peti surat ilmu nujum patek. Maka hari ini patek mohon ampun-lah menjadi Ahlun-nujum lagi.’ Maka titah baginda, ‘Baik-lah, ta’ usah-lah bekerja lagi. Pindah-lah dari sini ka-dalam kota, dan beta beri makan Ahlun-nujum anak beranak sekalian-nya, karena besar kebaktian kepada beta melepaskan malu besar. Sampai mati beta pelihara.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:79)

Berdasarkan petikan yang dinyatakan diatas telah memaparkan peristiwa dimana menunjukkan kelemahan kepada pemimpin atau pemerintah yang mudah ditipu oleh rakyatnya sendiri. Peristiwa diatas menunjukkan raja yang telah diperdaya dengan lakonan yang dilakukan oleh Pak Belalang ketika berdepan dengan musibah. Pak Belalang memberitahu kepada raja bahawa dia harus menarik diri daripada menjadi Ahlun Nujum Negara kerana telah kehilangan kitab-kitabnya dalam kebakaran rumah yang dibuatnya itu. Raja mempercayai setiap kata-kata Pak Belalang sehingga raja memberitahu bahawa rajalah yang akan menanggung keperluan Pak Belalang sekeluarga. Oleh hal yang demikian, keadaan ini telah memberikan kesalahfahaman kepada masyarakat luar



dan sekaligus menunjukkan kelemahan pemimpin dalam mentadbir negara dan juga rakyat.

Dalam konteks teori iaitu Sfera Keindahan, pengarang telah berusaha untuk menampilkan mesej-mesej yang tersembunyi yang terdapat dalam teks tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita jenaka Melayu terdiri daripada kisah yang penuh dengan kelucuan dan hiburan kepada masyarakat namun masih mampu untuk menyelitkan mesej-mesej penting terutama apabila melibatkan hal-hal penting yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Menerusi teks kisah *Pak Belalang* telah memaparkan reaksi atau balasan yang diberikan oleh pemimpin yang menunjukkan mereka mudah diperdaya dengan aksi yang dilakukan oleh rakyatnya sendiri tanpa berfikir panjang. Oleh hal yang demikian, gambaran yang telah dilakukan oleh pengarang sekaligus dapat menjadikan teks tersebut sebagai satu karya sastera yang unggul dan bukti akan hadirnya nilai keindahan tersebut melalui penceritaan yang telah disampaikan itu.

#### 4.3.4.3 Budaya masyarakat Melayu dengan amalan menilik

Menilik adalah satu perbuatan yang tidak baik diamalkan dalam kehidupan terutama bagi masyarakat muslim. Amalan tilik menilik ini sudah menjadi satu amalan nenek moyang yang mempercayai hal-hal ghaib kerana jika melihat amalan ini telah lama diamalkan pada zaman arab jahiliah. Oleh hal yang demikian, perbuatan khurafat ini bukan lah sesuatu hal yang mudah untuk dibuang daripada diri masyarakat. Buktinya, masyarakat dahulu telah banyak melakukan amalan ini bagi

pelbagai tujuan namun amalan ini semakin lama kurang dilakukan lagi ekoran daripada perubahan zaman.

Walaupun bagaimanapun, perbuatan menilik merupakan satu perbuatan yang diharamkan dalam ajaran agama Islam. Perbuatan ini juga ada dinyatakan dalam surah Al-Maidah ayat ke 90;

*Yang bermaksud, Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

(Surah Al-Maidah:90)

Ayat diatas menerangkan bahawa hukum mempercayai tukang tilik adalah berdosa dan tidak baik kerana perbuatan tersebut tergolong dalam perbuatan syaitan. Oleh itu, sebagai seorang yang beriman, kita haruslah menjauhinya agar hidup berjaya.

Menerusi cerita jenaka Melayu seperti kisah *Pak Belalang*, ada memaparkan kehidupan masyarakat Melayu yang suka menilik atau dipanggil bertenung dalam kalangan mereka. Tidak dapat dipungkiri bahawa perbuatan ini masih ada dalam kalangan masyarakat pada masa ini namun tujuannya adalah mengarahkan kepada hal-hal yang tidak baik. Justeru itu, bagi melihat tindakan yang dilakukan oleh kelompok masyarakat Melayu dalam kisah *Pak Belalang* ini boleh dilihat menerusi petikan dibawah;

“... Maka kata-nya, ‘Bapa-ku tahu juga sedikit-sedikit bertenong.’ Maka jawab orang bendang itu, ‘Sungguh-kah bapa engkau tahu?’ Jawab-nya, ‘Tahu juga’. Maka kata orang itu, ‘Mari-lah kita sekalian pergi kepada Pak Belalang minta tenong-kan.’ Jawab kawan-nya, ‘Moh-lah’.”

“ Siapa-siapa tahu bertenong raja memanggil ka-dalam, hendak minta tenongkan harta yang hilang kechurian tujuh biji peti semalam. Maka di-dengar oleh orang bendang yang hilang kerbau itu. Kata-nya, ‘Yang kita tahu, orang yang hendak pandai bertenong di-sini Pak Belalang. Kerbau kita yang hilang kita minta tenongkan, boleh dapat dengan segera-nya.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:55-56)

Berdasarkan petikan dialog diatas menunjukkan masyarakat tidak kira lapisan masyarakat ketika amat bergantung kepada amalan menilik ini dalam membantu mereka untuk menyelesaikan masalah. Pada zaman dahulu, kehidupan pemerintah juga mempunyai satu ahli yang digunakan bagi membantu mereka dalam menyelesaikan perkara melalui ilmu menilik iaitu digelar sebagai Ahlun Nujum. Tambahan lagi, perbuatan menilik ini dianggap sebagai satu pekerjaan yang penting dalam membantu seseorang yang telah ditimpa masalah.

Menerusi Sfera Keindahan, cerita jenaka kisah *Pak Belalang* ini telah memaparkan budaya dan adat yang terkandung dalam kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi. Pengarang juga berjaya memaparkan nilai keindahan melalui unsur-unsur ghaib melalui amalan menilik yang diamalkan dalam masyarakat dan dianggap sebagai satu bentuk amalan budaya ketika itu sehingga menjadi inti cerita yang lebih menarik disamping hiburan kepada masyarakat dahulu sehingga kini. Secara tidak langsung, keindahan yang dapat dikenalpasti adalah melihat kehadiran budaya masyarakat dahulu yang telah disebarkan oleh pengarang melalui cerita jenaka kepada pembaca.

#### 4.3.5 Kisah *Si Luncai*

Kisah *Si Luncai* merupakan sebuah kisah seorang anak lelaki yatim piatu yang berperwatakan licik. *Si Luncai* ini mempunyai sikap yang sesuka hatinya dalam melakukan sesuatu perkara termasuk mempunyai tingkah laku yang kurang sopan kepada golongan pemerintah. Rentetan daripada itu, sikap *Si Luncai* ini telah membawa padah sehingga mendatangkan keburukan pada dirinya. Namun begitu, sikap *Si Luncai* ini juga mengarahkan kepada perilaku masyarakat yang bijak ketika menghadapi sebarang kesulitan dalam kehidupan. Jika melihat kepada masyarakat Melayu dahulu, perwatakan yang dibawa oleh watak *Si Luncai* ini digambarkan sebagai masyarakat Melayu tradisional yang terlalu licik dan perwatakan yang tidak baik. Hal ini seperti mana yang dinyatakan menerusi pendapat Ariffin Said (dalam Saiful Bahari Md Radzi, 2001) iaitu kebanyakan cerita jenaka Melayu seringkali menunjukkan sikap atau tingkah laku dalam kalangan masyarakat Melayu yang tidak baik seperti mana yang dibawa melalui perwatakan cerita jenaka.

Namun demikian, pandangan ini dilihat sebagai satu perkara yang merujuk kepada tingkah laku masyarakat Melayu yang tidak tepat sama seperti tanggapan Winstedt. Winstedt (dalam Saiful Bahari, 2001), menyatakan bahawa segala perkara yang dinyatakan terhadap perkaitan cerita jenaka Melayu dengan masyarakat adalah tidak terlalu tepat. Justeru itu, pengkaji melihat perkaitannya dengan unsur propaganda yang hadir dalam penceritaan kisah *Si Luncai*.

##### 4.3.5.1 Masyarakat yang tiada kesantunan terhadap pemerintah

Kesantunan adalah satu sifat yang menjaga tutur kata dan tingkah laku seseorang terhadap orang lain. Menerusi pendapat Thomas (1995),

kesantunan merujuk kepada kesedaran masyarakat terhadap jarak dalam situasi sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu hendaklah mempunyai sikap atau tingkah laku yang baik dan sopan apabila melibatkan diri dalam situasi yang berhubungan dengan individu lain. Perkara inilah yang menunjukkan wujudnya satu jarak antara individu dengan individu yang lain sehingga menimbulkan satu jarak sosial. Misalnya, dalam hubungan komunikasi akan adanya perbezaan dari aspek panggilan ataupun gelaran yang harus diperhatikan agar komunikasi tersebut tetap menunjukkan kesantunan dan terlihat lebih sopan serta beradab. Oleh hal yang demikian, jarak sosial dalam sesuatu hubungan masyarakat itu haruslah dititikberatkan agar komunikasi tersebut menjadi lebih berkesan.

Menerusi konteks cerita jenaka, kesantunan dan kesopanan adalah sesuatu perkara yang harus dilihat dan menjadi satu pedoman kepada masyarakat Melayu. Perkara ini dikatakan sedemikian kerana kebiasaannya cerita jenaka akan memaparkan interaksi sosial antara golongan pemerintah dan rakyat dalam menunjukkan situasi atau keadaan yang berlaku pada ketika itu. Kesantunan haruslah dipupuk dalam kalangan rakyat agar memperoleh sikap yang lebih lemah lembut, sopan dan beradab. Namun begitu, melalui cerita jenaka Melayu seperti kisah *Si Luncai* ada memaparkan tindakan yang kurang sopan apabila berhadapan dengan pemerintah dan hal tersebut mampu memberi kesan buruk termasuk hukuman mati terhadap seseorang itu kerana berlaku tidak sopan dan menjatuhkan air muka kepada golongan pemerintah.

Justeru itu, menerusi cerita jenaka Melayu kisah *Si Luncai* ada memaparkan watak Luncai yang berhadapan dengan raja dan petikan dialog tersebut boleh dilihat seperti berikut;

“ Maka sembah Si-Lunchai, ‘Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, ada pun sebab-nya patek menangis ini karena patek lihat ulu Tuanku itu. Ampun-ampun daulat-nya barang bertambah-tambah daulat, sa-rupa-lah betul-betul dengan kepala pachal tua ka-bawah duli yang telah hilang itu, daripada dogol-dogol dan susah-nya itu sadikit pun tiada bersalahan lagi. Maka itu-lah sebab-nya hiba dan rawan dihati patek. Pada perasaan patek sudah berjumpa patek dengan orang tua patek. Tambahan pula susok gaya-baya-nya pun harus-lah sa-baya dengan Tuanku juga.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:81)

Berdasarkan petikan dialog diatas menunjukkan interaksi yang berlaku antara pemerintah dengan rakyatnya. Watak Si Luncai yang dikenali dengan perwatakan yang lurus dan sambil lewa telah menunjukkan interaksinya dengan raja mengenai rupa wajah raja di negeri tersebut. Situasi tersebut telah menerangkan Si Luncai telah menunjukkan kesayuan dan keprihatinannya kepada raja namun ungkapan Si Luncai itu dianggap sebagai sesuatu yang menghina dan dilihat sebagai kurang sopan dan tidak beradab kepada raja. Oleh hal yang demikian, perlakuan Si Luncai tersebut telah menunjukkan tiada kesantunan dalam berkomunikasi antara rakyat dan juga golongan pemerintah sehingga mampu menyuarakan perkara yang menurutnya tidak mendatangkan masalah kepada dirinya. Hamka (2002) menyatakan bahawa kesantunan adalah suatu adab atau ketinggian dalam ilmu yang dimiliki oleh seseorang itu tidak terletak pada wajah dan juga pakaian namun kesantunan

seseorang itu haruslah melibatkan penggunaan kata-kata yang lemah lembut dan beradab dan sekaligus dapat melembutkan hati pihak lain.

Menerusi teori keindahan dalam Sfera Keindahan ada memasukkan unsur komunikasi antara watak yang terdapat dalam penceritaan tersebut. Hal ini telah menjadi faktor penting oleh pengarang bagi memberi gambaran yang jelas kepada khalayak untuk memahami dan berimajinasi terhadap sesuatu konflik yang berlaku sehingga penceritaan tersebut berjaya menarik emosi dan minat khalayak untuk mendalami kisah tersebut. Selain itu, pengarang juga memasukkan unsur humor atau dengan sebutan *wit* dimana berkaitan dengan akal budi dan fikiran termasuk kecerdasan otak dalam bertindak. Misalnya, pengarang menunjukkan kepintaran Luncai dalam menempuh segala masalahnya dengan menampilkan unsur lucu yang dapat memberi hiburan kepada pembaca.

#### 4.3.5.2 Masyarakat yang tekun menyelesaikan masalah

Ketekunan merupakan satu tingkah laku dalam masyarakat yang berusaha melakukan sesuatu perkara dengan baik. Masyarakat Melayu sejak dahulu lagi amat tekun dalam menjalankan sesuatu pekerjaannya agar setiap pekerjaannya mendapatkan hasil yang mendatangkan manfaat kepada dirinya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), tekun merujuk kepada satu usaha melakukan sesuatu dan juga bersungguh-sungguh ketika belajar, bekerja dan lain-lain. Seseorang yang berusaha dalam melakukan sesuatu perkara itu mempunyai matlamatnya tersendiri dalam mendapat kemahuannya dan tak akan pernah menyerah kerana mereka akan berpegang teguh pada tujuan mereka.

Menerusi cerita jenaka Melayu, pelbagai watak sering memaparkan ketekunan dan kesungguhan untuk menghadapi kesukaran mereka dengan menggunakan kepintaran untuk menyelesaikan masalah tersebut. Oleh hal yang demikian, melalui salah satu cerita jenaka Melayu iaitu kisah Si Lunchai ada memaparkan peristiwa yang menunjukkan ketekunan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi agar dapat mencapai tujuannya. Justeru itu, peristiwa Si Luncai itu boleh dilihat menerusi petikan dialog berikut;

“Hatta, sa-telah di-dengar oleh saudagar India itu akan rungut Si-Lunchai, maka ia pun datang mendekati ka-perahu itu, seraya bertanya. Kata-nya, ‘Hai orang dalam guni, apa-ra tuang ini macham? Siapa punya kersa ini?’ Maka sahut Si-Lunchai dengan tangis-nya. ‘Ada pun sebab hamba ini menjadi demikian karena raja negeri ini hendak mengahwinkan haba dengan puteri-nya. Hamba tiada mahu. Ini-lah hendak di-bunohnya.’”

“Maka kata Si-Lunchai, ‘Kalau mamak mahu, raja tentu banyak suka. Sahaya yang miskin lagi ia mahu, ini pula mamak orang kaya. Jika begitu, marilah buka-kan sahaya. Maka mamak India itu pun naik-lah ka-dalam perahu lalu mengorakkan tali guni dan tali Si-Lunchai. Sa-telah Si-Lunchai keluar mamak itu pun masok-lah ka-dalam guni itu, lalu di-ikat pula oleh Si-Lunchai akan tangan mamak dan mulut guni itu. Kemudian di-ajar-nya mamak itu. Kata-nya, ‘Apabila datang hamba raja itu sekarang, mamak bilang-lah kapada dia orang.’”Sahaya mahu kawin dengan anak raja.” Maka kata mamak India itu, ‘Baiklah.’ Sa-telah sudah, Si-Lunchai pun menggalas bungkus kain mamak itu, lalu lari pulang ka-negeri-nya.”

(R.O Windstedt dan A. J Sturrock, 1941:84-85)

Berdasarkan petikan diatas, perilaku yang ditonjolkan oleh watak Si Luncai adalah apabila Si Luncai telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menghadapi masalahnya dengan menggunakan kepintarannya. Hal



ini kerana Si Luncai mencari jalan penyelesaiannya dengan menyuruh orang lain untuk menggantikan tempatnya sebagai orang yang bersalah. Rentetan daripada itu, idea Si Luncai itu telah berjaya dan memberikan kegembiraan kepada dirinya sehingga dia berjaya melepaskan dirinya daripada menjadi mangsa bunuh oleh raja.

Jika melihat penceritaannya tersebut, melalui Sfera Keindahan ada unsur atau elemen yang telah pengarang bawa bagi menjadikan sesuatu karya itu sebagai satu karya yang unggul. Antaranya, melalui teks *Si Luncai* memperlihatkan elemen deskriptif atau kreativiti yang dibawa oleh pengarang bagi melahirkan sebuah karya yang mengandungi nilai-nilai keindahan. Kreativiti pengarang dalam menerangkan situasi yang berlaku secara terperinci disamping melibatkan unsur-unsur humor seperti keadaan dialami oleh luncai sepanjang dia melarikan diri daripada pengawal-pengawal raja.

Oleh hal yang demikian, telah banyak pandangan mengenai watak dan perwatakan menerusi cerita jenaka Melayu dimana banyak menggambarkan perwatakan dan watak yang bodoh dan dianggap membawa sial serta dianggap sukar untuk dikikis daripada pemikiran masyarakat Melayu kini. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran bersifat negatif tersebut terlihat telah lama sebatik dalam kehidupan masyarakat Melayu moden. Jika dilihat dari sudut lain, cerita jenaka Melayu hakikatnya juga ada memaparkan nilai-nilai positif yang harus dipupuk dalam diri masyarakat Melayu sejak dahulu hingga kini.

Namun demikian, terdapat juga pandangan dan pendapat negatif yang hadir daripada kalangan sarjana Barat seperti Winstedt yang telah

memberi kesan untuk melemahkan semangat dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri. Buktinya, melalui tulisan Winstedt yang telah dikritik oleh Barat dan juga golongan intelektual Melayu yang menganggap tulisannya cetek dan tidak menyeluruh sehingga terlihat terlalu menunjukkan kelebihan yang ada dalam bangsanya.



#### 4.4 Kesan unsur propaganda dalam watak menerusi cerita jenaka kepada khalayak

Menerusi kajian yang dijalankan, pengkaji telah melakukan soal selidik kepada khalayak bagi mendapatkan maklumat mengenai kesan terhadap unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu kepada khalayak. Kaedah ini dilakukan bagi melihat keupayaan sesebuah cerita jenaka Melayu itu yang merangkumi kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai* yang dapat memberi kesan kepada khalayak dalam tiga aspek yang berbeza iaitu emosi, rohani dan jati diri.


##### 4.4.1 Demografi responden

Bagi menganalisis kesan terhadap unsur propaganda dalam watak menerusi cerita jenaka Melayu kepada khalayak, pengkaji telah melibatkan pelajar Kesusasteraan Warisan seramai 66 orang telah dipilih bagi memperoleh data pada objektif 3 dalam kajian ini. Berdasarkan bilangan responden tersebut, analisis data tersebut telah melibatkan jantina dan umur responden dan data tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan juga rajah.

###### 4.4.1.1 Demografi responden berdasarkan jantina

Jadual 4.4.1.1: Jantina Responden

Jantina	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Lelaki	19	29
Perempuan	47	71
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.1.1: Jantina Responden

Berdasarkan jadual 4.4.1.1 dan rajah 4.4.1.1 diatas, menunjukkan deografi responden berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar Kesusasteraan Warisan. Seramai 66 orang responden tersebut, 19 orang responden adalah berjantina lelaki yang bersamaan dengan 29%. Sementara itu, bagi jantina perempuan adalah seramai 47 orang yang bersamaan dengan 71%. Kajian ini telah dilaksanakan kepada pelajar yang berbeza jantina bagi melihat pengetahuan dan kesan terhadap unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu kepada kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, aspek jantina ini dilakukan agar jawapan yang diperolehi ini mendapat pandangan daripada dua belah pihak dan tidak hanya berfokus kepada satu gender sahaja.

#### 4.4.1.2 Demografi responden berdasarkan umur

Jadual 4.4.1.2: Umur Responden

Umur	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
20 tahun ke atas	66	100
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.1.2: Umur Responden


Berdasarkan jadual 4.4.1.2 dan rajah 4.4.1.2 diatas, menunjukkan demografi responden berdasarkan umur dalam kalangan pelajar Kesusasteraan Warisan. Oleh hal yang demikian, daripada 66 orang responden tersebut, kesemuanya adalah berumur 20 tahun ke atas yang bersamaan dengan 100% bagi kategori ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini hanyalah berfokus kepada pelajar Kesusasteraan Warisan sahaja. Kategori ini telah dinyatakan bagi mengetahui tahap pengetahuan mereka dan kesan yang diperoleh daripada bahan cerita jenaka Melayu ke dalam kehidupan dan tingkah laku masyarakat kini.

#### 4.4.2 Pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap unsur propaganda dan cerita jenaka Melayu

##### 4.4.2.1 Memahami apa yang dimaksudkan dengan cerita jenaka

Jadual 4.4.2.1: Peratusan responden memahami makna cerita jenaka

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	66	100
Tidak	0	0
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.2.1: Peratusan responden memahami makna cerita jenaka

Berdasarkan jadual 4.4.2.1 dan rajah 4.4.2.1 di atas telah menunjukkan seramai 66 orang responden yang bersamaan dengan 100% telah menjawab Ya bagi membuktikan bahawa pelajar Kesusasteraan Warisan mengetahui makna cerita jenaka tersebut. Bilangan responden yang menjawab ini terdiri daripada 19 orang pelajar lelaki dan seramai 47 orang pelajar perempuan. Hal ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa pelajar Kesusasteraan Warisan mengetahui maksud cerita jenaka.

#### 4.4.2.2 Mengetahui jenis-jenis cerita jenaka

Jadual 4.4.2.2: Peratusan responden mengetahui jenis-jenis cerita jenaka

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	66	100
Tidak	0	0
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.2.2: Peratusan responden mengetahui jenis-jenis cerita jenaka

Berdasarkan jadual 4.4.2.2 dan rajah 4.4.2.2 di atas telah menunjukkan seramai 66 orang responden yang bersamaan dengan 100% telah menjawab Ya bagi membuktikan bahawa pelajar Kesusasteraan Warisan telah mengetahui jenis-jenis cerita jenaka tersebut. Bilangan responden yang menjawab ini terdiri daripada seramai 66 orang pelajar yang terdiri daripada 19 orang pelajar lelaki dan seramai 47 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, pernyataan ini telah memberitahu bahawa kesemua pelajar Kesusasteraan Warisan telah mengetahui kisah-kisah yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu.

#### 4.4.2.3 Mengetahui makna unsur propaganda

Jadual 4.4.2.3: Peratus responden mengetahui makna unsur propaganda

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	62	94
Tidak	4	6
Jumlah	66	100



Rajah 4.4.2.3: Peratus responden mengetahui makna unsur propaganda


Berdasarkan jadual 4.4.2.3 dan rajah 4.4.2.3 di atas telah menunjukkan seramai 62 orang responden yang bersamaan dengan 94% mengatakan Ya bagi pertanyaan terhadap makna unsur propaganda. Responden yang mengatakan Ya dengan pernyataan di atas terdiri daripada 19 orang pelajar lelaki dan 43 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 4 orang responden bersamaan dengan 6% yang terdiri daripada 4 orang pelajar perempuan menyatakan tidak terhadap pernyataan mengenai pengetahuan terhadap makna unsur propaganda.



#### 4.4.2.4 Mengetahui unsur propaganda hadir dalam cerita jenaka Melayu

Jadual 4.4.2.4: Peratusan responden mengetahui kehadiran unsur propaganda dalam cerita jenaka

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	53	80
Tidak	13	20
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.2.4: Peratusan responden mengetahui kehadiran unsur propaganda dalam cerita jenaka

Berdasarkan jadual 4.4.2.4 dan rajah 4.4.2.4 di atas, seramai 53 orang bersamaan 80% responden telah mengatakan Ya bagi pengetahuan mengenai unsur propaganda hadir dalam cerita jenaka Melayu. Responden yang menyatakan Ya dengan pernyataan tersebut terdiri daripada 17 orang pelajar lelaki dan 36 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 13 orang bersamaan 20% responden telah mengatakan tidak bagi pengetahuan mengenai unsur propaganda yang hadir dalam cerita jenaka Melayu. Responden yang menyatakan Tidak dengan pernyataan tersebut terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki dan 11 orang pelajar perempuan.

#### 4.4.2.5 Kehadiran unsur propaganda ini dalam semua cerita jenaka Melayu

Jadual 4.4.2.5: Peratusan responden terhadap kehadiran unsur propaganda dalam semua cerita jenaka

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	33	50
Tidak	33	50
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.2.5: Peratusan responden terhadap kehadiran unsur propaganda dalam semua cerita jenaka

Berdasarkan jadual 4.4.2.5 dan rajah 4.4.2.5 di atas, seramai 33 orang responden yang bersamaan 50% telah menyatakan Ya mengenai pengetahuan kehadiran unsur propaganda ini dalam semua cerita jenaka Melayu. Responden yang menyatakan Ya terdiri daripada 12 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan. Manakala, bagi responden yang menyatakan tidak adalah seramai 33 orang bersamaan dengan 50%. Responden tersebut terdiri daripada 7 orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, pertanyaan mengenai pengetahuan hadirnya unsur propaganda dalam semua cerita jenaka Melayu menunjukkan jumlah yang sama rata.

#### 4.4.2.6 Unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu telah mencerminkan kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi

Jadual 4.4.2.6: Peratusan responden terhadap unsur propaganda mencerminkan kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	62	94
Tidak	4	6
Jumlah	66	100




Rajah 4.4.2.6: Peratusan responden terhadap unsur propaganda mencerminkan kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi

Berdasarkan jadual 4.4.2.6 dan rajah 4.4.2.6 di atas, seramai 62 orang responden bersamaan 94% menyatakan Ya bagi pertanyaan mengenai unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu yang telah mencerminkan kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi. Responden tersebut terdiri daripada 18 orang pelajar lelaki dan 44 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 4 orang responden bersamaan dengan 6% telah menyatakan tidak terhadap pertanyaan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 1 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan.

4.4.2.7 Mengetahui bahawa unsur propaganda yang dibawa menerusi cerita jenaka memberikan kesan yang baik dan buruk dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini.

Jadual 4.4.2.7: Peratusan responden mengetahui bahawa unsur propaganda yang dibawa menerusi cerita jenaka memberikan kesan yang baik dan buruk dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini.

Skala	Bilangan(orang)	Peratus(%)
Ya	62	94
Tidak	4	6
Jumlah	66	100



Rajah 4.4.2.7: Peratusan responden mengetahui bahawa unsur propaganda yang dibawa menerusi cerita jenaka memberikan kesan yang baik dan buruk dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini.


Berdasarkan jadual 4.4.2.7 dan rajah 4.4.2.7 telah menunjukkan seramai 62 orang responden bersamaan 94% menyatakan Ya terhadap pertanyaan mengenai pengetahuan mereka terhadap unsur propaganda yang dibawa menerusi cerita jenaka memberikan kesan yang baik dan buruk dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini. Lantaran itu, seramai 19 orang pelajar lelaki dan 43 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 4 orang responden bersamaan 6% telah menyatakan tidak bagi pertanyaan tersebut dan pertanyaan tersebut adalah terdiri daripada 4 orang pelajar perempuan dari Kesusasteraan Warisan.

#### 4.4.3 Kesan unsur propaganda menerusi cerita jenaka dalam aspek emosi

4.4.3.1 Meningkatkan rasa empati dalam kehidupan masyarakat antara satu sama lain.

Jadual 4.4.3.1: Peratusan Terhadap Kesan Rasa Empati Dalam Kehidupan Masyarakat

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	1	2
Sederhana Setuju	6	9
Setuju	29	44
Sangat Setuju	30	45
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.1: Peratusan Terhadap Kesan Rasa Empati Dalam Kehidupan Masyarakat

Berdasarkan jadual 4.4.3.1 dan rajah 4.4.3.1 di atas, tiada responden yang tidak sangat setuju dengan pernyataan ini. Namun, seramai 1 orang responden bersamaan dengan 2% menyatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Responden yang tidak setuju terdiri daripada


1 orang pelajar lelaki. Selain itu, seramai 6 orang responden bersamaan 9% yang menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut. Responden yang sederhana setuju tersebut terdiri daripada 1 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 29 orang responden bersamaan dengan 44% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 30 orang responden bersamaan dengan 45% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti responden sangat setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu dapat meningkatkan rasa empati dalam kehidupan masyarakat antara satu sama lain.

Pernyataan di atas juga dapat disokong oleh Mohd Faradi Rohani dan Mohd Fairuz Mohd Padoli (2016) menerusi kajiannya iaitu Bauran Satira Dalam Pak Pandir Moden dengan menyatakan bahawa kehidupan masyarakat sosial juga boleh diperlihatkan dengan adanya sifat yang membawa kepada perasaan empati terhadap masyarakat lain sehingga membantu dalam meningkatkan nilai tolong-menolong dan saling menghormati.

4.4.3.2 Memperkukuhkan hubungan erat dan saling menghargai antara kalangan masyarakat.

Jadual 4.4.3.2 : Peratusan Terhadap Pengukuhan Hubungan Erat dan Saling Menghargai Antara Kalangan Masyarakat

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	3	5
Setuju	33	45
Sangat Setuju	30	50
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.2: Peratusan Terhadap Pengukuhan Hubungan Erat dan Saling Menghargai Antara Kalangan Masyarakat

Berdasarkan jadual 4.4.3.2 dan rajah 4.4.3.2 di atas, tiada responden yang tidak sangat setuju dan tidak setuju dengan pernyataan ini. Selain itu, seramai 3 orang responden bersamaan 5% yang menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut. Responden yang sederhana setuju tersebut terdiri daripada 1 orang pelajar lelaki dan

2 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 33 orang responden bersamaan dengan 45% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 30 orang responden bersamaan dengan 50% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti responden setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu dapat memperkukuhkan hubungan erat dan saling menghargai antara kalangan masyarakat.


Pandangan Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dalam kajian *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* ada menjelaskan mengenai kehidupan watak Lebai Malang dalam cerita jenaka Melayu yang sentiasa menepati janjinya dengan orang lain dan berpegang teguh dengan hubungan kemasyarakatan yang terdapat dalam kisahnya. Hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa cerita jenaka Melayu juga dapat membawa masyarakat untuk memperkukuhkan hubungan yang erat dan saling menghargai satu sama lain.



4.4.3.3 Memanipulasi pemikiran dan perasaan masyarakat terhadap makna sebenar yang disampaikan melalui cerita jenaka Melayu.

Jadual 4.4.3.3: Peratusan Terhadap Manipulasi pemikiran dan perasaan Masyarakat Terhadap Makna Sebenar Dalam Cerita Jenaka

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	2	3
Setuju	36	55
Sangat Setuju	27	41
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.3: Peratusan Terhadap Manipulasi pemikiran dan perasaan Masyarakat Terhadap Makna Sebenar Dalam Cerita Jenaka

Berdasarkan jadual 4.4.3.3 dan rajah 4.4.3.3 di atas, 1 orang responden bersamaan dengan 1% telah menyatakan tidak sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 1 orang pelajar lelaki. Manakala tiada responden menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini. Selain itu, seramai 2 orang responden bersamaan 3% yang menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut. Responden


yang sederhana setuju tersebut terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki. Manakala, seramai 36 orang responden bersamaan dengan 55% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 27 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 27 orang responden bersamaan dengan 41% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti responden setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu dapat memanipulasi pemikiran dan perasaan masyarakat terhadap makna sebenar yang disampaikan melalui cerita jenaka Melayu.

Berdasarkan pernyataan yang terdapat dalam kajian Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu oleh Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar (2020) ada menyelitikan pandangan mengenai gambaran watak dan perwatakan kisah Pak Belalang sebagai seorang yang pemalas untuk mencari pekerjaan namun jika dilihat dengan lebih mendalam, pekerjaan Ahlun Nujum yang dilakukan olehnya tersebut juga merupakan salah satu cara untuknya menampung kehidupan sekeluarga. Hal ini telah menunjukkan cara masyarakat telah diperdaya dan dimanipulasi dengan keadaan yang ditunjukkan dalam kisah Pak Belalang.

4.4.3.4 Perwatakan negatif menerusi cerita jenaka menggambarkan emosi dan sikap masyarakat Melayu.

Jadual 4.4.3.4: Peratusan Terhadap Perwatakan Negatif Menerusi Cerita Jenaka Menggambarkan Emosi Dan Sikap Masyarakat Melayu

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	3
Tidak Setuju	2	3
Sederhana Setuju	15	20
Setuju	24	33
Sangat Setuju	23	41
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.4: Peratusan Terhadap Perwatakan Negatif Menerusi Cerita Jenaka Menggambarkan Emosi Dan Sikap Masyarakat Melayu

Berdasarkan jadual 4.4.3.4 dan rajah 4.4.3.4 di atas, 2 orang responden bersamaan dengan 3% telah menyatakan tidak sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 2 orang pelajar lelaki. Manakala seramai 2 orang responden yang bersamaan dengan 3% telah menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini. Responden tersebut adalah 2 orang pelajar perempuan. Selain itu, seramai 15 orang responden


bersamaan 20% yang menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut. Responden yang sederhana setuju tersebut terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 24 orang responden bersamaan dengan 33% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 7 orang pelajar lelaki dan 17 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 23 orang responden bersamaan dengan 41% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti responden setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu adalah perwatakan negatif menerusi cerita jenaka menggambarkan emosi dan sikap masyarakat Melayu.

Berdasarkan pernyataan oleh Muzaffar Dato' Haji Muhammad (dalam Noriah Taslim, 2010) ada menyatakan pandangan mengenai orang-orang Melayu dahulu yang ditafsir sebagai masyarakat yang bersifat lurus, bodoh dan juga dilihat terlalu taat kepada golongan pemerintah secara membuta tuli dan tidak berfikir secara rasional. Hal ini juga dilihat telah membenarkan pernyataan yang mengatakan bahasa cerita jenaka mampu membawa kepada gambaran emosi dan tingkah laku masyarakat Melayu terdahulu.

4.4.3.5 Meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat terhadap sesuatu isu yang berlaku.

Jadual 4.4.3.5: Peratusan Terhadap Meningkatkan Kesedaran Dan Perhatian Masyarakat Terhadap Sesuatu Isu Yang Berlaku

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	2
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	4	6
Setuju	30	45
Sangat Setuju	31	47
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.5: Peratusan Terhadap Meningkatkan Kesedaran Dan Perhatian Masyarakat Terhadap Sesuatu Isu Yang Berlaku

Berdasarkan jadual 4.4.3.5 dan rajah 4.4.3.5 di atas, 1 orang responden bersamaan dengan 2% telah menyatakan tidak sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 1 orang pelajar lelaki. Manakala tiada responden yang telah menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini. Seterusnya, seramai 4 orang responden bersamaan 6% yang menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut.


Responden yang sederhana setuju tersebut terdiri daripada 1 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan. Manakala, seramai 30 orang responden bersamaan dengan 45% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 27 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 31 orang responden bersamaan dengan 45% menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 21 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti responden sangat setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu dapat memberi kesan dengan meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat terhadap sesuatu isu yang berlaku.

Pernyataan di atas juga dapat disokong dengan pendapat oleh Mohd Faradi Rohani dan Mohd Fairuz Mohd Padoli (2016) menerusi kajiannya iaitu Bauran Satira Dalam Pak Pandir Moden dengan menyatakan cerita jenaka Melayu seperti kisah Pak Pandir juga akan melahirkan satu kritikan sosial yang tidak hanya memandang kepada satu isu semasa sahaja seperti perjudian namun isu lain juga akan diperlihatkan kepada masyarakat agar masyarakat peka dengan keadaan persekitaran.

4.4.3.6 Meningkatkan keupayaan pemikiran masyarakat dalam menangani masalah dan konflik terhadap isu politik dengan lebih mendalam.

Jadual 4.4.3.6: Peratusan Terhadap Keupayaan Pemikiran Masyarakat Dalam Menangani Masalah Dan Konflik Terhadap Isu Politik Dengan Lebih Mendalam

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	9	14
Setuju	30	45
Sangat Setuju	27	41
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.3.6: Peratusan Terhadap Keupayaan Pemikiran Masyarakat Dalam Menangani Masalah Dan Konflik Terhadap Isu Politik Dengan Lebih Mendalam

Berdasarkan jadual 4.4.3.6 dan rajah 4.4.3.6 di atas menunjukkan tiada responden yang sangat tidak setuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Namun, seramai 9 orang responden bersamaan 14% telah menyatakan sederhana setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 6 orang

pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 30 orang responden yang bersamaan dengan 45% yang menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Justeru itu, responden tersebut adalah seramai 9 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 27 orang responden bersamaan dengan 41% yang telah menyatakan sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan. Oleh hal yang demikian, responden tersebut adalah 7 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Tegasnya, majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan setuju dengan kesan unsur propaganda iaitu meningkatkan keupayaan pemikiran masyarakat dalam menangani masalah dan konflik terhadap isu politik dengan lebih mendalam.

Melalui kajian oleh Mohd Faradi Rohani dan Mohd Fairuz Mohd Padoli (2016) iaitu *Bauran Satira Dalam Pak Pandir Moden* dengan menyatakan bahawa permasalahan politik yang berlaku dan disampaikan dalam cerita jenaka Melayu ini telah membuatkan masyarakat sentiasa berhati-hati dan memahami isu yang berkaitan dengan politik dalam kalangan masyarakat Melayu lebih-lebih lagi cerita sebegini ini telah semakin diolah dan berkembang setara dengan keadaan politik sekarang.




#### 4.4.4 Kesan unsur propaganda menerusi cerita jenaka dalam aspek rohani

4.4.4.1 Cerita jenaka memberikan pengajaran kepada kehidupan masyarakat.

Jadual 4.4.4.1: Peratusan Terhadap Cerita Jenaka Memberikan Pengajaran Kepada Kehidupan Masyarakat

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	0	0
Setuju	21	32
Sangat Setuju	44	67
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.1: Peratusan Terhadap Cerita Jenaka Memberikan Pengajaran Kepada Kehidupan Masyarakat

Berdasarkan jadual 4.4.4.1 dan rajah 4.4.4.1 di atas telah menunjukkan terdapat seorang responden bersamaan 1% yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut merupakan seorang pelajar lelaki. Seterusnya, tiada responden yang menyatakan tidak setuju dan sederhana setuju terhadap pernyataan tersebut. Selanjutnya,


seramai 21 orang responden yang bersamaan dengan 32% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 44 orang responden bersamaan dengan 67% telah menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 12 orang pelajar lelaki dan 32 orang pelajar perempuan. Oleh itu, majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka dalam aspek rohani iaitu cerita jenaka memberikan pengajaran kepada kehidupan masyarakat.

Bagi pernyataan di atas, ada pendapat yang diperoleh menerusi Dewan Sastera pada 3 Julai 2021 oleh Mohamad Zuber Ismail yang menyelitkan mengenai cerita-cerita jenaka yang dikatakan mampu menyemai nilai-nilai pengajaran untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat. Secara tidak langsung, melalui pernyataan yang dinyatakan tersebut membenarkan bahawa sememangnya sastera rakyat yang disebarluaskan dalam kehidupan masyarakat Melayu ini penuh dengan mesej-mesej dan nilai moral yang harus diterapkan dalam diri.

#### 4.4.4.2 Memupuk nilai moral dalam diri khalayak.

Jadual 4.4.4.2: Peratusan Terhadap Memupuk Nilai Moral Dalam Diri Khalayak

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	1	2
Setuju	21	32
Sangat Setuju	43	65
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.2: Peratusan Terhadap Memupuk Nilai Moral Dalam Diri Khalayak

Berdasarkan jadual 4.4.4.2 dan rajah 4.4.4.2 di atas telah menunjukkan terdapat seorang responden bersamaan 1% yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut merupakan seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Seterusnya, tiada responden yang menyatakan tidak setuju. Terdapat seorang responden bersamaan 1% yang menyatakan sederhana setuju terhadap pernyataan tersebut. Responden tersebut merupakan seorang pelajar lelaki. Selanjutnya,


seramai 21 orang responden yang bersamaan dengan 32% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 43 orang responden bersamaan dengan 66% telah menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 14 orang pelajar lelaki dan 29 orang pelajar perempuan. Oleh itu, majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka dalam aspek rohani iaitu cerita jenaka dapat memupuk nilai moral dalam diri khalayak.

Pernyataan tersebut juga dapat disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) dalam kajiannya iaitu Nilai-nilai murni dalam *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang menyatakan bahawa menerusi cerita rakyat seperti cerita jenaka boleh dijadikan sebagai landasan untuk membentuk nilai-nilai murni dalam masyarakat Melayu agar mencapai kelangsungan hidup yang lebih baik.

#### 4.4.4.3 Kehidupan masyarakat yang taksub dan percaya dengan hal-hal karut.

Jadual 4.4.4.3: Peratusan Terhadap Kehidupan Masyarakat Yang Taksub Dan Percaya Dengan Hal-Hal Karut

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	4	6
Tidak Setuju	3	4
Sederhana Setuju	11	17
Setuju	25	38
Sangat Setuju	23	35
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.3: Peratusan Terhadap Kehidupan Masyarakat Yang Taksub Dan Percaya Dengan Hal-Hal Karut

Berdasarkan jadual 4.4.4.3 dan rajah 4.4.4.3 di atas telah menunjukkan seramai 4 orang responden bersamaan dengan 6% telah menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Responden tersebut adalah 4 orang pelajar lelaki. Manakala, seramai 3 orang responden bersamaan dengan 4% menyatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 3 orang pelajar perempuan.


Seterusnya, seramai 11 orang responden yang bersamaan dengan 17% menyatakan sederhana setuju dengan pernyataan itu. Responden terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan. Selanjutnya, seramai 25 orang responden yang bersamaan dengan 38% menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 23 orang responden bersamaan dengan 35% telah menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 4 orang pelajar lelaki dan 19 orang pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan telah menyatakan setuju bahawa kesan unsur propaganda dalam aspek rohani dapat memperlihatkan Kehidupan masyarakat yang taksu dan percaya dengan hal-hal karu.

Berdasarkan akhbar dalam talian iaitu akhbar Harian Metro yang disiarkan pada 13 september 2021 oleh Prof Dr Engku Ahmad Zaki Engku Alwi yang menyatakan bahawa masih terdapat sebahagian umat Islma yang asih terpengaruh dan masih mempercayai akan hal-hal ghaib seperti bomoh, toyol dan sebagainya. Secara tidak langsung, ini telah menunjukkan kehidupan masyarakat yang taksu akan hal-hal karu ini bukan sahaja pada zaman dahulu seperti yang digambarkan dalam cerita jenaka namun masih terdapat segelintir masyarakat yang masih mengamalkannya.

4.4.4.4 Meningkatkan penyebaran ideologi yang tertentu dalam kalangan masyarakat.

Jadual 4.4.4.4: Peratusan Terhadap Penyebaran Ideologi Yang Tertentu Dalam Kalangan Masyarakat

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	2	3
Sederhana Setuju	7	11
Setuju	28	42
Sangat Setuju	29	44
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.4: Peratusan Terhadap Penyebaran Ideologi Yang Tertentu Dalam Kalangan Masyarakat

Berdasarkan jadual 4.4.4.4 dan rajah 4.4.4.4 telah memaparkan tiada responden yang menyatakan sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Namun demikian, seramai 2 orang responden bersamaan dengan 3% telah menyatakan tidak setuju dengan kesan tersebut. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 7 orang responden yang bersamaan dengan 11%

menyatakan sederhana setuju dengan pertanyaan tersebut. Responden tersebut terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 28 orang responden bersamaan dengan 42% telah menyatakan setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 7 orang pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan. Akhir sekali, seramai 29 orang responden yang bersamaan dengan 44% telah memilih sangat setuju bagi kesan unsur propaganda dalam aspek rohani. Responden tersebut terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Oleh itu, majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan iaitu sebanyak 29 orang sangat setuju bahawa kesan unsur propaganda itu dapat meningkatkan penyebaran ideologi yang tertentu dalam kalangan masyarakat.


Pernyataan di atas juga dapat disokong dengan pernyataan oleh Ariffin Nur (1971) yang menyatakan bahawa watak dan perwatakan yang disampaikan dalam cerita jenaka Melayu ini memperlihatkan sikap yang negatif sehingga tidak menunjukkan sikap yang positif dan kelebihan yang ada pada watak tersebut. Walaubagaimanapun, hakikat sebenar cerita jenaka Melayu ini masih dapat memberikan nilai-nilai yang baik kepada masyarakat jika fahaman mereka diperluaskan lagi dan tidak hanya berfokus kepada ideologi buruk yang dibawa oleh orang barat terhadap watak dalam cerita jenaka Melayu.



4.4.4.5 Memperluaskan pengetahuan terhadap makna tersirat yang disampaikan menerusi cerita jenaka kepada khalayak.

Jadual 4.4.4.5: Peratusan Terhadap Memperluaskan Pengetahuan Terhadap Makna Tersirat Yang Disampaikan Menerusi Cerita Jenaka Kepada Khalayak

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	5	8
Setuju	25	38
Sangat Setuju	35	53
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.5: Peratusan Terhadap Memperluaskan Pengetahuan Terhadap Makna Tersirat Yang Disampaikan Menerusi Cerita Jenaka Kepada Khalayak

Berdasarkan jadual 4.4.4.5 dan rajah 4.4.4.5 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu seorang responden bersamaan dengan 1% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Namun begitu, tiada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, seramai 5 orang responden bersamaan dengan 8% telah


menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 25 orang responden bersamaan dengan 38% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek rohani. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 6 orang pelajar lelaki dan 19 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 35 orang responden bersamaan dengan 53% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 25 orang perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda juga mampu untuk memperluaskan pengetahuan terhadap makna tersirat yang disampaikan menerusi cerita jenaka kepada khalayak.

Liaw Yock Fang (1978) ada juga memberi pendapat dimana watak-watak yang digambarkan menerusi cerita jenaka ini meskipun digambarkan sebagai seorang yang perwatakan ceroboh sehingga memberikan kesalahfahaman kepada orang lain namun watak-watak tersebut juga tanpa disedari oleh masyarakat memiliki kepintaran dan kebijaksanaan sehingga dapat menyelesaikan masalah mereka yang sukar tersebut.

4.4.4.6 Membina semangat dan mengawal diri untuk lebih menghargai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan.

Jadual 4.4.4.6: Peratusan Terhadap Membina Semangat Dan Mengawal Diri Untuk Lebih Menghargai Setiap Perkara Yang Berlaku Dalam Kehidupan

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	2
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	2	3
Setuju	31	47
Sangat Setuju	32	48
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.4.6: Peratusan Terhadap Membina Semangat Dan Mengawal Diri Untuk Lebih Menghargai Setiap Perkara Yang Berlaku Dalam Kehidupan

Berdasarkan jadual 4.4.4.6 dan rajah 4.4.4.6 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu seorang responden bersamaan dengan 2% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Namun begitu, tiada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut.

Selain itu, seramai 2 orang responden bersamaan dengan 3% telah menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada 2 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 31 orang responden bersamaan dengan 47% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek rohani. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 7 orang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 32 orang responden bersamaan dengan 48% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 11 orang pelajar lelaki dan 21 orang perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda juga mampu untuk membina semangat dan mengawal diri untuk lebih menghargai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan.


Menerusi laman sesawang Tinta Sastera (2018) ada menyatakan mengenai watak dan perwatakan yang digambarkan melalui cerita jenaka seperti kisah Mat Jenin yang memaparkan dirinya yang hidup dalam lingkungan yang terbatas namun dia masih mempunyai semangat dan daya fikir yang tinggi demi merangka strategi yang lebih baik dalam hidupnya. Hal ini secara tidak langsung telah menunjukkan cerita jenaka mampu membina semangat dan menghargai apa yang berlaku di sekeliling.

#### 4.4.5 Kesan unsur propaganda menerusi cerita jenaka dalam aspek jati diri

##### 4.4.5.1 Memberi pengaruh terhadap tingkah laku dan tindakan masyarakat.

Jadual 4.4.5.1: Peratusan Terhadap Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Dan Tindakan Masyarakat

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	7	11
Setuju	34	52
Sangat Setuju	24	36
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.1: Peratusan Terhadap Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Dan Tindakan Masyarakat

Berdasarkan jadual 4.4.5.1 dan rajah 4.4.5.1 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu seorang responden bersamaan dengan 1% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Namun begitu, tiada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, seramai 7 orang responden bersamaan dengan 11% telah


menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada seorang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 34 orang responden bersamaan dengan 52% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek jati diri. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 12 orang pelajar lelaki dan 22 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 24 orang responden bersamaan dengan 36% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki dan 19 orang perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan setuju dengan kesan unsur propaganda juga mampu memberi pengaruh terhadap tingkah laku dan tindakan masyarakat.

Lantaran itu, kajian Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar (2020) mengenai budaya dan kesusasteraan Melayu ada menyentuh mengenai budi dan akal orang Melayu yang dapat memberi nilai yang positif dan juga negatif terhadap tingkah laku dan tindakan masyarakat. Cerita jenaka Melayu ada memberi pendedahan mengenai masyarakat Melayu yang sentiasa bersikap malas, sifat yang tidak cerdas dan juga ada yang menyatakan masyarakat Melayu itu lemah.

#### 4.4.5.2 Membentuk sikap murni dalam diri khalayak sehingga kini.

Jadual 4.4.5.2: Peratusan Terhadap Membentuk Sikap Murni Dalam Diri Khalayak Sehingga Kini

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	1	1
Sederhana Setuju	4	6
Setuju	32	48
Sangat Setuju	29	45
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.2: Peratusan Terhadap Membentuk Sikap Murni Dalam Diri Khalayak Sehingga Kini

Berdasarkan jadual 4.4.5.2 dan rajah 4.4.5.2 di atas telah menunjukkan tiada responden yang menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Namun demikian, terdapat seorang responden yang bersamaan dengan 1% yang menyatakan tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki dalam Kesusasteraan Warisan. Seterusnya, terdapat seramai 4 orang responden bersamaan dengan 6% yang menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri

daripada seorang pelajar lelaki dan 3 orang pelajar perempuan. Selanjutnya, seramai 32 orang responden bersamaan dengan 48% yang menyatakan setuju dengan pernyataan itu. Mereka merangkumi 8 orang pelajar lelaki dan 24 orang pelajar perempuan. Seramai 29 orang responden yang bersamaan dengan 45% telah menyatakan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda dalam aspek jati diri ini. Mereka terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 20 orang pelajar perempuan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan setuju dengan kesan unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu iaitu membentuk sikap murni dalam diri khalayak sehingga kini.


Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dalam kajian iaitu Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif ada menyatakan bahawa watak dan perwatakan yang dibawa oleh Lebai Malang telah menunjukkan keperibadian yang baik. Meskipun watak Lebai Malang tersebut sering bernasib tidak baik namun masih boleh memaparkan nilai bijaksana kerana Lebai Malang telah menggunakan akalnyanya dalam menentukan keputusan kehidupan sehariannya.



#### 4.4.5.3 Memberi pengetahuan kepada masyarakat terhadap nilai budaya dan warisan tradisional.

Jadual 4.4.5.3: Peratusan Terhadap Pengetahuan Kepada Masyarakat Terhadap Nilai Budaya Dan Warisan Tradisional

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	2
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	5	8
Setuju	30	45
Sangat Setuju	30	45
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.3: Peratusan Terhadap Pengetahuan Kepada Masyarakat Terhadap Nilai Budaya Dan Warisan Tradisional

Berdasarkan jadual 4.4.5.3 dan rajah 4.4.5.3 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu seorang responden bersamaan dengan 2% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Namun begitu, tiada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, seramai 5 orang responden bersamaan dengan 8% telah menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada seorang pelajar lelaki


dan 4 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 30 orang responden bersamaan dengan 45% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek rohani. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 7 orang pelajar lelaki dan 23 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 30 orang responden bersamaan dengan 45% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 20 orang perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan setuju dan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda juga mampu untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat terhadap nilai budaya dan warisan tradisional.

Menerusi kajian Asmiaty Amat dan Nor Suhaila Sulaiman (2023), cerita jenaka juga telah memberikan satu pendedahan baru dan mempunyai kepentingannya kepada generasi pada masa akan datang. Selain itu, cerita jenaka juga dikatakan dapat memelihara karya sastera rakyat tradisional daripada hilang ditelan zaman yang disebabkan kemajuan dalam pemodenan.

4.4.5.4 Menunjukkan budaya masyarakat Melayu tidak berkembang dan terlalu kolot.

Jadual 4.4.5.4: Peratusan Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Tidak Berkembang Dan Terlalu Kolot

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	5	7
Tidak Setuju	17	26
Sederhana Setuju	16	24
Setuju	13	20
Sangat Setuju	15	23
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.4: Peratusan Terhadap Budaya Masyarakat Melayu Tidak Berkembang Dan Terlalu Kolot

Berdasarkan jadual 4.4.5.4 dan rajah 4.4.5.4 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu 5 orang responden bersamaan dengan 7% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah 4 orang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan dan seorang pelajar perempuan. Manakala, seramai 17 orang responden bersamaan dengan 26% yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 2 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar


perempuan. Selain itu, seramai 16 orang responden bersamaan dengan 24% telah menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada 8 orang pelajar lelaki dan 8 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 13 orang responden bersamaan dengan 20% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek jati diri. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 3 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 15 orang responden bersamaan dengan 23% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 2 orang pelajar lelaki dan 13 orang pelajar perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan tidak setuju dengan kesan unsur propaganda yang menunjukkan budaya masyarakat Melayu tidak berkembang dan terlalu kolot.

Pernyataan di atas dapat disokong dengan pernyataan oleh Mohamad Zuber Ismail pada 3 Julai 2021 menerusi Dewan Sastera iaitu cerita jenaka ini telah memperlihatkan daya pemikiran masyarakat yang telah disesuaikan dengan keadaan budaya dan adat masyarakat dahulu. Hal ini termasuk gaya karya sastera itu disampaikan kepada khalayak meskipun kelihatan kolot dan lapuk namun memerlukan ketajaman dan kefahaman yang tinggi untuk memahami sesuatu karya itu.

#### 4.4.5.5 Memperlihatkan kelemahan pemerintah dalam mentadbir negara.

Jadual 4.4.5.5: Peratusan Terhadap Kelemahan Pemerintah Dalam Mentadbir Negara

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	3
Tidak Setuju	10	15
Sederhana Setuju	13	20
Setuju	19	29
Sangat Setuju	22	33
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.5: Peratusan Terhadap Kelemahan Pemerintah Dalam Mentadbir Negara

Berdasarkan jadual 4.4.5.5 dan rajah 4.4.5.5 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu 2 orang responden bersamaan dengan 3% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan dan seorang pelajar perempuan. Manakala, seramai 10 orang responden bersamaan dengan 15% yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Responden tersebut adalah 4 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar


perempuan. Selain itu, seramai 13 orang responden bersamaan dengan 20% telah menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 19 orang responden bersamaan dengan 29% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek jati diri. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 5 orang pelajar lelaki dan 14 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 22 orang responden bersamaan dengan 33% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 16 orang pelajar perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan sangat setuju dengan kesan unsur propaganda yang dapat memperlihatkan kelemahan pemerintah dalam mentadbir negara.

Mohd Faradi Rohani dan Mohd Fairuz Mohd Padoli (2020) ada menyatakan bahawa kesemua cerita jenaka seperti kisah Pak Pandir yang telah memberi kiasan atau sindiran kepada masyarakat sejak dahulu lagi terhadap segi kritikan tentang keadaan dan keburukan politik dan keadaan sosial.

4.4.5.6 Menjadi lambang masyarakat Melayu yang mempunyai keberanian dan berjiwa besar.

Jadual 4.4.5.6: Peratusan Terhadap Lambang Masyarakat Melayu Yang Mempunyai Keberanian Dan Berjiwa Besar

Skala	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1
Tidak Setuju	0	0
Sederhana Setuju	3	5
Setuju	33	50
Sangat Setuju	29	44
<b>JUMLAH</b>	<b>66</b>	<b>100</b>



Rajah 4.4.5.6: Peratusan Terhadap Lambang Masyarakat Melayu Yang Mempunyai Keberanian Dan Berjiwa Besar

Berdasarkan jadual 4.4.5.6 dan rajah 4.4.5.6 di atas telah memaparkan bilangan responden iaitu seorang responden bersamaan dengan 1% telah menyatakan sangat tidak setuju. Responden tersebut adalah seorang pelajar lelaki Kesusasteraan Warisan. Manakala, tiada responden yang menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, seramai 3 orang responden bersamaan dengan 5% telah menyatakan sederhana setuju. Mereka terdiri daripada seorang pelajar

lelaki dan 2 orang pelajar perempuan. Seterusnya, seramai 33 orang responden bersamaan dengan 50% telah menyatakan setuju terhadap kesan tersebut dalam aspek jati diri. Responden tersebut adalah pelajar Kesusasteraan iaitu 6 orang pelajar lelaki dan 27 orang pelajar perempuan. Akhirnya, seramai 29 orang responden bersamaan dengan 44% yang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Mereka terdiri daripada 11 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan. Secara tidak langsung, pernyataan tersebut telah menunjukkan majoriti pelajar Kesusasteraan Warisan menyatakan setuju dengan kesan unsur propaganda yang dapat menjadi lambang masyarakat Melayu yang mempunyai keberanian dan berjiwa besar.

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) iaitu Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif menyatakan watak dan perwatakan yang dipaparkan menerusi cerita jenaka Melayu seringkali menunjukkan sifat beraninya dalam menyahut segala cabaran dan rintangan yang dihadapinya dalam usaha untuk menyelamatkan diri.



#### 4.5 Penutup

Kesimpulannya, menerusi bab 4 ini telah menjelaskan cerita jenaka Melayu telah dijadikan sebagai satu medium untuk masyarakat melakukan manifestasi terhadap tingkah laku dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi kisah penceritaan dalam cerita jenaka Melayu banyak memaparkan tingkah laku dan juga hubungan sosial antara masyarakat termasuk hubungan antara rakyat dan juga pemerintah. Tambahan lagi, situasi tersebut mampu mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat tidak kira pada masa dahulu sehingga kini. Buktinya, melalui perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji, telah banyak isu dan perkara yang boleh dilihat dan telah dianggap sebagai satu medium propaganda oleh sesetengah masyarakat. Walaubagaimanapun, unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu bukanlah menjadi fokus utama dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana cerita jenaka Melayu lebih mengutamakan kepada unsur-unsur yang bersifat hiburan dan keseronokkan.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Justeru itu, menerusi bahagian ini, pengkaji akan melakukan rumusan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian penyelidikan yang bertajuk *Unsur Propaganda Menerusi Cerita Jenaka Melayu Terpilih: Kajian Terhadap Pemahaman Pelajar Kesusasteraan Warisan* yang telah dilaksanakan mulai daripada bab pertama sehingga bab keempat. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh para pengkaji pada masa hadapan tidak kira individu, masyarakat mahupun institusi dan negara.

#### **5.2 Rumusan Kajian**

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, pengkaji telah memperihalkan kehadiran propaganda dalam kesusasteraan yang merupakan satu perkara yang tidak mudah untuk khalayak mengenal pasti akan kehadirannya terutama dalam setiap karya. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada zaman dahulu menganggap bahawa cerita yang hadir melalui lisan ke dalam bentuk tulisan ini dilakukan bagi memberikan satu usaha untuk menghadirkan hiburan dalam kehidupan mereka. Pada hakikatnya, tanpa mereka menyedarinya, wujudnya satu usaha atau mudah disebutkan sebagai satu propaganda yang dilakukan orang terdahulu dalam kehidupan mereka dengan harapan dapat mengawal dan mempengaruhi setiap tindakan orang lain.

Kesusasteraan Melayu merupakan satu wadah atau medium yang besar dalam menarik minat dan perhatian masyarakat untuk sentiasa menyedari dan belajar mengenai banyak hal yang berkaitan dengan suatu tamadun dan juga kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi. Justeru itu, melalui kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dimana pengkaji telah mengenal pasti kehadiran unsur propaganda dan melihat perkara yang dapat mengubah persepsi dan tingkah laku masyarakat sehingga hari ini melalui cerita jenaka Melayu yang terdiri daripada 5 buah cerita iaitu kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*. Oleh hal yang demikian, disini pengkaji akan merungkai semula setiap perkara yang terkandung dalam setiap bab yang dilaksanakan dalam kajian ini.

Menerusi bab pertama dalam kajian ini, pengkaji telah menerangkan latar belakang mengenai unsur propaganda dan cerita jenaka Melayu yang terpilih dimana cerita jenaka Melayu tersebut merangkumi kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai* disamping mengenal pasti kehadiran propaganda yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu. Selain itu, bab pertama ini juga pengkaji telah menyatakan permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian dimana objektif tersebut merangkumi 3 perkara iaitu mengenalpasti konsep unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu, unsur-unsur propaganda yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu dan akhirnya mengenai kesan kehadiran unsur propaganda tersebut kepada khalayak. Lain daripada itu, menerusi bab ini juga telah menjelaskan mengenai skop kajian yang dipilih oleh pengkaji dalam memberi batasan terhadap kajian yang dilaksanakan malah pengkaji juga telah menyatakan kepentingan kajian agar kajian yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada khalayak terhadap cerita jenaka. Justeru itu, bab ini telah memberikan gambaran awal mengenai penelitian yang dilakukan oleh pengkaji.

Sementara itu, menerusi bab 2 kajian ini telah merangkumi segala kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai unsur propaganda, cerita jenaka Melayu dan juga teori keindahan dalam aspek sfera keindahan oleh Braginsky. Sorotan kajian ini merangkumi kajian terdahulu yang terdiri daripada kajian mengenai unsur propaganda, teori keindahan dan kajian mengenai cerita jenaka Melayu. Sorotan kajian yang ditemui oleh pengkaji telah menunjukkan kekurangan kajian mengenai unsur propaganda dalam cerita jenaka dan kajian mengenai cerita jenaka Melayu juga dilihat tidak meluas dari segi pelbagai aspek. Pengkaji telah memilih sorotan kajian yang diperoleh menerusi kajian tesis, jurnal dan artikel, akhbar dalam talian, majalah dan lain-lain lagi. Oleh hal yang demikian, bab ini amat membantu pengkaji dalam mencari peluang baru untuk menyentuh isu dan aspek yang belum lagi disentuh oleh mana-mana pengkaji terdahulu disamping mengisi segala kelompongan yang berkaitan dengan kajian ini serta membuka satu peluang untuk melihat kehadiran unsur propaganda kepada khalayak.

Seterusnya, bab 3 dalam kajian ini pula memerihalkan mengenai metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan kehadiran unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu. Justeru itu, kajian ini telah melaksanakan pendekatan kuantitatif dan juga kualitatif dalam mendapatkan maklumat untuk menjawab setiap persoalan dan objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Pengkaji mengambil kaedah kepustakaan dan kaedah soal selidik dimana kaedah soal selidik ini telah diedarkan kepada pelajar Kesusasteraan Warisan iaitu seramai 66 orang pelajar telah terpilih dalam usaha untuk melihat kesan unsur propaganda yang diperoleh melalui cerita jenaka Melayu. Lain daripada itu, pengkaji telah menggunakan teori keindahan oleh Braginsky dengan mengaplikasikan sfera keindahan kepada setiap data yang telah dilakukan itu. Teori ini dilakukan bagi memberikan pengukuhan dan sokongan

kepada setiap data yang dibuat dan memastikan kajian ini berada pada landasan yang benar. Pengaplikasian teori menjadi satu pegangan oleh pengkaji dalam menganalisis data kajian sehingga membawa kepada kebenaran terhadap isu yang diteliti iaitu mengenai unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu. Justeru itu, pengaplikasian kaedah kajian ini telah memberi kemudahan kepada pengkaji untuk meneliti cerita jenaka dan kehadiran unsur propaganda di dalamnya.

Selanjutnya, menerusi bab 4 adalah bahagian dapatan kepada kajian ini. Bahagian dapatan ini telah menjawab setiap persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji dan seterusnya menerangkan dengan terperinci mengenai “Unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu: Pemahaman terhadap pelajar Kesusasteraan Melayu”. Bagi objektif yang pertama, pengkaji telah melihat konsep dan jenis serta teknik propaganda yang hadir dalam cerita jenaka Melayu. Misalnya, propaganda ini dibahagikan kepada 3 jenis iaitu propaganda hitam, propaganda putih dan propaganda kelabu. Hal ini juga melihat kepada teknik yang digunakan seperti adanya teknik *Plain Folks*, *Name-Calling*, *Transfer*, *Card Stacking* dan lain-lain lagi. Kehadiran teknik ini juga telah diperoleh dalam beberapa cerita jenaka Melayu dan teknik ini juga telah memberikan kesan dan mempunyai tujuannya yang tersendiri dalam usaha untuk mendapatkan perhatian dan mempengaruhi pemikiran serta tindakan sesebuah masyarakat.

Seterusnya, dalam objektif dua pula adalah pengkaji telah melihat unsur propaganda yang hadir dalam kisah *Pak Kaduk*, *Pak Pandir*, *Lebai Malang*, *Pak Belalang*, dan *Si Luncai*. Hal ini dimana setiap kisah tersebut mempunyai nilai dan unsur propagandanya yang tersendiri untuk mempengaruhi masyarakat sehingga ke hari ini. Walaubagaimanapun, unsur tersebut bukanlah sesuatu perkara yang dititikberatkan kerana cerita jenaka Melayu ini lebih ditekankan mengenai unsur humor dan jenaka kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah berusaha untuk melihat

kehadiran unsur tersebut kerana masyarakat dahulu dilihat sebagai masyarakat yang hanya mempunyai sifat yang dianggap sebagai orang yang lurus dan bodoh oleh masyarakat luar. Hal ini boleh dilihat mengenai kehidupan masyarakat, pemerintahan dan juga tingkah laku setiap watak yang dapat memberikan kesan kepada masyarakat. Bagi objektif terakhir pula iaitu objektif tiga melihat kepada kesan unsur propaganda yang dibawa oleh watak kepada khalayak. Objektif ini telah dibahagikan kepada pemahaman masyarakat serta kesan yang diperoleh daripada bacaan cerita jenaka Melayu. Dalam pada itu, objektif ini juga telah dibahagikan kepada tiga kesan iaitu terdiri daripada kesan terhadap emosi, rohani dan juga jati diri. Oleh hal yang demikian, melalui objektif ini pengkaji telah melihat pelbagai kesan yang telah dibawa oleh kehadiran unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu kepada khalayak terutama pelajar Kesusasteraan Warisan.

### 5.3 Cadangan

Menerusi kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu “Unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu: Pemahaman terhadap pelajar Kesusasteraan Melayu” ini telah memberikan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan sama ada pihak individu itu sendiri, masyarakat bahkan melalui institusi. Cadangan ini dapat diaplikasikan dan diterapkan kepada individu, masyarakat, institusi dan juga negara dengan harapan dapat memastikan pengetahuan mereka terhadap intipati dan pemikiran dalam cerita jenaka Melayu semakin luas dan tidak mendatangkan kekeliruan.

#### 5.3.1 Individu

Kehadiran kajian “Unsur propaganda dalam cerita jenaka Melayu: Pemahaman terhadap pelajar Kesusasteraan Melayu” ini telah memberikan beberapa cadangan kepada setiap individu agar sentiasa berusaha mengenalpasti isu mahupun aspek yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat seperti cerita jenaka Melayu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu hendaklah mengetahui dan menganalisis sesuatu perkara itu mengikut pemikiran mereka yang tersendiri dengan baik agar dapat memahami setiap perkara yang disampaikan oleh seseorang pengarang kepada khalayak pembaca melalui karya. Pemahaman seseorang terhadap makna yang disampaikan dalam sesebuah karya itu amat perlu dititikberatkan dalam membentuk sahsiah dan jati diri mereka.

Selain daripada itu, pengkaji baharu yang berinisiatif dalam memperluaskan lagi kajian mengenai sastera rakyat juga perlulah mempunyai semangat dalam usaha untuk mengupas setiap aspek yang terdapat dalam cerita rakyat dengan baik agar dapat memberikan pengetahuan yang baru kepada khalayak dan para pengkaji baru. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang sastera merupakan bidang yang harus dijaga dan diteruskan oleh generasi-

generasi berikutnya dalam membentuk tingkah laku dan identiti masyarakat sepertimana kita menjaga adat dan budaya kita bak kata pepatah *bahasa menunjukkan bangsa*. Justeru itu, pengkaji baharu hendaklah bersedia dalam melakukan penelitian terhadap karya-karya sastera agar dapat membawa pembaharuan dalam bidang penyelidikan di negara ini.

### 5.3.2 Masyarakat

Menerusi golongan masyarakat pula, golongan ini dapat dilihat dalam lingkungan golongan ibu bapa dimana ibu bapa hendaklah memainkan peranan dalam memberikan pengetahuan kepada anak-anak mereka sejak sekolah lagi mengenai sastera rakyat. Ibu bapa haruslah menggalakkan anak-anak mereka agar sentiasa mengenali dan mengetahui cerita-cerita masyarakat dahulu dan mendidik anak-anak dengan nilai-nilai yang baik melalui penceritaan kisah-kisah rakyat tersebut. Hal ini kerana pembentukan akhlak dan peribadi mereka hendaklah dimulakan dari kecil agar dapat membawa perilaku yang baik hingga mencapai peringkat dewasa. Dalam pada itu, ibu bapa juga dapat memantau dan melindungi anak-anak mereka daripada berperilaku yang tidak baik sepertimana yang terdapat dalam kisah-kisah rakyat terutama cerita jenaka. Justeru itu, ibu bapa hendaklah bijak dalam memperkenalkan karya-karya seperti cerita rakyat kepada anak-anak mereka agar jauh daripada perlakuan yang tidak baik.

Tambahan itu, golongan masyarakat yang lain juga hendaklah mengubah persepsi mereka terhadap cerita rakyat seperti cerita jenaka yang disampaikan dari generasi ke generasi yang berikutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua karya sastera itu cuba untuk memaparkan isu-isu atau sesuatu perkara yang tidak baik kepada khalayak dalam usaha untuk mempengaruhi tingkah laku namun cerita rakyat tersebut haruslah difahami dengan jelas mengenai aspek dan



tindakan sesuatu watak tersebut yang juga mampu melahirkan nilai-nilai yang positif. Buktinya, terdapat beberapa kajian terdahulu turut memperlihatkan kehadiran nilai positif yang digambarkan oleh watak dalam sesebuah cerita rakyat disamping membuktikan bahawa pemahaman seseorang terhadap karya sastera itu harus dititikberatkan. Justeru itu, masyarakat haruslah bersedia untuk menerima segala perkara yang diberikan dan diselitkan dalam setiap karya yang dibaca agar dapat memberikan kebaikan dalam kehidupan mereka.

### 5.3.3 Institusi

Pihak Institusi yang merangkumi institusi pendidikan haruslah mempertingkatkan lagi pemahaman dan penelitian yang menjurus kepada aspek-aspek yang belum lagi disentuh oleh mana-mana pihak. Hal ini dilakukan bagi membuka minda dan pengetahuan para pelajar untuk berani dalam melihat dan menyentuh isu-isu penting yang terdapat dalam sesebuah karya sastera itu. Cadangan ini ditujukan bagi memastikan setiap institusi pendidikan terutama bagi bidang kesusasteraan agar menitikberatkan mengenai cerita-cerita rakyat yang dapat merangkumi budaya dan adat tradisi masyarakat Melayu agar dapat memberikan pemahaman dan merapatkan jurang antara masyarakat Melayu dengan masyarakat luar.

Pihak kerajaan juga haruslah memberikan bantuan dan bergerak menjadi satu pihak penting sebagai kekuatan dalam membawa bidang kesusasteraan ini kepada masyarakat luar dalam mengenal karya sastera kita dengan baik tanpa memperlihatkan unsur-unsur yang dapat melemahkan dan menjatuhkan semangat jati diri orang Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana meskipun cerita rakyat seperti jenaka ini memberikan hiburan namun ia masih dapat memperlihatkan kelemahan golongan tertentu kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, pihak

kerajaan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan yang bertanggungjawab kepada bidang kesusasteraan hendaklah memastikan bahawa setiap karya yang dibawa ke mata dunia itu mampu memberikan satu kebaikan disamping menunjukkan keindahan yang terdapat dalam setiap karya yang dimiliki kepada khalayak luar.



#### **5.4 PENUTUP**

Cerita jenaka Melayu merupakan salah satu karya sastera rakyat yang amat dekat dengan jiwa masyarakat sejak dahulu lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita-cerita rakyat mempunyai nilainya yang tersendiri dalam memberikan nilai moral dan pengajaran dalam membentuk peribadi dan tingkah laku masyarakat. Tambahan pula, kajian ini juga telah memperlihatkan bahawa cerita jenaka Melayu ini dapat melahirkan satu pemahaman dan pemikiran yang lain seperti mengetahui akan kehadiran unsur-unsur lain seperti propaganda disamping dihadiri dengan unsur-unsur humor dalam usaha untuk menarik perhatian masyarakat. Propaganda ini hadir namun masih samar-samar kepada masyarakat kerana mereka terlalu memfokuskan kepada hiburan dan keadaan perwatakan yang ditonjolkan oleh watak. Dalam pada itu, pengaplikasian teori keindahan dalam aspek sfera keindahan yang dilihat dalam cerita jenaka Melayu juga telah memperjelaskan kemampuan pengarang dalam menyampaikan cerita jenaka dengan menghadirkan keindahan yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, kajian ini telah memberi membuka satu peluang baru kepada para pengkaji yang lain untuk melihat aspek yang lain dalam cerita jenaka Melayu.

## RUJUKAN

- Ab Jabar, N. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 172-191.
- Ab Jabar, N., & Ghazali, M. F. M. (2021). Komunikasi bahasa sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 364-378.
- Abd. Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Adaha. M. N. F. (2022). *Kearifan lokal dalam seloka Pak Kaduk & Pak Pandir: Aspek sindiran dan kenyataan*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Adam. F., Kadir. F. K. A., & Ahmad. W. I. A. (2010). Bidaah Dalalah: Konsep dan pengamalannya dalam masyarakat Melayu. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 13, 103–114. <https://doi.org/10.32890/jps.13.2010.11342>
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional: Beauty Concept in Traditional Malay Literature. *PENDETA*, 2, 99-117.
- Alkhajar, E. N. S., Yudiningrum, F. R., & Sofyan, A. (2013). Film sebagai propaganda di Indonesia. *In Forum Ilmu Sosial* 40(2), 189-198.
- Alwi. E. A. Z. E. (2021, September 13). Percayaan pada yang karut. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/09/754129/percaya-pada-yang-karut>
- Ariffin Nur. (1971). “Kesusasteraan Rakyat” Dalam Kesusasteraan Lama Melayu. Pustaka Aman Press.
- Asmiaty Amat & Sulaiman. N. S. (2023). *Watak dan nilai positif dalam cerita jenaka etnik peribumi terpilih di Sabah*. *Malay Literature*, 36(1), 1–24. <http://doi.org.10.37052/ml36>
- Astuti, R. Y. (2020). *Keindahan Dalam Hikayat Indra Laksana: Kajian Estetika Melayu Braginsky* (Doctoral dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Bernama. (2021, Julai, 10). Kerajaan tidak ambil pendekatan propaganda dalam menyampaikan maklumat. *Utusan Borneo*. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/10/kerajaan-tidak-ambil-pendekatan-propaganda-dalam-menyampaikan-maklumat>
- Bernays, E. L. (1928). *Propaganda*. Horace Liveright
- Cantril, H. (1938). Propaganda Analysis. *The English Journal*, 27(3), 217. <https://doi.org/10.2307/806063>
- Che Ayub, M. N. F. A. (2022). *Kearifan Lokal Dalam Seloka Pak Kaduk & Pak Pandir: Aspek Sindiran Dan Kenyataan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Cipta, J. F. W., Rembang, M., & Marentek, E. (2018). Pengaruh Propaganda Politik Pasangan Calon Bupati Dan Wakil Bupati Terhadap Pemilih Pemula Di Kecamatan Pineleng Kabupaten Minahasa. *Acta Diurna Komunikasi*, 7(4), 9.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research - Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Edisi 3). University of Nebraska–Lincoln.
- Daud, M. Z., Subet, M. F., & Pawi, A. A. A. (2021). “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai” Sebagai Manifestasi Kritikan dalam Kancan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Researchgate.net*. [https://www.researchgate.net/publication/354251429\\_Aduhai\\_Malangnya\\_Pak\\_Kaduk\\_Ayamnya\\_Menang\\_Kampung\\_Tergadai\\_Sebagai\\_Manifestasi\\_Kritikan\\_dalam\\_Kancan\\_Politik\\_Tempatan\\_Analisis\\_Pragmatik](https://www.researchgate.net/publication/354251429_Aduhai_Malangnya_Pak_Kaduk_Ayamnya_Menang_Kampung_Tergadai_Sebagai_Manifestasi_Kritikan_dalam_Kancan_Politik_Tempatan_Analisis_Pragmatik)
- Dewey, J. (1966). Experience and education. In Garforth, F. W. John Dewey: Selected Educational Writings. Heinemann.

- Tuah, D. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153-168.
- Endawi, A. L. A. (2014). Propaganda Dalam Dokumentari. <https://ir.unimas.my/id/eprint/18979/>
- Fadzilah Amzah. (2016). *Sfera Keindahan dalam Cerita Penglipur Lara*. Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Faidhani, D. R. (2018). *Keindahan Dalam Hikayat Syah Mandewa: Kajian Estetika Melayu Braginsky*. (Doctoral Dissertation, Universitas Gadjah Mada).
- Faidzul, M. (2022). *Keindahan Perlambangan Alam Dalam Peribahasa Melayu Melalui Teori Keindahan Braginsky*. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Fitriyah, L. (2017). Jangan terlalu materialistik! materialisme sebagai tolak ukur kepuasan hidup. *psikovidya*, 20(1), 1-8.
- Fuadiputra & Ramadhani. I. (2014). Pengaruh Gaya Kepemimpinan Demokratis Terhadap Kinerja Paramedis Di Rumah Sakit Al-Rohmah. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Brawijaya*.
- Halim, M. F. (2021, Februari 26). Buku teks sekolah bukan alat propaganda, kata pakar. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/news/564462>
- Hamdan, R., & Annuar, A. B. (2020). Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Hamdan, R., & Annuar, A. B. (2020). Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Hamdan, R., & Annuar, A. B. (2020). Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3).
- Hamid, A. B. (1976). *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka, 2002. Merantau ke Deli. Kuala Lumpur: Crescent News
- Hartati, O. (2017). Propaganda dalam Mars Perindo (Sebuah Kajian Semiotika Iklan Politik). *Promedia (Public Relation dan Media Komunikasi)*, 3(1), 25-74.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kitab Tib: Ilmu Perubatan*. Perpustakaan Negara Malaysia
- Hassan, M. F. (2021, Ogos 5). Pak Kadok, Lebai Malang moden. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2021/08/05/pak-kadok-lebai-malang-moden/>
- Hassan. M. S. (2021, Julai 4). Serupa tilik nasib. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/726271/serupa-tilik-nasib>
- Hazrul Mazran, R., & Aziz, A. (2020). Adaptasi kesusasteraan rakyat (cerita Si Luncai) dalam karya seni cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 43-56.
- Ismail, M. S., Abu Bakar, R., & Nik Muhamad Effendy, N. R. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329. <https://juku.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13409>
- Ismail, M. S., Bakar, R. A., & Effendy, N. R. N. M. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.
- Ismail, M. Z. (2021, Julai 3). Potensi Pengajaran dalam Cerita Rakyat. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/07/03/898/>
- Ismail. Z. M. (2021). Potensi Pengajaran dalam Cerita Rakyat. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2021/07/03/898/>


- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri. (2021, Mei 5). Menilik nasib. <https://muftins.gov.my/soaljawab/menilik-nasib/>
- Jowett, G. S. & O'Donnell, V. (2012). *Propaganda And Persuasion*. SAGE Publications
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat . (2017). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasim. S. M. (2021, Februari 28). Sifat materialistik antara punca terima rasuah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/126072/khas/rasuah-busters/sifat-materialistik-antara-punca-terima-rasuah>
- Kustiawan. W., Hafiz. A. Q., Rasyidin. K., Amelia. P., & Ketaren. S. J. (2022). Propaganda dalam Komunikasi Politik Melalui Media Sosial. *Jurnal Ilmu Komputer, Ekonomi dan Manajemen*, 2(1), 1755.
- Macionis. J. J. (1987). "Sociology". New Jersey: Prentice Hall.
- Mana Sikana. (2021, April 2021). Estetika Dalam Karya Sastera. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/134112/khas/pendapat/estetika-dalam-karya-sastera>
- Misbah, A. (2016). Propaganda Kiai sāLih Darat Dan Harmoni Nusantara (Telaah Kitab Minhāj Al-atqiyā). *Fikrah*, 4(1), 96-116.
- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizzah Baharudin. (2016, Disember 9). Pak Pandir, Kluang Man dipopularkan dalam kursus ukir figura. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/221866/pak-pandir-kluang-man-dipopularkan-dalam-kursus-ukir-figura>
- Palupi, R. (2019). Penyalahgunaan media sosial sebagai alat propaganda. *Komunikasi: Jurnal Komunikasi*, 10(1), 69-76.
- Raba. A. M. (2001). Major Personalities in the Quran. Kuala Lumpur : A.S Noordeen.
- Razali, N. H. A., & Bahaman, B. (2018). Kesan Keindahan Unsur Fantasi Dalam Syair Bongsu Pinang Peribut Dan Susu Ganda (Sbppsg) Dan Cherita Bongsu Pinang Peribut (Cbpp). *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 190-216.
- Riyani. N. U. (2022). Konsep sikap bijaksana sebagai bentuk pengendalian emosi dalam perspektif taoisme. *Jurnal Riset Agama*, 2(3), 780. <https://doi.org/10.15575/jra.v2i3.17992>
- Rohani. M. F & Padoli. M. F. M. (2016, Julai 1). Bauran satira dalam Pak Pandir moden. Researchgate. [https://www.researchgate.net/publication/344427545\\_BAURAN\\_SATIRA\\_DALAM\\_PAK\\_PANDIR\\_MODEN](https://www.researchgate.net/publication/344427545_BAURAN_SATIRA_DALAM_PAK_PANDIR_MODEN)
- Rusli, H., & Abdullah, M. (2022). Tujuan dan Fungsi dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu. *Ideology Journal*, 7(2), 146-153. doi:10.24191/idealogy.v7i2.368
- Rusli, H., & Zali@Zalay, A. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 17-29. doi:10.24191/idealogy.v5i1.181
- Saiful Bahri Md. Radzi. "Pengkajian cerita Jenaka: Satu Penilaian Krisis: Persuratan Melayu." Dalam Dari Lontar Ke Layar, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- Sara Chinnasamy. (2020, Julai 11). Tepis Propaganda, Laporan Melencong Media Asing. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/709551/tepis-propaganda-laporan-melencong-media-asing>

- Setyowati, N. (2016). Kajian Semiotik Karya-karya Stensil Propaganda Digie Sigit. *Google Scholar*.  
[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=Kajian+Semiotik+Karya-karya+Stensil+Propaganda+Digie+Sigit&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=Kajian+Semiotik+Karya-karya+Stensil+Propaganda+Digie+Sigit&btnG=)
- Tamam, S. S., & Radzi, S. B. M. (2013). Jurang digital dalam cerita jenaka Internet: Satu perbincangan folklor urban. *Jurnal Melayu*, 10, 49-67.
- Taslim. N. (2010). "Protagonis dalam Era Pascakolonial: Perubahan Ideologi dan Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional." *Dlm Naratif Baru Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tehrani. F. (2017, November 24). Kisah lebai bogel. *Free Malaysia Today*.  
<https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2017/11/24/kisah-lebai-bogel-dua/>
- Thomas & Jenny, 1995. *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. New York: Longman.
- Tinta Sastera (2018, Mac 24). Angan-angan Mat Jenin. Brosastera.  
<https://brosastera.blogspot.com/2018/03/angan-angan-mat-jenin.html>
- Uniawati, U. (2021). Elong Ugi: Kajian Estetika Dalam Pandangan Vladimir Braginsky. *Seshiski: Southeast Journal of Language and Literary Studies*, 1(1), 34-46.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. London: Pearson/Allyn and Bacon
- Yaacob, M. F. C. (2015). *Nilai-nilai murni dalam seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia).
- Yusuf, R. M., & Adi, B. T. (2023). Mc. Donald's Sebagai Sarana Propaganda Amerika di Dunia. *JISIP (Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan)*, 7(3), 2018-2025.
- Zakiyuddin. A. (2018). Teknik teknik propaganda politik Jalaludin Rakhmat. *Jurnal Ilmu Politik, Pemerintahan, dan Administrasi Publik*, 1(1).  
<https://doi.org/10.36859/jap.v1i01.41>


**LAMPIRAN A : Borang Soal Selidik Kesan Unsur Propaganda Dalam Cerita  
Jenaka Melayu Terhadap Khalayak**



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



# Soal Selidik - Kajian Terhadap Unsur Propaganda Menerusi Cerita Jenaka: Pemahaman Pelajar Kesusasteraan Warisan

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Saya merupakan pelajar daripada Elektif Kesusasteraan Warisan dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok). Bagi menyelesaikan projek akhir penyelidikan ini, saya sedang menjalankan soal selidik bagi melihat akan pemahaman dan kesan yang diperolehi daripada unsur propaganda dalam watak menerusi cerita jenaka Melayu terhadap pelajar Kesusasteraan Warisan. Oleh hal yang demikian, saya amat berharap anda dapat meluangkan sedikit masa untuk mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik ini. Jawapan anda adalah penting bagi melengkapkan kajian akhir saya.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian (**Bahagian A, B dan C**) yang perlu diisi bagi memenuhi keperluan kajian ini. Terima kasih kerana telah meluangkan masa berharga anda untuk mengisi borang soal selidik ini. Segala sokongan dan masa anda amat saya hargai.

\* Indicates required question

*Skip to question 1* *Skip to question 1*

## **BAHAGIAN A - Demografi Responden**

**Arahan:** Sila tanda dan isikan maklumat anda pada bahagian yang disediakan.

1. Jantina \*

*Mark only one oval.*

- Lelaki  
 Perempuan

2. Umur (Tahun) \*

---

*Skip to question 3*

### **BAHAGIAN B - Pengetahuan dan Kefahaman**

#### **Arahan:**

Sila tandakan soalan dibawah mengikut pengetahuan dan kefahaman anda pada bahagian yang disediakan.

3. 1. Adakah anda memahami apa yang dimaksudkan dengan cerita jenaka? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

4. 2. Adakah anda mengetahui jenis-jenis cerita jenaka? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

5. 3. Adakah anda mengetahui makna unsur propaganda? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

6. 4. Adakah anda mengetahui unsur propaganda hadir dalam cerita jenaka Melayu? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

7. 5. Adakah kehadiran unsur propaganda ini hadir dalam kesemua cerita jenaka Melayu? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

8. 6. Adakah unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu telah mencerminkan kehidupan masyarakat sejak dahulu lagi? \*

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

9. 7. Adakah anda mengetahui bahawa unsur propaganda yang \*  
dibawa menerusi cerita jenaka memberikan kesan yang baik  
dan buruk dalam kehidupan masyarakat sehingga hari ini?

*Mark only one oval.*

- Ya  
 Tidak

*Skip to question 10*

### **BAHAGIAN C**

**Arahan:** Bahagian C ini mempunyai tiga bahagian yang terdiri daripada **aspek emosi, rohani dan jati diri**. Oleh itu, berdasarkan kenyataan yang telah diberikan, sila baca dengan teliti dan tandakan dengan jelas mengenai kesan unsur propaganda menerusi cerita jenaka Melayu ini mengikut kefahaman anda. Baca dengan teliti pernyataan tersebut dan tanda berdasarkan skala yang telah diberikan.

- Skala:** 1- Sangat Tidak Setuju  
2- Tidak Setuju  
3- Sederhana Setuju  
4- Setuju  
5- Sangat Setuju

### **BAHAGIAN C (I)**

**Kesan Unsur Propaganda Dalam Watak Menerusi Cerita Jenaka Melayu  
Kepada Khalayak (ASPEK EMOSI)**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

10. Meningkatkan rasa empati dalam kehidupan masyarakat antara satu sama lain. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

11. Memperkukuhkan hubungan yang erat dan saling menghargai antara kalangan masyarakat. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

12. Memanipulasi pemikiran dan perasaan masyarakat terhadap makna sebenar yang disampaikan melalui cerita jenaka Melayu. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

13. Perwatakan negatif menerusi cerita jenaka menggambarkan emosi dan sikap masyarakat Melayu. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

14. Meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat terhadap sesuatu isu yang berlaku. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

15. Meningkatkan keupayaan pemikiran masyarakat dalam menangani masalah dan konflik terhadap isu politik dengan lebih mendalam. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

Skip to question 16

### BAHAGIAN C (II)

**Kesan Unsur Propaganda Dalam Watak Menerusi Cerita Jenaka Melayu Kepada Khalayak (ASPEK ROHANI)**

16. Cerita jenaka memberikan pengajaran kepada kehidupan masyarakat. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

17. Memupuk nilai moral dalam diri khalayak. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

18. Kehidupan masyarakat yang taksub dan percaya dengan hal-hal karut. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

19. Meningkatkan penyebaran ideologi yang \*  
tertentu dalam kalangan masyarakat.

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

20. Memperluaskan pengetahuan terhadap makna tersirat \*  
yang disampaikan menerusi cerita jenaka kepada khalayak.

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

21. Membina semangat dan mengawal diri untuk lebih \*  
menghargai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan.

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

Skip to question 22

### BAHAGIAN C (III)

**Kesan Unsur Propaganda Dalam Watak Menerusi Cerita Jenaka  
Melayu Kepada Khalayak (ASPEK JATI DIRI)**



22. Memberi pengaruh terhadap tingkah laku dan tindakan masyarakat. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

23. Membentuk sikap murni dalam diri khalayak sehingga kini. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

24. Memberi pengetahuan kepada masyarakat terhadap nilai budaya dan warisan tradisional. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

25. Menunjukkan budaya masyarakat Melayu tidak berkembang dan terlalu kolot. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

26. Memperlihatkan kelemahan pemerintah dalam mentadbir negara. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

27. Menjadi Lambang masyarakat Melayu yang mempunyai keberanian dan berjiwa besar. \*

Mark only one oval.

1 2 3 4 5

Sangat      Sangat Setuju

Terima kasih kerana telah sudi meluangkan masa anda.

---

UNIVERSITI  
This content is neither created nor endorsed by Google.

Google Forms

MALAYSIA

KELANTAN